

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

Shah Alam, Selasa 14 Julai 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(PUAN SPEAKER)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Setiausaha

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha II

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

PUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat Kedua Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

PUAN SPEAKER: Dengkil.

PUAN SPEAKER : Batang Kali.

PUAN SPEAKER : Sri Muda.

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ. SHAFIEI : Puan Speaker, soalan nombor 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK: PENGUATKUASAAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

43. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar :-

Banyak aduan berhubung keengganan majikan melepaskan pekerja Islam bersolat.

- a) Apakah benar terdapat majikan di Selangor yang melarang pekerja mereka berpakaian menutup aurat dan bersolat Jumaat, jika benar apakah tiada undang-undang atau penguatkuasaan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang boleh diambil kepada mereka?
- b) Apakah tiada undang-undang atau penguatkuasaan yang membolehkan Jabatan Agama Islam (JAIS) melarang serta mengambil tindakan terhadap para pekerja beragama Islam yang bekerja di Pusat Hiburan, kedai-kedai judi dan kedai menjual arak, jika ada kenapa tidak dikuatkuasakan?
- c) Terdapat rungutan dan aduan berkenaan tingkah laku penguat kuasa JAIS yang melampaui batas agama ketika menjalankan tugas. Apakah syarat-syarat untuk menjadi penguat kuasa atau kakitangan Jabatan Agama Islam (JAIS)?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahi rahmani rahim.* Puan Speaker, Terima kasih Sri Muda mengenai 42, Sri Muda bukan saya.

Y.B DATO' DR. HASAN BIN MOHD. ALI: Puan Speaker, Terima kasih. Soalan yang pertama ialah apakah benar majikan di Selangor yang melarang pekerja mereka berpakaian menutup aurat dan bersolat Jumaat, jika benar apakah tiada undang-undang atau penguatkuasaan oleh Jabatan Agama Islam Selangor yang boleh diambil kepada mereka. Itu soalan yang pertama. Yang kedua, Apakah tiada undang-undang ataupun penguatkuasaan yang membolehkan Jabatan Agama Islam melarang serta mengambil tindakan terhadap para pekerja beragama Islam yang bekerja di Pusat Hiburan, kedai-kedai judi dan kedai-kedai menjual arak, jika ada kenapa tidak dikuatkuasakan. Yang ketiga, Terdapat rungutan dan aduan berkenaan tingkah laku penguat kuasa JAIS yang melampau batas agama ketika menjalankan tugas. Apakah syarat-syarat untuk menjadi penguat kuasa atau kakitangan Jabatan Agama Islam (JAIS).

Puan Speaker, jawapan yang pertama, Bahagian Penguatkuasaan JAIS tidak pernah menerima aduan berkaitan majikan melarang pekerja berpakaian menurut aurat tetapi ada menerima aduan awam bahawa terdapat majikan tidak membenarkan pekerja mereka bersolat hajat. Bahagian Penguatkuasaan JAIS tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan ke atas majikan yang melarang orang Islam atau pekerjanya menunaikan solat Jumaat dan kes majikan yang tidak membenarkan pekerja-pekerjanya menunaikan solat Jumaat dipanjangkan di Bahagian Penguatkuasaan JAIS kepada pihak SUHAKAM untuk tindakan selanjutnya.

b) Bahagian Penguatkuasaan JAIS telah mengambil tindakan terhadap pekerja yang beragama Islam di Pusat Hiburan. Jika didapati mereka terlibat secara langsung menjual dan menawarkan minuman keras atau arak di bawah Seksyen 18 (2) EJSS 1995, begitu juga mana-mana orang Islam yang bekerja di premis juga boleh didakwa di bawah Seksyen 17 (1) EJSS 1995. Tapi syarat minima seseorang itu menjadi Penguat kuasa dan mengambil pekerja di Jabatan Agama Islam Selangor adalah seperti berikut :

- i) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia.
- ii) Kepujian dalam subjek Agama Islam.
- iii) Lulus dalam bahasa Arab.
- iv) Lulus Ujian Lisan Bahasa Melayu.
- v) Mempunyai Sijil 4 Senawi, atau
- vi) Mempunyai Sijil Tinggi Agama daripada Sekolah Agama Bantuan penuh Kerajaan.

Suka saya maklumkan di sini Puan Speaker bahawa JAIS mempunyai kakitangan yang boleh dikatakan mencukupi walaupun banyak lagi, ramai lagi yang sebenarnya yang perlu diambil untuk memperkuatkan penguatkuasaan JAIS. Sebab itu pada tahun ini Alhamdulillah beberapa *recruitment* telah dibuat dan kita sudah mendapat tambahan-tambahan kepada pegawai-pegawai tersebut yang diletakkan di Ibu Pejabat dan sebahagiannya diagih-agihkan kepada PAID Pejabat Agama Islam Daerah dan nampaknya sekarang ini pertambahan kakitangan dan perjawatan yang diluluskan kita dapati sangat kepada JAIS itu makin, makin baik dan penguatkuasaan kepada peraturan-peraturan yang terdapat dalam enakmen EJSS 1995 itu dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya. Apa pun, kita sedang memperbaiki dan pegawai-pegawai yang baru berkhidmat dengan JAIS terutama pegawai penguat kuasa sedang dihantar berkursus di ILDAS dan berkursus di tempat-tempat lain bagi menajamkan kemahiran mereka, ilmu mereka tentang kemahiran, penguatkuasaan dan kursus-kursus ini melibatkan

pegawai-pegawai polis, melibatkan pegawai-pegawai penguat kuasa yang lain. Kursus-kursus ini juga akan memberikan kekuatan kepada mereka untuk menjalankan tugas dengan berkesan. Dan akhirnya Puan Speaker, saya ingin menyebutkan yang lepas-lepas ada disebut-sebutkan bahawa ada terdapat pegawai-pegawai JAIS dan kakitangan yang *over seller's* dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Penguat kuasa. Tetapi apa pun Puan Speaker, saya memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa pegawai-pegawai JAIS yang baru ini dengan kursus-kursus yang diberi dengan ilmu dan kemahiran yang telah diterapkan kepada mereka, kita dapati kita akan merasakan Insya-Allah kita akan ada *a core of officers, core of* kakitangan penguatkuasaan yang mampu menjalankan tugas dengan penuh hemah, mampu menjalankan tugas dengan akhlak, mampu menjalankan tugas dengan apa yang diperuntukkan dalam agama Islam iaitu kita menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan kasih sayang terhadap apa yang kita lalukan untuk menjalankan tugas tersebut. Terima kasih Puan Speaker.

YB DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Bangi.

YB DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Puan Speaker. Masalah gejala sosial ini memang merebak di mana-mana sahaja. Ada kawasan-kawasan terutama masjid dan surau ada menubuhkan jawatankuasa yang dinamakan amal makruf dan ahli mungkar dan juga badar. Tetapi masalahnya mereka ini bila bertembung dengan masalah-masalah misalnya bersekedudukan dan sebagainya dan pengalaman saya sendirilah pernah pergi menerima repot tetapi kita tidak dapat membuat apa-apa apabila pergi ke tempat itu kerana kita dianggap tidak mempunyai kuasa hatta bersama polis pun. Polis kata tak boleh tangkap kecuali jelas sedia melakukan jenayah. Tetapi tidak ada pada masa kita pergi itu jenayah. So, bagaimana kita nak mengatasi masalah ini kerana kalau kita mengharapkan kepada Penguat kuasa yang dilantik sahaja ertinya masa untuk kita panggil itu panjang, dan apa yang berlaku itu sudah ertinya tidak dapat dilihat dengan jelas lagi lah. Terima kasih.

YB DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Bangi. Perkara ini Puan Speaker, bukan hanya berlaku kepada sistem penguatkuasaan JAIS untuk menguatkuasakan enakmen jenayah syariah dan lain-lain enakmen yang berkaitan tetapi dalam jabatan-jabatan yang lain pun Yang Berhormat lebih faham, jabatan-jabatan penguatkuasaan pun menghadapi masalah yang sama. Bila kita nak melakukan *rap* biasanya belum kita sampai lagi, orang itu dah berselerak lari dah. Ada informan-informan sama ada dalaman dan luaran yang memberitahu mereka menyebabkan gerakan kita biasanya kurang berkesan jika dibandingkan dengan gerakan-gerakan yang sepatutnya dijalankan untuk proses penguatkuasaan ini. Apa yang kita lakukan Bangi, ada dua, tiga perkara yang dilakukan. Pertama sekali ialah kita sekarang ini dalam bulan depan ini akan menyampaikan surat kuasa kepada pegawai-pegawai masjid yang terdiri daripada Nazir, Imam, Bilal, Siak. Kita akan memberikan mereka surat kuat kuasa bagi membantu Penguatkuasa-Penguatkuasa JAIS termasuk polis untuk memperkuat kuasakan peraturan-peraturan enakmen jenayah syariah di peringkat *locality* mereka. Maksudnya kalau misalnya sebut sebuah masjid terdapat enam atau tujuh surau. Jadi enam atau tujuh surau yang berdekatan dalam *locality settelement* surau yang berdekatan. Kita harap lima orang atau enam orang ini akan bertanggungjawab dengan kawasan mereka dan membantu bukan dibantu dan membantu pegawai-pegawai penguatkuasa JAIS dan juga polis dan lain-lain penguatkuasaan untuk membantu memberkesankan lagi kekuatan penguatkuasaan kita. Yang kedua, apa yang dilakukan sebagaimana Yang Berhormat Puan Speaker ketahui, bahawa hal penguatkuasaan ini melibatkan tiga unsur. Pertama, ialah penguat kuasa. Kedua ialah rang undang-undang yang ada. Ketiga ialah pegawai penguatkuasaan itu. Keempat ialah

masyarakat seluruhnya. Semua nya berkaitan di antara satu sama lain. Kalau misalnya masyarakat tidak mahu melapur, orang-orang kampung tidak melapur, ketua-ketua kampung tidak melapur, JKP tidak melapur maka sukar bagi JAIS, sukar penguatkuasaan mendapat berita-berita terkini mengenai pelanggaran peraturan yang termasuk dalam enakmen jenayah syariah tersebut. Tetapi kalau misalnya penduduk di kawasan itu beroperasi, penduduk di kawasan itu sedar tanggungjawab mereka amal makruf nahi mungkar terutamanya nahi mungkar ini *al amirul abi makruf wan nahimu anin mungkar* ini dapat diterapkan, saya fikir Insya-Allah kemungkinan besar lama-kelamaan tetapi secara berdikit-dikit kita tidak boleh buat perkara ini secara terus secara rabuselari begitu tetapi saya lebih setuju cara yang *incremental* tetapi walau secara *incremental* macam mana pun *incrementalisma* itu bertahap-tahap dan Insya-Allah dalam bertahap-tahap kita akan menentukan keberkesanan penguatkuasaan akan dapat dilakukan dalam sistem penguatkuasaan JAIS. Terima kasih.

PUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: SEKTOR PERTANIAN DAN PERIKANAN NEGERI SELANGOR

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah bilangan petani dan nelayan pesisir pantai serta pukut tunda mengikut pecahan kaum di Negeri Selangor.
- b) Sila nyatakan apakah bentuk bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu para petani dan nelayan yang majoritinya sangat daif.
- c) Apakah tindakan dan pemantauan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri sekiranya bantuan yang disalurkan tidak dimanfaatkan oleh para petani dan nelayan?

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, bagi menjawab soalan daripada Sekinchan, jumlah petani nelayan pesisir pantai, dan pukut tunda, mengikut pecahan kaum di negeri Selangor, seperti berikut, jumlah petani Melayu, 39,178 orang, petani cina 1713 orang, petani India 649 orang, petani orang asli 80 orang, jumlah keseluruhannya ialah 41,548 orang. Ini merupakan petani-petani yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian bilangan nelayan Melayu 3091 orang, nelayan cina pukut tunda 646 orang, nelayan cina pantai 1,546 orang, nelayan India 412 orang, nelayan orang asli 104 orang, jumlah nelayan pantai 5,799 orang. Bantuan kerajaan bagi membantu golongan petani, nelayan daif adalah:-

1. Bantuan input-input pertanian seperti baja, racun dan perkhidmatan pembajakan;

Bantuan peralatan untuk nelayan petani yang terlibat dalam IKS seperti *blender, chiller, oven, dan mixer*.

Bantuan peralatan untuk nelayan seperti jaring, sampan dan injin.

Bantuan sara hidup RM 200.00 sekeluarga nelayan, insentif pengeluaran pertanian dan nelayan, insentif e-petrol dan e-diesel bantuan perumahan di bawah kerajaan prihatin.

Bagi soalan yang ke 3, nilai tahun 2008, penerima bantuan akan diberi kursus *spies* selama 3 hari agar menghargai bantuan yang diberi, ini semua sesiapa yang hendakkan bantuan IKS wajib mengikuti kursus *SPIES*, kerajaan negeri akan memberi notis 7 hari, ini bagi soalan sekiranya apakah? tindakan dan pemantauan yang akan diberi oleh pihak kerajaan negeri sekiranya bantuan yang disalurkan tidak dimanfaatkan, seandainya tidak dimanfaatkan kita akan memberi notis 7 hari dan boleh dirampas. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Soalan tambahan Puan Speaker. Memandangkan banyak bantuan, subsidi yang disalurkan kepada petani dan nelayan sama ada daripada kerajaan pusat ataupun kerajaan negeri saya nampak khususnya dalam bidang nelayan/perikanan, sebelum ini saya nampak banyak terdengar banyak aduan daripada orang ramai mengatakan terdapat ramai nelayan yang bukan *genuine* nelayan bukan asli nelayan tetapi menerima juga enjin-enjin sangkut, jaring dan sampan disebabkan mereka ini ada hubung kait dengan politik, ataupun suku sakat politik mereka, baru mereka dapat. Jadi saya ingin tanya soalan apakah? kriteria yang diguna pakai untuk menapis supaya keadaan seperti ini tidak berlaku pada pentadbiran sekarang. Sekian, terima kasih.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Saya akui Sekinchan, daftar yang saya lihat ada yang bukan nelayan mendapat lesen nelayan, itu berlaku sebelum Mac 2008, semenjak Mac 2008 kita pastikan hanya nelayan yang mempunyai lesen nelayan sahaja yang dibantu itu jelas, untuk Sekinchan saya bagi satu pantunlah

Unggas terbang merata-rata,
Di tengah sawah sesuka hati,
Petani maju hidup sejahtera,
Pakatan Rakyat pilihan di hati.

PUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD: Puan Speaker soalan tambahan. Yang Pertama, berapa jauhkah dari pesisir pantai boleh pemilik-pemilik pukut tunda ini beroperasi, atau adakah zon-zon yang khusus yang ditetapkan kepada semua nelayan bagi menjalankan aktiviti masing-masing dari pesisir pantai hinggalah ke laut dalam. Sekian, terima kasih.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Sekadar ini ada 3 zon untuk nelayan pertama pesisir pantai 5 batu nautika ke dalam, ke dua 5 batu ke 10 zon b, dan seterusnya adalah zon c, pukut tunda tidak boleh memasuki kawasan zon c kawasan pesisir pantai.

PUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Puan Speaker, soalan saya adalah soalan yang ke 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: PUSAT CYBER

45. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berapa banyakkah pusat-pusat *cyber* yang berlesen dan tidak berlesen di negeri Selangor.
 - b) Berapakah keperluan secara kajian pusat-pusat *cyber* yang bermanfaat di setiap zon-zon PBT seluruh negeri Selangor.
 - c) Apakah dasar Kerajaan Negeri dalam pemberian lesen kekal kepada pusat *cyber* yang telah beroperasi sebelum pentadbiran kerajaan PR dan memenuhi syarat-syarat .

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Puan Speaker, Sijangkang ingin nak tahu berapa banyakkah? Pusat-pusat *cyber*, yang berlesen dan tidak berlesen di negeri Selangor. Puan Speaker, untuk makluman kerajaan negeri yang lalu telah membekukan lesen untuk pusat *cyber*, tetapi nampaknya pembekuan itu tidak membawa kesan yang baik kerana hingga hari ini di negeri Selangor kita hanya ada sebanyak 604 premis yang berlesen, tetapi premis pusat *cyber* yang tidak berlesen haram sekarang sudah melebihi 1,000 premis, walau bagaimanapun kerajaan negeri telah mengarahkan semua PBT untuk memantau semua lesen yang dikeluarkan bagi memastikan semua terma dan syarat yang termaktub di dalam syarat-syarat yang dikenakan dipatuhi sepenuhnya. Mana-mana pengusaha yang gagal mematuhi syarat-syarat lesen dan penyalahgunaan fungsi premis tersebut tindakan berdasarkan kepada peruntukan perundangan semasa dan lesen ditarik balik akan diambil ke atas mereka.

Kerajaan negeri belum bercadang untuk menetapkan jumlah pusat *cyber* mengikut zon-zon PBT, walau bagaimanapun ianya akan disemak bagi melihat keperluan dan manfaat untuk masyarakat, jadi sekarang kerajaan negeri masih membekukan permohonan lesen baru, pusat *cyber* di seluruh negeri Selangor disebabkan berlaku penyalahgunaan fungsi premis dan juga menimbulkan berbagai reaksi dari masyarakat terutama ibu bapa ada yang mengatakan anak-anak mereka ponteng dan sebagainya, ada yang mengadu bahawa premis ini selalu digunakan sebagai pusat perjudian, tetapi mengikut pemantauan PBT, masalah-masalah ponteng dan juga masalah perjudian banyak berlaku di kalangan premis *cyber café* ataupun pusat *cyber* yang tidak ada lesen, yang ada lesen lebih mudah PBT untuk membuat kawalan, sebab itu, baru-baru ini kerajaan dan juga diketuai oleh Dato' Menteri Besar sendiri telah berjumpa dengan pihak pengusaha dan juga ibu bapa dan juga ketua-ketua ataupun pemimpin-pemimpin agama dan ada satu sesi dialog, kerana kita sedang mengkaji supaya kita mendapatkan satu garis panduan dan juga akhirnya satu undang-undang kecil yang boleh diguna pakai satu garis panduan yang lebih berkesan yang dapat mengawal situasi yang saya sebutkan tadi.

Jadi, kita mintalah pengusaha-pengusaha kerana kita banyak menerima aduan daripada pengusaha bahawa kerana operasi *business* mereka ditetapkan tetapi pusat *cyber* yang tidak ada lesen yang haram itu tak ada sekatan maka *business* mereka merosot, tetapi *business*

perniagaan untuk yang haram itu lebih jauh lebih laku, daripada pusat yang ada lesen sebab itu kita perlulah mengadakan satu garis panduan yang baru yang akhirnya adakan satu undang-undang kecil yang baru. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Dimaklumkan bahawa pusat-pusat *cyber* yang tidak berlesen melebihi daripada 1,000 premis apakah tindakan yang lebih tegas oleh kerajaan negeri Selangor kepada pemilik-pemilik pusat *cyber* yang tidak berlesen ini tetapi masih lagi menjalankan operasinya.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Sijangkang, kuasa untuk PBT, untuk mensita dan sebagainya ada, tetapi kuasanya terhad sebab itu kita telah memanggil CPO sendiri, CPO Selangor sendiri untuk mengadakan dialog dan kita juga menyampaikan masalah ini kepada beliau kerana kita rasa polis pihak polis mempunyai kuasa yang lebih besar lebih menyeluruh untuk mensita untuk *confiscate* dan sebagainya untuk premis tersebut, jadi kita mintalah pihak bekerjasama dengan PBT untuk mengadakan operasi yang lebih kerap supaya kita dapat meminimumkan aktiviti-aktiviti ponteng, perjudian dan sebagainya. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sungai Burong.

YB DATO' DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan tambahan, terima kasih. Puan Speaker. Adakah? Kerajaan negeri sedar bahawa terdapat golongan remaja dan juga kanak-kanak sekolah yang perlu ke *cyber-cyber cafe* ini dan kemudian menjalankan kegiatan hingga lebih daripada waktu yang diketatkan dan adakah? Pihak berkuasa tempatan akan memperketat penguatkuasaan lagi bagi membersihkan terutamanya gejala-gejala seperti ini tidak berlaku.

Yang Keduaanya, saya ingin bertanyalah sama ada kegiatan perjumpaan-perjumpaan *underground* ini yang difahamkan dilapur perbincangan diadakan di pejabat-pejabat EXCO ini adakah benar? Dan ini berkaitan kegiatan operasi haram seperti pusat-pusat *cyber cafe* ini.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Sungai Burong. Perkara yang gejala sosial disebutkan tadi oleh Sungai Burong memang benar sejak masa pimpinan Barisan Nasional, oleh kerana itu, pada masa itu kerajaan Barisan Nasional membekukan semua pelesenan yang baru, jadi Sungai Burong pun fahamlah dan juga tahulah dan masa itu berterusan kerana pembekuan itu tidak efektif, tidak berkesan menyebabkan pusat-pusat *cyber* yang baru tanpa lesen itu, sekarang sudah jauh melebihi angka pusat-pusat yang berlesen, dan saya pun sudah sebut tadi, jadi mengenai isu yang dibangkitkan oleh Sungai Burong mengikut surat khabar itu memang tidak berasas, sebab itu,

YB DATO' DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, penjelasan, soalan saya

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: *You* tanya, saya bagi jawapan, apa susahnya.

YB DATO' DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak tanya persoalan saya yang pertama tu tak berjawab lagi, saya tanya PBT.

PUAN SPEAKER: Duduk, duduk, EXCO jawab soalan yang berkaitan dengan soalan

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Saya dah jawab saya jawab soalan yang berkaitan, PBT sudah cakap, PBT mengambil sitaan dan sebagainya dan juga kita minta polis juga bekerjasama kerana mereka ada kuasa yang lebih, tak kan Sungai Burung tak dengar itu..

YB DATO' DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau boleh saya ulang Puan Speaker, ialah berkaitan dengan...

PUAN SPEAKER: Baiklah, saya dengar soalan Sungai Burung kemukakan tapi ada satu soalan yang tidak ada kena mengena dengan soalan *cyber cafe*, jadi EXCO jawab soalan yang berkenaan *cyber cafe*.

YB DATO' DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, soalan saya yang nombor 2 tu, saya bertanya adakah berkaitan dengan *cyber cafe*, EXCO berkenaan belum menjawab lagi, soalan pertama tadi pun tak berjawab tentang remaja, bukan saya kata yang haram, *cyber cafe* yang haram.

PUAN SPEKAER: Baik sila duduk, beri EXCO peluang untuk menjawabnya dulu. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Puan Speaker. Remaja, masalah remaja yang itu saya telah jawab dan saya sudah kata yang masalah ini memang telah berlaku pada masa lampau. Setuju atau tidak, sendiri fahamlah. Sebab itu saya katakan kita telah mengambil, kita telah ada undang-undang kecil, itu pun diluluskan pada masa yang lampau. Tetapi nampaknya undang-undang kecil itu tidak secanggih sampai manalah, sebab itu masalahnya berterusan. Jadi kita memang prihatin juga PBT telah di arahkan untuk mengambil tindakan untuk mengatasi masalah yang disebutkan tadi oleh Sungai Burong, Tetapi saya telah menjawab pun, kuasa yang benar-benar ada untuk menangani problem ini ataupun masalah ini terpulang kepada pihak polis kerana mereka ada banyak, kuasa yang sangat berkesan kalau mereka rela bekerjasama dengan PBT. Itu sahaja. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Kota Alam Shah

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker yang nombor dua itu dia tak jawab.

TIMBALAN PUAN SPEAKER: Sungai Burong saya dah minta Kota Alam Shah berdiri untuk pertanyaan selanjutnya. Terima kasih.

YB TUAN M. MANOHARAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya untuk nombor 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN MODAL DAN BANTUAN PENUH

47. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor sehingga ke hari ini masih belum memperuntukkan tanah seluas 10 ekar bagi setiap Sekolah Tamil di Negeri Selangor yang keseluruhan berjumlah 97 buah sekolah?

b) Berapakah jumlah Sekolah-sekolah Kebangsaan, Sekolah-sekolah Cina, Sekolah-sekolah Tamil, Sekolah-sekolah Agama dan lain-lain Sekolah di Negeri Selangor yang masih dikategorikan sebagai Sekolah :-

- i) Bantuan Modal; dan
- ii) Bantuan Penuh.

Dan apakah alasan-alasan Kerajaan Persekutuan untuk terus mengkategorikan Sekolah-sekolah tersebut di Negeri Selangor ini, adakah sebagai sekolah :-

- i) Bantuan Modal; dan
- ii) Bantuan Penuh.

c) Setakat ini apakah jenis-jenis bantuan yang telah dan akan disalurkan kepada Sekolah-sekolah berikut oleh Kerajaan Negeri Selangor?

- i) Sekolah-sekolah Kebangsaan;
- ii) Sekolah-sekolah Cina;
- iii) Sekolah-sekolah Tamil;
- iv) Sekolah-sekolah Agama; dan
- v) Sekolah-sekolah lain

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada Kota Alam Shah. Untuk pengetahuan Alam Shah soalan Yang Berhormat a) dan b) ditolak oleh Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan. Jadi saya akan menjawabkan bahagian c) sahaja iaitu setakat ini apakah jenis-jenis bantuan yang telah dan akan disalurkan kepada sekolah-sekolah berikut oleh Kerajaan Negeri Selangor. Untuk sekolah-sekolah kebangsaan seperti Yang Berhormat Kota Alam Shah sedia maklum, kita wakil-wakil rakyat pemimpin daripada Pakatan Rakyat Negeri Selangor ini setakat ini masih tidak dibenarkan berurusan langsung dengan sekolah-sekolah kebangsaan ini. Dan kalau dimaksudkan oleh Yang Berhormat sekolah kebangsaan merangkumi sekolah menengah saya sendiri bersama dengan Sri Muda cuba memberikan bantuan kepada sekolah menengah Sri Muda yang terbakar pejabatnya pun mereka tidak sanggup menerima cek yang kita beri. Jadi setakat ini memang kita tidak ada memberikan bantuan kerana mereka pun tak perlukan bantuan kita. Untuk sekolah-sekolah Cina setakat ini Kerajaan Negeri Selangor telah menyalurkan, telah memperuntukkan empat juta ringgit kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina bagi baik pulih menambahkan lagi tambahan kelas dan sebagainya.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, hendak penjelasan boleh tak. Penjelasan.

PUAN SPEAKER: Silakan, silakan Sungai Burong.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini soalan 47 ini telah diberikan jawapan oleh Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan bermesyuarat pada 22 telah menolak soalan ini. Ada dua pulak, (b) pulak Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2009 telah menolak soalan ini. Jadi saya nak minta penjelasan sama ada perlu kah dijawab soalan ini.

PUAN SPEAKER: Sungai Burong

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Untuk pengetahuan Sungai Burong, saya hanya menjawab yang telah pun ditapisikan oleh Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan. Kalau Sungai Burong tidak puas hati, Sungai Burong kena tanya Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan kenapa soalan-soalan itu ditolak.

PUAN SPEAKER: Saya jelaskan Sungai Burong. Sungai Burong tak dengar tadi. EXCO hanya jawab bahagian (c) sahaja yang telah dibenarkan yang (a) dengan (b) telah ditolak. Jadi bukan dia jawab (a) dan (b) ya, jelas, faham, terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih, Puan Speaker. Jadi untuk sekolah Cina kerajaan negeri Selangor telah memperuntukkan empat juta ringgit untuk sekolah rendah bagi tujuan yang telah saya sebutkan dan untuk sekolah menengah cina juga kita telah pun memberi dua juta ringgit. Untuk sekolah-sekolah Tamil empat juta ringgit juga di peruntukan, selain daripada untuk prasarana untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan asas di sekolah-sekolah tersebut ia juga merangkumi kursus intensif bahasa Inggeris dan untuk *slow learners* satu program khas untuk dengan izin *slow learners* dan penubuhan sepuluh buah tadika di seluruh negeri Selangor. Bagi sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah agama ada dua jenis. Satu jenis adalah di bawah Jabatan Agama Islam Selangor di mana di antaranya kita akan mengkaji literasi ICT di sekolah-sekolah ini di empat belas buah sekolah ini dan kita juga akan membantu mempertingkatkan sistem pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan ICT di sekolah-sekolah tersebut dan juga kerajaan negeri akan membuatkan kajian keberkesanan sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama di bawah Jabatan Agama Islam Selangor. Satu lagi jenis sekolah agama ialah sekolah yang dibina sendiri oleh rakyat yang tidak pernah mendapat bantuan oleh mana-mana pihak sama ada kerajaan negeri sebelum ini ataupun kerajaan pusat di bawah Barisan Nasional. Justeru kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak 6 juta ringgit untuk baik pulih, untuk memberikan kemudahan-kemudahan asas dan juga membantu daripada memperbaiki sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah tersebut. Bagi sekolah-sekolah lain, kita tidak banyak sekolah lain yang ada adalah sekolah persendirian yang di antaranya yang telah saya sebutkan tadi iaitu sekolah menengah persendirian cina dan sekolah agama rakyat. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Saya ingin bertanya YB EXCO sama ada Kerajaan Negeri bersedia untuk memberikan peruntukan tanah untuk sekolah-sekolah seperti sekolah-sekolah bantuan modal dan juga sekolah agama rakyat bagi membantu sekolah-sekolah tersebut.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Seri Setia. Kerajaan Negeri Selangor menitik beratkan tentang pendidikan. Pendidikan untuk semua kaum, semua bangsa, semua keturunan, semua agama. Dan Kerajaan Negeri Selangor selama setahun lebih memerintah negeri ini telah pun memperuntukkan tanah bagi mana-mana sekolah sebenarnya yang diminta, tetapi kita akan menilai sejauh manakah yang diminta itu bersesuaian dengan keadaan di sekelilingnya dan mengikut ketepatan, keperluan penduduk di tempat-tempat berkenaan. Dan ini kita buat belum lagi membuatkan polisi tentang sekolah persendirian dan sebagainya tetapi ia telah pun kita luluskan beberapa buah sekolah sama ada yang di bawah gereja, sama ada yang di bawah mungkin ada juga yang belum lagi saya dengar dalam sekolah agama rakyat yang selama ini kita memerintah belum lagi, tapi saya rasa ianya tidak lari daripada polisi kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor.

PUAN SPEKAER: Sungai Air Tawar.

YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD: Puan Speaker, bolehkah kalau saya mencadangkan, Sg. Air Tawar mencadangkan supaya Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan ini dimansuhkan kerana apa yang dibuat keputusan itu.

PUAN SPEKAER: Sungai Air Tawar, tanya soalan berkaitan dengan yang dikemukakan.

YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD: Ini berkaitanlah ni.

PUAN SPEKAER: Itu hanya keputusan oleh Jawatankuasa yang menyemak soalan. Sungai Air Tawar faham tak, O.K. kalau faham ikut apa yang dinyatakan. Tak perlu timbulkan isu-isu atau pun perkara-perkara yang tidak berkaitan. Mengapa Sg. Air Tawar enggan memahami walaupun dah faham. Cuba jelaskan. Teruskan dengan soalan tambahan Telok Datok.

YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD: Ya. Kalau sudah Jawatankuasa membuat penolakan, saya faham, Puan Speaker pun kena fahamlah juga. Kalau pun ditolak kenapa dibincangkan juga dalam dewan. Faham ini.

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE: Terima kasih Puan Speaker. Adakah bantuan kewangan ini disalurkan setiap tahun.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Insya-Allah kalau kerajaan negeri mempunyai kewangan yang kukuh, bukan sahaja kita akan kekalkan mungkin kita boleh tambahkan. Jadi doa-doalah semua.

PUAN SPEAKER: Morib

YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM: Puan Speaker soalan nombor 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK: Penguatkuasaan Kebersihan Premis Restoran dan Kedai Makan di Negeri Selangor

48. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah pihak PBT menjalankan penguatkuasaan kebersihan premis makanan dan restoran Negeri Selangor.
- b) Adakah kerajaan sedar bahawa kualiti kebersihan restoran semakin menurun kerana tiada penguatkuasaan yang dijalankan pada waktu malam khususnya restoran yang dibuka waktu malam dan dibuka 24 jam. Apakah tindakan yang dibuat.
- c) Berapakah jumlah kompaun atau premis yang terlibat mengikut kawasan PBT di Negeri Selangor mulai 2008 – 2009.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Morib kerana soalan dia mengenai penguatkuasaan kebersihan premis, restoran dan kedai makan di Negeri Selangor. Saya ucapkan terima kasih kerana soalan ini sangat penting pada masa Negeri Selangor sedang mengadakan satu usaha untuk membersihkan sungai Kelang. Untuk makluman Yang Berhormat di dewan yang mulia ini, kerana semua air yang kotor mengalir dari restoran atau pun kedai-kedai makan ke dalam longkang yang kecil itu. Selepas itu dari situ pergi ke *monsoon drain* dengan izin, lepas itu pergi kesungai yang kecil itu barulah masuk sungai Kelang. Jadi kalau kita tidak dapat membersihkan ataupun tidak dapat *block* dengan izin, air yang kotor itu mengalir dari longkang dari di depan restoran itu sampai seratus tahun pun kita tidak dapat membersihkan sungai Kelang. Sebab itu kerajaan sekarang di semua PBT kena dan telah diarahkan sentiasa menjalankan penguatkuasaan kebersihan premis makanan dan restoran di kawasan pentadbiran mereka demi memastikan ianya selaras dengan akta makanan peraturan-peraturan serta undang-undang kecil yang terpakai di setiap PBT. Justeru itu laporan bulanan penguatkuasaan dilapur dan dibentangkan di Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri sedar akan permasalahan ini, namun demikian beberapa langkah telah diambil dengan menggredkan premis yang beroperasi seperti gred A, B, C, D sebagai panduan kepada pelanggan tahap kebersihan yang telah diperiksa selain dari penguatkuasaan yang dilakukan. Pantauan ini ataupun langkah ini telah diadakan pada masa yang lampau. Maksud saya gred A, B, C, dan D itu. Dan baru-baru ini Kerajaan Tempatan sedang mengadakan satu kajian supaya kita mengadakan satu sistem *star* yang lebih berkesan, yang lebih menonjol dan premis yang mendapat gred yang baik itu akan dapat sijil dan restoran yang tidak dapat gred yang buruk itu pun dapat bukan saja dapat sijil, dan dapat notis, amaran dan penetapan jadual pembersihan premis juga dikenakan sebagai syarat-syarat pemberian lesen. Mengikut rekod yang dilapur oleh PBT Selangor sepanjang tahun 2008 sehingga Mei 2009 terdapat 251 premis yang telah dikenakan notis tutup. Jumlah kompaun dan notis tutup yang telah dikeluarkan terhadap premis yang didapati tahap kebersihan yang memuaskan terhadap PBT adalah seperti berikut.

Saya bagi bilangan kompaun : MBSA – 1094, MBPJ – 555, MPK -86, MPSJ – 1207, MPAJ – 31, MPKJ – 244, MPS – 114, MPSP – 42, MDBKS- 60, MDKL – 179, MDHL -21, MDSB – 170. Notis tutup daripada MBPJ – 7, daripada MPK – 116, MPSJ – 57, MPAJ – 66, MDKL – 5 yang lain tak ada notis tutup. Sekian, terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Kota Damansara ingin tahu samada ada pemantauan kesihatan yang berjadual ataupun mengikut aduan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ada. Terima kasih Kota Damansara. Ada jadual, jadual daripada PBT selain daripada aduan. Bukan sahaja itu Kementerian Kesihatan pun ada operasi yang diadakan oleh mereka. Jadi selain daripada PBT Kementerian Kesihatan pun ada mengambil tindakan dan juga operasi. Dan kompaun ataupun hukuman daripada Kementerian Kesihatan jauh lebih dahsyat, jauh lebih hebat daripada PBT. Dan kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatanlah atas operasi itu tetapi saya ingin mengambil kesempatan hari ini untuk membagi satu peringatan bahawa operasi daripada Kementerian Kesihatan itu kadang-kadang terlalu kasar sehingga kita mendapat menerima banyak aduan, banyak aduan

kerana katakan terlalu kasar, terlalu hebat. Jadi kita mintalah Kementerian Kesihatan mengambil perhatian. Terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Puan Speaker. Adakah pihak PBT menyedari ada kedai-kedai makan atau restoran di kawasan Islam bertujuan untuk menarik pengguna-pengguna Islam datang makan padahal kedai ini sebenarnya bukan kedai orang Islam tetapi mereka menggunakan pekerja-pekerja seperti yang bukan Islam memakai kopiah, meletakkan ayat-ayat Al-Quran di dinding-dinding dan sebagainya tetapi pekerja-pekerjanya jelas bukan Muslim. Dengan keadaan ini juga kita ragu makanan adakah halal atau tidak yang disediakan. Adakah pihak PBT bekerjasama dengan pihak JAIS untuk memastikan bahawa kedai ini sebenarnya kedai Muslim atau tidak dan mendapat sijil halalkah untuk kedai ini? Kerana ini kami pastilah seperti di Bandar Baru Bangi ada beberapa tempat seperti Seksyen 15, Seksyen 1. Jelas dia bukan orang Islam tapi diberi pakai kopiah-kopiah putih untuk tarikan di samping ayat-ayat Quran. Kemudian kita nak tanya adakah kedai ini dibenarkan buka 24 jam? Saya fikir tidak wajar dibenarkan bekerja dibuka 24 jam. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Bangi. Saya rasa, saya mintalah semua PBT dan juga JAISlah pun mengambil perhatian adakah apa yang dikatakan tadi adakah ini benar? Sebab saya sendiri tidak menerima aduanlah seperti yang dikatakan oleh Bangi tadi. Tetapi untuk kedai makanan yang beroperasi 24 jam itu saya rasa itu adalah satu keperluan kerana di bandar-bandar khasnya ada banyak kilang yang ada syif, beroperasi secara syif dan sebagainya. Jadi ada orang pun ada *overtime* dan sebagainya. Saya rasa 24 jam itu tak jadi masalah selagi dia mematuhi semua syarat-syaratlah. Terima kasih.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Puan.

PUAN SPEAKER: Ia, silakan Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Puan Speaker. Saya memahami jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO mengenai penggredan A, B, C kategori untuk premis-premis restoran. Jadi saya hendak bertanya kepada EXCO apakah penggredan juga diberi kepada gerai-gerai tanpa lesen yang ada di sekitar Bandaraya Shah Alam dan sebagainya? Kerana gerai-gerai ini tak ada lesen pun yang kebanyakannya mula beroperasi sebelah petang sehingga ke malam. Kalau jawapannya tak ada saya hendak tanya juga kepada EXCO apa tindakan penguatkuasaan yang dibuat kerana kita sedia maklum kebersihan daripada gerai-gerai yang terbuka di tepi jalan, tepi longkang ini memang kualiti makanannya langsung tak ada. Kerana terdedah dengan habuk, kekotoran dan sebagainya. Jadi saya minta EXCO beri penjelasan mereka ini. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Masalah yang dikatakan tadi memang adalah benar sejak masa Barisan Nasional dan masalah ini berterusan kerana sejak masa itu tak ada peraturan yang berkesan. Memang, memang tidak berkesanlah. Kita kena mengakui. Jadi selepas kita mengambil alih, kita telah mengadakan usaha-usaha seperti mengadakan premis yang betul bagi lesen yang betul. Kita memang tidak menggalakkanlah sesiapa menjaja dalam keadaan tanpa lesen. Sebab itu, tetapi ini ambil masalah. Tetapi kita sudah nampak usaha-usaha PBT, Kita telah nampak kesannya yang baik. Jadi sekarang kita kerana memandangkan ekonomi yang lembap sekarang, sebenarnya PBT telah memberi, telah membesarkan peluang

untuk menjaja. Jadi kita telah menyediakan beberapa pusat-pusat penjaja ataupun gerai-gerai yang baru untuk mengatasi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Kuang.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Yang Berhormat Speaker, soalan 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK: ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

49. <http://dun.selangor.gov.my/v1/?q=ms/node/1016/edit>Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sehingga pertengahan tahun 2009, berapakah jumlah pendapatan anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor iaitu Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang menjalankan aktiviti perniagaan pasir?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Kuang. Perbincangan ataupun maklumat mengenai Kumpulan Semesta telah banyak dah diperbincangkan semalam oleh Kota Anggerik dan saya. Dan saya juga untuk menambahkan beberapa maklumat-maklumat untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kuang. Pertama untuk melihat prestasi Kumpulan Semesta jumlah jualan yang telah dibuat sampai 7hb. Julai, yang diberikan ialah RM22 juta dan keuntungan RM7.5 juta. Jangkaan jualan sepenuhnya ialah RM58.52 juta. Ini juga termasuk cukai royalti yang dibayar sebanyak RM4.24 juta. Saya akan hantar kepada Yang Berhormat Kuang untuk ini. Tapi untuk latar belakang. Penubuhan Kumpulan Semesta ditubuhkan pada 26hb. Jun, 2008, Pemegang sahamnya ialah Menteri Besar Selangor, Pemerbadanan 100%, Menteri Besar Incorporated. Ahli Lembaga Pengarahnya ialah Encik Shukur Nago, Bekas Pengarah Utama Sime Darby, juga pernah menjadi Ketua Eksekutif MIDF dan juga seorang peguam dan lagi 2 Ahli Lembaga Pengarahnya, dia ada 3 Ahli Lembaga Pengarahnya. Ir. Ramli Abdul Majid dan lagi seorang ialah Dato' Ariff Abdul Rahman, iaitu Pegawai Kewangan Negeri. 3 orang. Jumlah kakitangan 7 orang Pengurusan, 6 orang Eksekutif, 5 orang bukan Eksekutif, 9 orang dari Keselamatan, Perlombongan 15 orang, 42 orang. Kawasan operasi lombong untuk *just* maklumat.

1. Di Dengkil 50 ekar. Kontraktor yang melombong ialah yang telah ditender dan ialah Wawasan Dengkil Sdn. Bhd. Dan kemudian dia tidak dapat menjalankan akan dilantik kontraktor baru.
2. Kedua lagi satu di Dengkil seluas 50 ekar yang dibuka pada bulan Januari. Nama kontraktornya Hai Tong Construction.
3. Plot A, PT 6232, Bestari Jaya dibuka 25 ekar bulan Januari 2009, Loh Chai Eng Sons Trading Sdn. Bhd.
4. Di Bestari Jaya 25 ekar juga dibuka pada bulan Januari 2009, Restfield Holdings Sdn. Bhd.

5. Plot A, Lot 2246 di Beranang, Sungai Kembong 47 ekar, Alunan Mewah Sdn. Bhd. Dia mula bulan Julai ini.
6. Di Serendah, Kampung Susu. Dia Perniagaan Jaya 28 ekar, Julai 2009.
7. Juga di Serendah, Kampung Susu, YOL Century Sdn. Bhd. 28 ekar.

Kawasan yang akan dibuka pada bulan Ogos dan September ialah Ulu Tinggi, 40 ekar, 2 plot, 2, 40 40. Bestari Jaya 99 ekar. Rawang 120 ekar, Tanjung Dua Belas, MC Ten lebih terkenal 200 ekar tapi dijangka akan hanya boleh dibuka pada bulan November 2010. Jadi ini namanya dan saya tidak sebut nombor kontraktor yang melakukannya kerana proses ialah tender terbuka. Ia ada, kita adakan tender terbuka. Selain daripada itu kawasan yang dibuka untuk cuci gali sungai ada terdapat sebanyak 18 kawasan yang mula beroperasi daripada Julai sampai September. Jadi hayat ataupun yang sekarang ialah baru setahun satu bulan.

YB TUAN SBAUL SHUKUR BIN IDRUS: Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER: Ia, silakan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Puan Speaker, pertama saya nak menyatakan setuju tak Ijok bahawa laungan asal pendapatan dengan pendapatan sekarang berbeza? Itu yang pertama. Yang keduanya apakah kegunaan tanah selepas melombong ini esok, kegunaan tanah ini selepas melombong?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Kalaulah Yang Berhormat Kuang tak keluar semalam, jadi sekurang-kurangnya dapat mendengar penerangan kita. Walau bagaimanapun saya minta baca *hansard*.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Kita sehati sejiwa.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Baca *hansard* jadi saya tak payah membuangkan membagi peluang orang yang lain. Jadi kita telah terangkan mengapa unjuran dan apa yang kita telah lakukan. Kedua dari segi soalan yang nak dikatakan setuju atau tidak. Soalan saya kurang apa soalnya?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Maksud saya laungannya dulu hasilnya lebih tapi pendapatannya kurang.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ya, laungannya masih sebab unjuran kita pada masa tersebut pada 2006 dan tujuh. Lima, enam, tujuh sejumlah 20 ke 24 tan permintaan ataupun pembelian pasir. Tapi sekarang dia jatuh hampir ke setengah 17 tan. Dan 7 tan adalah dari kuari das. Itu sebab kiraan kita. Tapi Kuang jangan takut sebab pasir tak ke mana. Jadi ada di situ. Kedua sebabnya kita membuat rancangan tersebut, kita dalam *report* kita, makna AIA *report* yang kita lakukan ialah setelah perlombongan pasir kita adakan proses memelihara kolam-kolam tersebut supaya dapat digunakan dan sesuai untuk pembangunan dan juga ada juga usaha-usaha pertanian. Jadi kita jaga tersebut. Jadi bukanlah satu proses yang ditinggalkan sahaja.

YB TUAN HAJI SAARI BI SUNGIB: Soalan tambahan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Ijok, tambahan.

PUAN SPEAKER: Hulu Klang, Hulu Klang. Dua kali Kuang nak soalan tambahan ni.

YB TUAN HAJI SAARI BI SUNGIB: Soalan saya kepada Dato' Menteri Besar. Kebanyakan ataupun kesemua syarikat MBI dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tetapi tidak Kumpulan Semesta, dipengerusikan oleh Shukur Nagor. Dan juga dalam strukturnya mempunyai penasihat. Apakah rasionalnya dan sebab-sebab perkara ini dilakukan?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Sebab ini syarikat di bawah MBI, MBI dipengerusikan oleh Menteri Besar di bawah MBI itu sahaja yang, yang kita ada kalanya sebab ini ialah apabila operasi *after* yang mengenai operasi kita letakkan Lembaga Pengarah yang boleh menjaga operasi sebab Menteri Besar tidak mempunyai masa untuk melihat operasi tapi dia boleh melihat secara mikro umpamanya *The Minister of Finance incorporated* di Kerajaan Federal. Pengerusinya ialah Menteri Kewangan. Tapi apabila anak-anak syarikatnya, dia ditempatkan juga orang-orang profesional yang sesuai untuk dia. Ada kalanya untuk menjimatkan waktu dan masa oleh kerana operasi itu operasi awalan jadi ada kalanya kita tempatkan juga penasihat serupa juga dalam banyak syarikat dia gunakan konsultan. Konsultan itu supaya apabila operasi itu sudah berjalan dengan baik maknanya lebih setahun dah cukup akaunnya kita tak payah lagi menggunakan konsultan tu lagi kita boleh tarik balik. Jadi daripada segi kos ialah kalau kita melantik seseorang itu jadi kerja tetap, jadi kita terpaksa besok sangat sukar untuk memberhentikan mereka, jadi itu sebab kita anggap sebagai penasihat supaya dia dapat dikeluarkan dengan cepat. Ada kalanya kita anggap kita boleh juga ambil dia sebagai konsultan tapi konsultan ni dari segi kerja dia mestilah tepat. Jadi kalau tidak kita tak tahu kerjanya jadi itu sebabnya kita gunakan untuk sementara. Ini bukan satu perkara yang tidak biasa umpamanya saya tahu baru ni Kerajaan Persekutuan akan membuat satu lagi amanah saham ekuiti yang baru ditubuhkan jadi dia juga menggunakan penasihat dan konsultan untuk sementara sebelum ianya dapat diusahakan dengan terus.

PUAN SPEAKER: Balakong.

YB TUAN YAP LUM CHIN: Puan Speaker, Soalan 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: MASALAH KECURIAN PASIR

50. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah kes kecurian pasir yang dilaporkan sepanjang setahun di Negeri Selangor ?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?
- c) Adakah hukuman yang lebih berat yang dikenakan bagi mereka yang terbukti menjalankan kegiatan curi pasir ini?

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, menjawab soalan Balakong yang pertama terdapat sekitar 18 lokasi kes kecurian pasir di Negeri Selangor. Bagi mengatasi masalah tersebut, bagi Tanah-tanah Kerajaan ataupun Tanah-tanah Anak Syarikat semua tanah tersebut telah pun diserahkan kepada Kumpulan Semesta dan Kumpulan Semesta telah meletakkan penguat kuasa untuk menjaga kawasan tersebut. Bagi tanah-tanah yang mendapat lesen sementara, TOL. TOL telah pun dibatalkan dan sekali lagi Kumpulan Semesta diminta untuk menjaga tanah-tanah TOL itu. Bagi kawasan sungai, bagi daerah Hulu Selangor dan Hulu Langat. Hulu Selangor *work later* telah diberi kepada kontraktor untuk mengendalikan sungai-sungai tersebut. Bagi daerah Hulu Langat juga begitu. Sepanjang bulan ini, daerah-daerah lain, kawasan sungainya akan dijaga akan di keluar tender dan semua kontraktor akan menjaga sepanjang sungai tersebut. Bagi tanah-tanah persendirian, menjelang Ogos tanah persendirian akan memohon untuk mendapat lesen operasi pasir. Setakat ini operasi-operasi penyitaan telah pun dibuat dan usaha-usaha akan dibuat untuk membawa mereka yang mencuri, yang ditahan mesinnya akan dibawa ke Mahkamah

YB PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker, soalan tambahan.

PUAN SPEAKER: Ya. Silakan Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang kes kecurian pasir yang berlaku di Desa Kuala Garing, Rawang kelmarin yang mana tapak untuk letak mesin-mesin curi pasir tu disewakan oleh Ketua JKPP, En. Chi iaitu Ketua Kampung yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan dan saya dapati mesin-mesin itu masih lagi berada di tapak berkenaan. Saya nak tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi atau menangkap mereka yang mencuri dan bersekongkol dalam sindiket ini.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Hah! apa ni, lawatan telah pun dibuat ke Sungai Garing, cuma seandainya mesin-mesin itu berada di tanah persendirian kita tidak boleh mengambil mesin-mesin di tanah persendirian tapi seandainya mesin itu berada di tapak kawasan kecurian pasir, Kerajaan Negeri akan merampas mesin-mesin tersebut.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER: Ya. Silakan Permatang.

YB SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Terima kasih, Puan Speaker. Sebelum ini kita ada mendengar rungutan daripada rakan-rakan kita di Pejabat Pentadbiran Tanah. Masalah untuk mengatasi penguatkuasaan curi pasir ni memang sukar kerana masalah kekurangan penguat kuasa di Pejabat-pejabat Tanah dan Pejabat Daerah di daerah-daerah di Negeri Selangor. Jadi saya ingin bertanya pada EXCO sama ada aktiviti yang berlarutan ini apakah sekarang ini Pejabat Tanah sudah mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengatasi masalah penguatkuasaan kecurian pasir ini. Sebab ini dah lama dibangkitkan dan memang menjadi isu kerana kalau Pejabat Tanah tak cukup kakitangan sudah tentu penguatkuasaan tak boleh dilaksanakan dengan berkesan dan saya sendiri ada terima pandangan daripada kakitangan di Pejabat Tanah mengatakan bahawa mereka tak sanggup nak bekerja begitu panjang masa daripada habis pejabat berterusan kerana penggiliran tak ada, tak cukup kakitangan, jadi apakah sekarang ni dah *sufficient* (dengan izin) terima kasih.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Saya jelaskan tadi, saya akui Pejabat Tanah tak cukup anggota. Sebab itu, kita serahkan kepada Kumpulan Semesta yang punya *interest* pada usaha tersebut dan kawasan-kawasan tersebut akan dijaga oleh penguatkuasa Kumpulan

Semesta. Baik tanah-tanah Kerajaan ataupun tanah-tanah apa ni tanah GLC. Untuk setakat ini, tanah-tanah kerajaan dan tanah-tanah milik GLC telah dijaga sepenuhnya oleh Kumpulan Semesta dan selepas ini kawasan sungai akan dijaga oleh kontraktor yang mendapat projek tersebut dan seterusnya ialah kawasan-kawasan tanah persendirian akan kita memberi Permit seandai mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

PUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Puan Speaker, Soalan 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: PERKEMBANGAN PREMIS RUMAH URUT

51. Di dapati bahawa rumah urut berkembang dengan pesatnya di kawasan Bandar termasuklah Kota Damansara.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat untuk meluluskan pembukaan dan pemberian lesen sesebuah Pusat Rumah Urut.
- b) Bagaimana pemantauan dilakukan agar premis tersebut tidak menyalahgunakannya dan menawarkan perkhidmatan haram.
- c) Senaraikan bilangan lesen premis rumah urut yang telah ditarik balik dan bilangan premis yang telah di saman di MBPJ dan MBSA sepanjang tahun 2008 dan 2009 kerana ketidakpatuhan peraturan .

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker. Kota Damansara khuatir kerana dia katakan rumah urut berkembang dengan pesatnya di kawasan bandar termasuklah Kota Damansara. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat, bahawa kalau lah ada, masih ada nampak rumah urut yang baru saja diadakan ini bermakna semua ini adalah haram kerana lesen untuk rumah urut telah dibekukan sejak 2006 pada masa Barisan Nasional pun sudah dibekukan dan pembekuan ini diteruskan sehingga hari ini. Jadi kalau nampak ada, itu semua adalah haram dan pemberian lesen pusat rumah urut dikawal di bawah Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007. Walau bagaimanapun pengeluaran lesen baru telah dibekukan lah. Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memantau premis pusat rumah urut bagi memastikan ianya mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Namun demikian, pemeriksaan berkala, penyamaran anggota, pemantauan aduan orang ramai dan pemeriksaan mengejut terhadap premis yang berkaitan dilaksanakan bagi memastikan tiada penyalahgunaan premis berlaku. Pelanggaran garis panduan akan dikenakan tindakan tarik balik lesen. Maklumat bilangan lesen premis rumah urut yang telah ditarik balik dan telah di saman di MBPJ dan MBSA sepanjang tahun 2008 dan 2009 atas kesalahan ketidakpatuhan peraturan adalah seperti berikut: MBSA dalam tahun 2008 bilangan saman tiada tetapi dalam 2009 bilangan saman adalah 3. Di MBPJ dalam tahun 2008 bilangan saman 81, lesen ditarik balik 5, dalam tahun 2009 juga di MBPJ bilangan saman 66, lesen ditarik balik 3. Jadi bagi tahun, saya bagi senarai premis rumah urut di kawasan MBPJ yang di kenakan tindakan bagi tahun 2008. No. 1 Balley Leverli Blind Tradisional, No. 2 Fitness Solutions Sdn. Bhd., No. 3 Chia Che Teknoly

Corporation yang keempat Your Beauty Room, yang kelima D'Manja Health and Beauty Centre. Bagi 2009, senarai premis rumah urut di kawasan MBPJ yang dikenakan tindakan tarik balik. No. 1 A Jaill A Light Sdn. Bhd., No. 2 For Bought One's Sdn. Bhd. dan No. 3 Integrated Biotech Sdn. Bhd. Sekian, terima kasih.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Soalan Tambahan.

PUAN SPEAKER: Silakan Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Nampaknya, saya memang dapat aduan walaupun telah dikatakan lesen dah tak dibaharui ataupun tidak ada lesen baru diberi. Masalahnya yang saya dapat bahawa rakyat masih membuat kompelin (dengan izin). Membuat aduan, isunya masih penguatkuasaan tak kira pasir ke, tak kira *cafe* ke, tak kira urut. Soalannya kita dah tahu selalunya datang tak ada orang, so apakah sebenarnya strategi yang hendak dilaksanakan supaya lebih berkesan lagi tindakan yang dilakukan kerana selagi kita masih memberi saman dan seterusnya ini bermakna masalah tidak selesai ada yang tidak selesai ada yang masih menyalahgunakan lesen yang mereka terima walaupun dah gantung ataupun di tarik balik. Pohon jawapan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih, Puan Speaker. Tadi saya sudah kata apabila saya memberi jawapan mengenai *siber cafe*, keadaan ini masih sama. Kuasa pada PBT ada tetapi kuasa pada PBT mengikut undang-undang sekarang adalah kecil kalau buat sitaan pun hanya boleh sampai satu bulan lepas tu bangun balik. Tadi saya kata dalam hal ini pihak polis lebih berkuasa. Mereka ada banyak undang-undang boleh digunakan sebab itu kita sekali lagi minta kerjasama pihak polis. Kita minta pihak polis mengadakan operasi yang lebih kerap dan jangan segan menggunakan kuasa-kuasa yang ada dalam tangan mereka. Sebab itu, kita ni selalu menyeru polis mengadakan rombakan semula. Mengadakan perubahan, mengadakan *reform* tetapi malangnya nampaknya pihak polis tidak menggunakan kuasa yang ada dalam tangan mereka untuk tindakan yang sewajarnya yang disebutkan oleh tadi Kota Damansara, terima kasih.

PUAN SPEAKER: Hulu Klang,

YB TUAN HJI SAARI BIN SUNGIB: Puan Speaker, soalan ke 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: PENGURUSAN MASJID

52. Masjid-masjid di seluruh Negeri Selangor telah menjalani proses peralihan tugas dan tanggungjawab daripada jawatan-jawatankuasa lama kepada jawatankuasa-jawatankuasa baru berkuat kuasa 1 Jun 2009. Sekiranya terdapat cukup bukti apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nazir atau pihak yang menyerahkan kepada Pejabat Agama Islam Daerah senarai calon selain daripada senarai calon yang diputuskan dalam mesyuarat?

- b) Nazir atau pihak tertentu yang melantik ahli jawatankuasa tambahan dari kalangan Pengerusi JKKKP?
- c) Pegawai Pejabat Agama Islam Daerah yang berpakat dengan Nazir atau pun pihak jawatankuasa masjid untuk menerima senarai selain daripada pencalonan yang sah serta bersetuju dengan pelantikan ahli jawatankuasa tambahan dari kalangan Pengerusi JKKKP?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih, Hulu Klang dan terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker soalan yang ditanyakan ialah tentang pengurusan masjid iaitu sekiranya terdapat cukup bukti apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap Nazir atau pihak yang menyerahkan kepada Pejabat Agama Islam Daerah senarai calon selain daripada senarai calon yang diputuskan dalam mesyuarat, b) Nazir atau pihak tertentu yang melantik ahli jawatankuasa tambahan dari kalangan Pengerusi JKKKP, c) Pegawai Pejabat Agama Islam Daerah yang berpakat dengan Nazir atau pun pihak jawatankuasa masjid untuk menerima senarai selain daripada pencalonan yang sah serta bersetuju dengan pelantikan ahli jawatankuasa tambahan dari kalangan Pengerusi JKKKP?

Puan Speaker, pemilihan telah pun berlalu yang pelantikan rasmi telah pun dibuat mulai 1hb. Jun dan sekarang ini, semua masjid-masjid sedang beroperasi dengan jawatankuasa baru 1bulan 14 hari dah. Jadi saya baru dapat, 2 minit yang lepas tentang keadaan masjid barangkali yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Hulu Klang, masjidnya berjalan dengan baik, jawatankuasanya berjalan dengan baik dan penerimaan ahli kariah ini pun sangat penting. Penerimaan ahli kariah setakat ini boleh dikatakan berada di dalam keadaan yang sangat baik. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Hulu Klang dan lain-lain YB kalau kita dapat berikan tumpuan daripada saya dah menyebutkan dalam pembentangan kelmarin, daripada 378 masjid, 378 masjid hanya 6 sahaja masjid yang ada sedikit masalah. Itu pun masalah *procedural*. Masalah *definition*, masalah kurang arif dalam memberikan takrif kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Enakmen tersebut yang sudah pun diselesaikan oleh pegawai Agama Daerah yang biasanya mempengerusikan mesyuarat ataupun kalau dia tidak hadir pegawai-pegawai bawahannya akan bertindak menjadi Pengerusi kepada mesyuarat. Jadi sebelum itu pun, sebenarnya peraturan-peraturan itu telah diperkelilingkan kepada masjid-masjid dan masjid-masjid telah diberitahu peruntukan-peruntukan kepada Enakmen tersebut dan cara tara, cara bagaimana caranya nak melantik jawatankuasa masjid. Apa yang nak saya serukan di sini, kepada masjid-masjid, jawatankuasa yang saya nampak begitu bersemangat semuanya bersemangat 378 masjid-masjid itu sangat bersemangat sekarang untuk memikul tanggungjawab baru. Tanggungjawabnya tidak lain tidak bukan nak menjadikan masjid benar-benar menjadi institusi rakyat, institusi umat di peringkat akar umbi supaya dapat memajukan umat maju dalam intelek, maju dalam pengajian, maju dalam pelajaran dan berbagai-bagai lagi kemajuan yang saya rasa dapat ditampung oleh ahli jawatankuasa masjid yang baru ini. Jadi saya nak *appeal*, saya nak merayu supaya kita berikan tumpuan apa yang nak dirancang di masa depan tu begitu besar sebenarnya nak dirancang tapi kalau kita pergi kepada pendapat beberapa orang, titik bengik-titik bengik seperti ini kita undur ke belakang bukan mara ke depan. Apa yang disebut oleh YB Antarabangsa misalnya, kita nak ke depan dan kita nak ke depan mencapai satu matlamat dalam jangka masa yang singkat ini. Tapi kalau kita melayan beberapa orang kumpulan-kumpulan tertentu undur ke belakang Kerajaan Pakatan Rakyat bukan Kerajaan yang nak undur belakang. Kerajaan Pakatan Rakyat selalu memikirkan macam mana nak kita melangkah ke depan demi kebaikan rakyat dan demi kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL: Soalan Tambahan.

PUAN SPEAKER: Sabak

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL: Sila nyatakan Masjid yang menghadapi masalah.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Apa dia macam mana tu? tak dengar, tak dengar.

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL: Sila nyatakan nombor Masjid yang masih lagi menghadapi masalah dari 378.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Ah saya tidak ada, saya mungkin boleh berjawab secara bertulis tentang masjid masalah satu persatu tapi saya rasa 6 daripada 372, 378 itu yang saya akan berikan kepada Yang Berhormat mungkin dalam 2, 3 hari ini Insya-Allah.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya minta penjelasan Pengerusi Kuang.

PUAN SPEAKER: Silakan Kuang

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Pertamanya yang berlaku di Masjid Batu Arang oleh kerana EXCO mengatakan kita telah mengubahsuai dengan melantik yang bijaksana yang pandai-pandai untuk Masjid in. Saya ucapkan tahniah kerana ini suatu perubahan yang cukup baik tetapi apa yang jadi batu arang seorang yang dipertandingkan atas lantikan yang undiannya daripada Anak Kariah Nazir yang calon Nasir yang pertama undi yang besar cukup syarat bawah 60 tahun kemudian calon yang kedua dapat sedikit berbeza 200 lebih dengan 7 undi begitu tapi yang kedua nanti yang ini atas dasar apa pengiraan yang dibuat. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Dia ada 3 peringkat ini, saya nak terangkan sedikit mengambil masa dua tiga minit. Pertama sekali lagi ialah cadangan daripada Ahli Kariah untuk mencadangkan nama-nama calon dengan mengangkat tangan atau pun undi sulit. Itu satu, yang kedua selepas dapati nama-nama calon tersebut, nama-nama calon dimuktamadkan di peringkat lokaliti itu oleh Jawatankuasa yang dilantik dengan Nazir menjadi Pengerusinya. Lepas itu akan dibawa kepada Pejabat Daerah Agama dalam mana kadi-kadi lama Ketua, Pejabat Daerah Agama, Tuan Kadi bersama-sama Pegawai-pegawai terutama Unit Masjid Tapisan dan Tuan Kadi akan sertai oleh Orang Besar Daerah. Tuan Kadi kalau dia tidak berpuas hati dia akan tanya Polis, Tuan Kadi kalau dia tak puas hati akan tanya SPRM, Tuan Kadi kalau tak berpuas hati dia akan tanya Pejabat Banci. Berbagai-bagai-bagi lagi kalau tak puas hati Nombor 3 selepas itu dia akan dibawa ke Jawatankuasa Kariah MAIS Jawatankuasa Kariah MAIS ini yang atas lagi peringkat MAIS. Yang itu tapisan akan buat unit Masjid di JAIS bersama dengan MAIS akan menapis lagi dapatkan lagi *feedback*. Jadi dari masyarakat-masyarakat tempatan untuk menentukan kesesuaian calon-calon yang telah melalui dua proses tersebut. Nanti saya tak habis jawab lagi saya tak habis jawab lagi.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, soalan saya tadi.... Apa beza 200 undi dengan izin

TUAN SPEAKER: Ahli Yang Berhormat kita berada di dalam Dewan Yang Mulia, dia ada peraturan kalau nak cakap mesti minta kebenaran tunggu dulu Yang Berhormat EXCO beri jawapan kemudian boleh tanya.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Sila duduk, Kuang. Kuang, sila duduk. Sabar sedikit, Kuang, sila duduk. Jangan nak tarik perhatian kepada awak. Sila duduk.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih, Tuan Speaker. *Relax, relax* dulu. Yang selepas itu Tuan Speaker akan dibawa ke Jawatankuasa Kariah tadi dan akhirnya akan direstui oleh

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tak payah jawab, tak payah jawab Tuan Speaker. Saya tak mahu dengar. .

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Saya akan terus jawab, saya akan terus jawab Tuan Speaker.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: *I cannot be dictated.* Tuan Speaker, *I cannot be dictated..*

TUAN SPEAKER: Kuang, perbuatan yang tidak menghormati...

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Bohong, dia kata bohong. Tuan Speaker, 36. Yang Berhormat Kuang jangan sangat buruk. Jangan panggil Ahli Dewan Negeri sebagai buruk.

TUAN SPEAKER: Sila duduk, tarik balik. Tak berapa cerdik atau Saya amat hairan kenapa perbuatan Ahli Yang Berhormat mewakili rakyat bersikap begini pagi-pagi ini.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Maka saya nak mempertahankan Nazir Masjid

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat EXCO belum menjawab tetapi Yang Berhormat Kuang telah menuduh dia berbohong, itu perbuatan

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, saya tarik

TUAN SPEAKER: Kalau dah tarik, tarik dah. Kalau ada Nazir macam ini ... Sila duduk...semua.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Orang yang tak.....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuang jangan cuba ingin menarik perhatian, cukup insiden petang semalam tengah hari semalam. Saya meminta Yang Berhormat EXCO teruskan jawapan kemudian....

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Sedikit sahaja 1 minit lagi, Bawah Oleh ke Bawah Tuanku maka kita juga mendengar lagi misalnya ada aduan-aduan dan sebagainya lagi tetapi saya nak menyebutkan tadi perbezaan di antara angka-angka yang disebutkan itu kononnya yang rendah itu terpilih yang tinggi tidak terpilih. Selain daripada peraturan-peraturan yang ada di sini umur dan sebagainya ada satu lagi 3, 4 peraturan yang pertama sekali Akhlaknya kedua boleh tak memimpin halakah-halakah haringan yang keempat bolehkah

memberi khutbah keadaan mengizinkan hortablah yang kelima boleh tak sembahyang rasanya yang ditolak itu adalah tak mampu menjalankan tugas-tugas itu. Walau pun undi dia

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, pernahkah dia cuba Nazir

TUAN SPEAKER: Kuang, nak bercakap minta izin.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Tuan Speaker, saya ingat saya dah cukup, cukup menjawab ucapan terima kasih. Terima kasih kepada Kuang.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda, silakan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE: Terima kasih, Tuan Speaker, soalan tambahan saya kepada YB EXCO Agama. Tadi disebutkan oleh Kuang bahawa orang yang tidak pergi ke Masjid dia lantik dia sebagai Nazir dan sebagainya. Saya nak tanya adakah dapat sebarang perubahan selepas rakyat mengambil alih pemerintahan dengan apa yang telah digunakan oleh semenjak zaman dahulu memungkinkan keadaan berlaku. Jadi tolong jelaskan.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Jaraknya antara bumi dengan langit lah bezanya.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, apa yang berlaku.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuang. Saya beri amaran sekali lagi yang terakhir, jika ingin bercakap mohon izin dahulu.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya mohon Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya tak benarkan.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Untuk bercakap soalan Yang Berhormat tadi saya mengatakan perbezaan begitu jauh. Antara sebabnya ialah pemilihan yang dibuat oleh Kerajaan yang lalu tidak langsung mengikuti Enakmen itu. Dia ditunjuk ada jari tunjuk orang ini, orang ini tidak ada mesyuarat, tidak ada mesyuarat pemilihan, tidak ada pencalonan, tidak dibuka kepada Ahli Kariah ditunjuk akhirnya maka Ketua Bahagian, Timbalan Ketua Bahagian apa pun saya nak katakan bahawa keadaan Masjid sekarang ini sangat terkawal. Keadaan Masjid sekarang ini sangat harmoni bukan sahaja harmoni kita dapati daripada Nazirnya yang biasa mempunyai kekuatan memimpin telah memimpin Masjid-masjid sebagai satu Institusi utamanya dalam masyarakat. Saya yakin saya merasakan bahawa Masjid dengan Ahli Jawatankuasa yang baru berbeza dengan yang lama akan dapat menjalankan fungsi dengan baik.

TUAN SPEAKER: Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, soalan 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: HUTAN SIMPANAN

53. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah keluasan hutan simpanan kekal yang telah diterokai hingga 2008?
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk memulihara kawasan hutan simpanan kekal tersebut?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, YB Kajang telah menanya berapakah keluasan Hutan Simpanan kekal yang telah diterokai hingga 2008. Sehingga Disember 2008 seluas kira-kira 3,972.7 hektar kawasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor kesan telah diterokai secara haram atau diduduki tanpa kebenaran yang merupakan kesalahan Hutan di bawah Seksyen 32 Akta Perhutanan Negara 1984. Hutan Simpan Kekal dan Hutan Simpan Kekal Raja Musa dalam Daerah Pentadbiran Tanah Kuala Selangor merupakan kawasan yang paling luas diterokai dengan aktiviti pertanian iaitu 2,204 hektar. Ini diikuti oleh Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan dengan keluasan 1,224 hektar. Saya ingin memberi ringkasan jumlah Hutan Simpan yang diterokai secara haram.

- 1) Hutan Simpan Sg. Karam seperti mana yang disebut 1,434 di Pentadbiran Daerah Sabak Bernam.
- 2) Hutan Simpan Kuala Langat Utara 33 hektar di Kuala Langat.
- 3) Hutan Simpan Kuala Langat Selatan keluasan 1,244 di Kuala Langat, Sepang.
- 4) Hutan Simpan Kapar 50 hektar di Kuala Selangor dan Klang.
- 5) Hutan Simpan Bukit Lagon dengan keluasan 99 hektar di Daerah Pentadbiran Gombak.
- 6) Hutan Simpan Hulu Gombak 104 hektar di Daerah Pentadbiran Gombak.
- 7) Hutan Simpan Ampang 2 hektar di Daerah Pentadbiran Gombak.
- 8) Hutan Simpan Sg. Lalang 49 hektar di Daerah Pentadbiran Hulu Langat.
- 9) Hutan Simpan Air Hitam 2 hektar di Daerah Pentadbiran Petaling.
- 10) Hutan Simpan Bukit Sg. Petir 0.4 hektar di Daerah Pentadbiran Hulu Langat,
- 11) Hutan Simpan Raja Musa dengan keluasan 770 di Daerah Pentadbiran Kuala Selangor.
- 12) Hutan Simpan Bukit Belata Tambahan dengan keluasan 32 hektar di Daerah Pentadbiran Hulu Selangor.
- 13) Hutan Simpan Bukit Cherakah 50 hektar di Daerah Pentadbiran Petaling.

- 14) Hutan Simpan Jugra dengan keluasan 8 hektar di Daerah Pentadbiran Kuala Langat.
- 15) Hutan Simpan Hulu Langat dengan keluasan 146 hektar di Daerah Pentadbiran Hulu Langat dan
- 16) Hutan Simpan Pantai Remis dengan keluasan 0.3 hektar di Daerah Pentadbiran Kuala Selangor.

Soalan kedua iaitu apakah rancangan kerajaan untuk memulihara kawasan hutan simpanan kekal tersebut.

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan memelihara hutan yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal. Keluasan Hutan Simpan Kekal mesti dikekalkan sepanjang masa untuk memastikan keseimbangan alam sekitar dan keharmonian kehidupan manusia di Negeri Selangor. Kerajaan telah menetapkan keluasan Hutan Simpan Kekal hendaklah tidak kurang daripada 30% daripada keluasan negeri. Untuk itu tindakan pencegahan dan pengawasan sentiasa dijalankan untuk memastikan kawasan hutan ini sentiasa terpelihara dan kekal statusnya. Untuk kerja-kerja pengurusan dan pembangunan hutan ini, pada tahun 2009 sahaja, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah diperuntukkan sejumlah RM14.04 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM5.75 untuk pembangunan hutan. Sebagai langkah untuk menjimatkan kos pembangunan hutan, Jabatan juga telah bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi swasta bagi merealisasikan pemuliharaan kawasan yang di ceroboh terutamanya di Hutan Simpan Raja Musa. Sehingga hari ini seluas 61 hektar kawasan teroka haram dengan 20,000 anak pokok telah berjaya ditanam di kawasan itu. Program pemuliharaan ini akan dijalankan dari masa ke semasa sehinggalah kawasan ini berjaya pulih sepenuhnya. Adalah dianggar untuk memulihkan keseluruhan kawasan yang diterokai secara haram di Hutan Simpan Raja Musa ini adalah berjumlah RM7.5 juta. Selain daripada kerja-kerja pemuliharaan di kawasan yang diterokai, bagi memastikan Hutan Simpan Kekal tidak di ceroboh dan diterokai lagi, pihak Jabatan telah mengambil langkah pencegahan dan penguatkuasaan sekiranya masih berlaku juga pencerobohan. Walau bagaimanapun kawasan penerokaan yang telah dikenal pasti akan ditentukan tindakan yang sewajarnya kerana situasi berbeza antara satu sama lain.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Soalan tambahan Tuan Speaker:

TUAN SPEAKER: Masa sudah tamat. Sebelum kita meneruskan aturan mesyuarat, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan satu perkara berkenaan dengan soal dewan dan perkarangan dewan. Semalam saya berkesempatan lagi rujuk kepada *Erskine May's Parliamentary Treatise* dan saya berharap semua ahli-ahli yang terhormat dapat memperoleh satu salinan rujuk selalu, sebab *Erskine May's Parliamentary Treatise* ini merupakan kitab kepada semua Dewan Perundangan dalam Komanwel, saya nampak Kg. Tunku dah dapat satu dah. Jadi memang dalam Dewan iaitu dalam *chamber* ini tempat kita bersidang ini, semua Ahli Berhormat mempunyai keistimewaan, boleh bercakap secara bebas dan apa yang dikatakan di sini tidak boleh didakwa di Mahkamah, itu adalah yang jelas, tetapi ada lagi yang lebih, sebenarnya ada lagi keistimewaan yang ramai Ahli Dewan Negeri tidak tahu bahawa selain daripada itu juga diperuntukkan mengikut amalan Parlimen di dalam Komanwel ini di mana saman, saman sivil tidak boleh disampaikan di perkarangan Dewan. Itu adalah untuk melarang pihak ketiga daripada menyampaikan saman terhadap ADUN supaya mereka tidak menakut-nakutkan ADUN daripada menjalankan tugas di dalam Dewan ini. Itu

sebabnya itu ada amalan tersebut, itu adalah satu *privileges, privileges*, hak kebebasan keistimewaan yang diberikan kepada kita. Jadi apa yang Ahli Dewan bercakap di sini ada *immunity*, ada kebebasan tetapi apabila kita berada di perkarangan Dewan apa yang kita cakap di perkarangan Dewan di luar tempat bersidang, boleh didakwa tetapi saman tidak boleh disampaikan, saman kena sampaikan di luar perkarangan Dewan. Saya harap ini jelas ye.... kita ada kebebasan berucap di sini, tidak boleh didakwa di Mahkamah tetapi bila di cakap perkarangan Dewan itu boleh didakwa, tetapi saman tidak boleh disampaikan. Jadi saya merujuk kepada *Erskine May's Parliamentary Treatise* ini Edisi Ke 23 Tahun 2004, muka surat 142 saya sudah mengarahkan pihak Dewan untuk mengedarkan satu salinan kepada semua ahli di sini dan juga kepada pihak media untuk menjelaskan perkara ini lagi dan izinkan saya bacakan di sini “ *Acts besides words spoken writings or writings published reflecting upon either House or its proceedings which, though they do not tend directly to obstruct or impede either House in the performance of its functions, yet have a tendency to produce this result indirectly by bringing such House into odium, contempt or ridicule or by lowering its authority, my constitute contempts. Serving or executing civil or criminal process within the precincts of either House while the House is sitting without obtaining the leave of the House is a contempt.....* “ jadi bererti apa-apa yang kita katakan, apa-apa yang kita siarkan secara bertulis boleh mengaibkan Dewan, itu adalah satu penghinaan Dewan dan contohnya bila kita menyerahkan apa-apa proses sivil dan jenayah juga semasa sidang, Dewan sedang bersidang itu adalah satu penghinaan. Saya berharap semua Ahli Yang Berhormat memahami perkara ini, saya, kita memang tidak boleh melarang siapa-siapa ambil tindakan undang-undang tetapi kita hendaklah mematuhi keistimewaan yang kita nikmati bersama ini. Ini adalah penting untuk memastikan semua hak dan kebebasan yang dinikmati oleh Ahli Dewan Negeri sebagai wakil rakyat dilindungi dengan sepenuhnya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Silakan. Setiausaha

YB TUAN YAP EE WAH: Pertanyaan, Tuan Speaker, boleh buat pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Ya... silakan.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Bagi saya taksiran perkarangan dewan ini, lebih eloklah, lebih elok kita tafsirkan di mana, sama ada di bangunan ini selain daripada dewan ini, keluar dewan ini, perkarangan, keluar bangunan ini perkarangan atau sebelum sampai pagar SUK ini perkarangan. Jadi jelas kita, di mana kita boleh guna pakai perkataan perkarangan itu. Jadi kalau bagi saya, rasa saya dewan ini sahaja atau bangunan ini sahaja, luar daripada bangunan ini, sebelah pejabat DUN sebelah pejabat SUK, rasa saya itu bukan perkarangan, jadi boleh tak Tuan Speaker jelaskan sampai *border* mana itu perkarangan dewan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baik, kalau mengikut England sekalipun tidak ada undang-undang berkenaan itu, di New Zealand ada mungkin kita selepas ini kita akan buat undang-undang untuk mengisytiharkan betapa luasnya perkarangan dewan ini tetapi sebagai *commences* kita tahu tempat kita bertugas, kita bertugas sepanjang hari, inilah tempatnya perkarangan dewan dan ada yang menyoalkan sama ada tempat *parking* juga adalah perkarangan, tidak. Tempat *parking* yang kita sediakan itu adalah dataran dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat meletakkan kereta di sini bukan nak pergi pasar, bukan nak pergi *shopping*, Yang Berhormat sekalian meletakkan kereta kerana hendak datang ke dewan ini untuk bersidang, jadi itu juga dianggap sebagai perkarangan. Bagi saya perkarangan, saya nak buat petua pada hari ini daripada pintu pagar, pagar pintu utama itu sebab kita nak masuk ke perkarangan, nak masuk ke dewan kita kena lalu pagar tersebut di situ ada pengawal jadi di situlah tempatnya hadnya, jadi masuk

pintu pagar utama itu adalah perkarangan dewan. Jadi saya buat petua, secara jelas, kita masuk ke kawasan masuk pagar sahaja adalah perkarangan dewan. Jadi semua Ahli Yang Berhormat, bila masuk pagar sahaja dilindungi oleh keistimewaan dewan. Ini adalah untuk kebaikan semua, kebaikan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sila, Setiausaha.

SETIAUSAHA DEWAN: Sambungan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2009 semua peringkat.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

YB DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI: Saya menyokong.

TUAN Pengerusi : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal I dan Fasal II.

TUAN Pengerusi: Fasal 1 dan Fasal II menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya,. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual

TUAN Pengerusi: Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya,. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

YAB DATO MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

YB TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN Pengerusi: Dewan bersidang semula.

YAB DATO MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya,. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2009. Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2009.

YB TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut :

“bahawa menurut Seksyen 9, Seksyen 4 (2)(b) dan Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM77,067,495.74 yang dinyatakan dalam bajet tambahan peruntukan pembangunan tahun 2009 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama sepertimana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2009 P01 – Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri peruntukan RM39,587,720.98, P12 – Jabatan Kerja Raya RM30,479,774.76 jumlahnya RM77,062,495.74.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di dalam Persidangan Dewan Undang Negeri Selangor yang telah diadakan pada 20 Oktober 2008, satu usul bajet pembangunan telah diluluskan yang berjumlah RM10,600,000.00 bagi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2009. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM39,587,720.98 diperuntukkan kepada kepala P01 (Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan) dan sebanyak RM37,479,774.76 kepada kepala P12 (Jabatan Kerja Raya). Tuan Speaker dan ahli-ahli yang terhormat sekalian, berdasarkan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga akhir bulan Mei 2009 terdapat kekurangan anggaran peruntukan sebanyak RM77,067,495.74. Oleh itu, maka satu peruntukan tambahan bertujuan menampung kekurangan peruntukan di bawah perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM77,067,495.74 adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan iaitu seperti berikut. Bagi P01 (Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan) sejumlah RM39,587,720.98 diperlukan untuk menampung perbelanjaan di bawah pecahan kepala PK7, PK11, PK20, PK21. Bagi PK7/08006 (perpustakaan) bagi pembelian *System Virtual ISS* berjumlah RM500ribu. Bagi PK11-12006 (pendidikan) bagi menampung peruntukan sekolah rendah agama, sekolah rendah jenis kebangsaan (cina), sekolah menengah cina persendirian dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil berjumlah RM6,007,732. Bagi PK20-25001 (pengambilan balik tanah) bagi jalan-jalan di bawah Jabatan Kerja Raya berjumlah RM32,602,988.98. Bagi PK 21-26001 perbelanjaan bagi projek negeri berjumlah RM477ribu iaitu perbelanjaan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar berjumlah RM277ribu dan projek pengindahan Sungai Klang berjumlah RM200ribu. Di bawah P12 (Jabatan Kerja Raya) berjumlah RM37,479,774.76 diperlukan untuk menampung perbelanjaan di bawah pecahan kepala PK1, PK4. Bagi PK1 (pelbagai rancangan) berjumlah RM36,479,774.76. PK4 (menaik taraf jalan dan Jabatan Daerah Klang) berjumlah RM1 juta. Tuan Speaker dan ahli-ahli terhormat sekalian, memandangkan bahawa kita telah membahaskan tentang keperluan bagi tambahan peruntukan ini maka saya dengan ini memohon supaya usul ini diluluskan.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli yang terhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul iaitu usul bajet tambahan peruntukan pembangunan 2009. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker. Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Saya tak berhasrat untuk berucap panjang cuma ingin meliliti perkara-perkara tertentu di bawah kepala P06 di mana caruman sebanyak

RM77juta telah diperuntukkan ke dalam kumpulan wang pembangunan negeri dalam bajet tambahan peruntukan pembangunan tahun 2009 ini. Daripada peruntukan ini, saya difahamkan sebanyak RM477ribu telah diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai projek negeri khas di bawah kepala P01 *peraturan* projek 26001 untuk Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar dan projek pengindahan Sungai Klang. Saya ingin bertanya tentang *peraturan* di dalam projek-projek khas ini kerana ianya tidak diterangkan dengan jelas dalam kertas-kertas yang disampaikan kepada kita. Tuan Speaker, terdapat juga beberapa projek menaik taraf jalan yang telah dilakukan di bawah Jabatan Kerja Raya yang telah dimasukkan dalam tambahan peruntukan pembangunan kali ini oleh JKR. Walaupun begitu, saya mendapati terdapat beberapa projek yang dilaksanakan pada tahun, sebenarnya dilakukan pada tahun 2007 dan 2008. Ikut pemahaman saya, sepatutnya pembayaran kepada projek-projek ini haruslah dimasukkan dalam belanjawan 2009 dan 2008, dan bukannya di bawah dalam bajet tambahan peruntukan pembangunan ini. Contoh-contohnya adalah seperti berikut. Yang pertama, projek melebar dan memperkukuhkan Jalan Batu 7 Sempadan Sijangkang, Kuala Langat yang bermula pada 5 Oktober 2007 dan siap pada 27 Disember 2007. Yang kedua, cadangan menaik taraf jalan dan longkang di Jalan Rinching Tengah, Rinching Hilir, Rinching Hulu dan jalan-jalan lain berkaitan yang bermula pada 1 April 2008 dan siap pada 21 Julai 2008. Yang ketiga, membina dan menyiapkan jejantas di SRA Bukit Badong yang bermula pada 26 Februari 2008 dan siap pada 1 Disember 2008. Kemudian yang keempat, membaik pulih dan menurap semula jalan di P35 dari Simpang Tiga Ijok, Kampung Bukit Badong bermula pada 12 April 2007 dan siap pada 12 Mac 2008. Tuan Speaker dan rakan-rakan sekalian, saya meminta semua untuk meliliti tarikh projek yang ketiga dan yang keempat di mana tarikh permulaan kedua-dua projek ini terletak pada waktu. Sudah saya katakan waktu berkempen Pilihan raya Umum Yang Ke-12 (pertama) dan Pilihan raya Kecil Ijok pada tahun 2007. Ini saya nak fokus kepada dua projek ini. Ini ialah kesanlah apa yang kita kena rasa sekarang ini kerana pemborosan Barisan Nasional iaitu projek membina, menyiapkan jejantas di SRA Bukit Badong dan membaik pulih dan menurap semula Jalan P35 dari Simpang Tiga Ijok ke Kampung Bukit Badong. Kalau kita meliliti, masing-masing menelan belanja RM920ribu dan RM2.7juta. Apa yang mengkhawatiri saya ialah kedua-dua projek ini yang saya nampak ialah projek 'mee segera' yang merupakan janji Barisan Nasional semasa pilihan raya yang juga merupakan tindakan *favorite* Barisan Nasional semasa berkempen. Jikalau kedua-dua projek ini bukan projek 'mee segera', jadi saya tidak fahamlah mengapa kedua-dua projek ini tidak dapat dimasukkan ke dalam bajet 2007, bajet 2008 ataupun tambahan bajet pembangunan 2008 dan saya juga ingin bertanya berapa banyakkah projek 'mee segera' sebegini yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri yang lalu yang masih belum dijelaskan pembayarannya. Sebab saya takut nanti mungkin tahun depan kita pula kena rombak pembayaran projek-projek 'mee segera' untuk tahun 2007 (2006 kalau ada). Jadi amatlah jelas bahawa projek-projek ini hanya bertujuan untuk mengaut kepentingan politik bagi Barisan Nasional dan saya amat terkilan kerana wang yang terlibat adalah begitu banyak tetapi ianya dibelanjakan tanpa perancangan yang betul dan rapi. Dan saya juga menggesa rakan-rakan kita dari Pakatan Rakyat supaya untuk masa-masa yang akan datang mengikis *mentality* 'mee segera' ini dan keutuhan saya rasa keutuhan Kerajaan itu adalah bergantung kepada dasar dan pelaksanaan dasarnya bukan bergantung kepada berapa banyak projek 'mee segera' yang dapat disediakan semasa menghadapi pilihan raya sama ada kecil ataupun umum. Tuan Speaker, saya juga ingin meminta untuk dibincangkan perkara-perkara berkenaan dengan kepentingan rakyat berkenaan dengan *bus community* iaitu tentang pengangkutan awam. Saya tidak menafikan bahawa Kerajaan perlu berbelanja mengikut keutamaan iaitu wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan dalam mana-mana projek pembangunan. Kalau wang itu sudah diperuntukkan, maka projek pembangunan itu mestilah mampu menjana kepulangnya ataupun mampu memberi kesan pemangkin yang optimum untuk Kerajaan dan untuk rakyat. Misalnya projek infrastruktur seperti pembinaan dan menaik taraf jalan, pembersihan sungai, pembangunan sistem pengangkutan awam ini saya rasa wajar dijalankan.

Tetapi dengan syarat mesti dijalankan dengan berhemah. Dan saya rasa satu contoh projek yang rasa kita boleh lakukan untuk tahun-tahun yang akan datang ialah projek *bus community* yang sekarang ini telah dilaksanakan di peringkat awal oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Dan saya berpendapat bahawa projek ini kalau boleh dilaksanakan di semua di seluruh Selangor akan menjadi satu projek yang mampu memberi kesan pulangan ataupun kesan yang *direct* kepada Kerajaan. Pada masa sekarang, kalau mengikut anggaran saya di Majlis Bandaraya Petaling Jaya, satu bas berharga lebih kurang RM500 ribu, gaji untuk pemandu dan penyelenggaraan bas kira-kira RM 50 ribu setahun dan jikalau setiap PBT dapat melaksanakan program ini dengan panduan daripada Kerajaan Negeri, saya rasa kesan positif yang akan dirasai daripada rakyat di peringkat akar umbi adalah amat banyak, amat ketara. Jadi, inilah satu cadangan yang saya rasa perlu difikirkan seberat-beratnya oleh Kerajaan Negeri. Satu lagi ialah tentang pengurusan sisa pepejal.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, tolong khusus. Ini adalah usul pembangunan dan ada butir-butir di sini. Janganlah pergi ke seluruh dunia.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tidak, tidak. Satu isu kecil saja ini.

TUAN SPEAKER: Satu isu kena lah ada berkaitan dengan usul ini. Itu dah tidak berkaitan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ok.

TUAN SPEAKER: Sisa pepejal tidak berkaitan. Tak ada pun di sini.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya. Tadi setakat apa yang saya bagikan dengan projek-projek JKR itulah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih. Ya, Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker, terima kasih. Tuan Speaker, Teratai ingin mengambil bahagian dalam usul bajet tambahan peruntukan pembangunan 2009 mengenai P12 (Jabatan Kerja Raya). Tuan Speaker, yang saya difahamkan Kerajaan sudah memperuntukkan RM 2 juta untuk membaik pulih sebahagian cerun di Teratai iaitu Bukit Permai yang sepatutnya jumlah itu kos adalah RM 4juta. Tetapi walau bagaimanapun, saya nak cakap terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana mengambil berat tentang isu-isu keselamatan penduduk. Tetapi sebelum projek ini dijalankan, saya baru-baru sahaja diketahui ada butir-butir atau elemen-elemen yang luar biasa kemungkinan Kerajaan boleh simpan ini RM 2 juta dan sebaliknya kerja-kerja ini sepatutnya dijalankan atau dilakukan oleh pihak pemaju. Saya dimaklumkan oleh pihak IKRAM bahawa cerun-cerun yang tidak stabil di Mutiara Court yang merupakan sebahagian rumah pangsa di Bukit Permai hendaklah dibaikpulih oleh pihak pemaju dengan laporan yang saya baru dapat sahaja. Ini kerana mereka sedang membina banglo-banglo di atas cerun Mutiara Court dan untuk makluman dewan, pembangunan yang baru di atas cerun Mutiara Court dan pangsapuri Mutiara Court adalah dibangunkan oleh pemaju yang sama iaitu dua peringkat semua pun sama pemaju. Jadi itulah tanggungjawab pemaju yang menjaga keselamatan penduduk dan bukan pihak Kerajaan. Tetapi pemaju itu menggunakan alasan dia katakan cerun-cerun tersebut diserahkan kepada pihak Kerajaan sebagai tanah rizab. Ini saya rasa tidak adil untuk Kerajaan. Kalau pembangunan adalah dibangunkan oleh pemaju, tetapi dia tahu cerun itu ada masalah dia cepat-cepat serah kepada Kerajaan. Lepas itu Kerajaan nak tanggungjawab untuk membelanjakan kos untuk membaik pulih cerun. Saya rasa ini saya menyeru supaya Kerajaan boleh menyasiatkan isu ini sebab saya rasa ini tidak adil. Kita (Kerajaan) yang membelanjakan tetapi pemaju yang naik tapi semua hasil-hasil dari

Kerajaan. Apabila dia kira *buffer zone* (dengan izin) untuk projek pembangunan, dia kira masuk tanah rizab Kerajaan ini. Tetapi bila kita tanya siapa yang bertanggungjawab dengan cerun-cerun yang itu batu-batu yang jatuh, dia kata ini Kerajaan. Saya rasa dia tidak adil bila dia kira untung dia kira masuk sendiri *pocket* (dengan izin) tapi yang kira yang nak belanja wang itu Kerajaan punya hal. Saya rasa ini bukan kes yang pertama. Saya rasa ini kes yang kedua dan yang ketiga berlaku di Bukit Permai. Dan juga IKRAM memaklumkan kepada saya dalam mesyuarat yang dihadiri oleh penduduk Mutiara Court dan pemaju bahawa salah satu punca batu-batu besar jatuh dari cerun Mutiara Court adalah kerana satu cerun yang tidak dapat diteguhkan. Kalau kita melihat cerun biasa ini mungkin tak ada pelan, biasa cerun dibentuk sebagai *L shape*. Tetapi cerun Mutiara Court adalah berbentuk tulisan macam *Arabic 7* ataupun *negative slope* (dengan izin). Ini juga bermaksud pemaju menjualkan pangsapuri tanpa menjalankan kerja baik pulih. Sebagai syarikat *consultant* kepada Negeri Selangor, IKRAM memaklumkan juga bahawa pemaju hendaklah membaikpulih cerun-cerun tersebut sebelum pembangunan di atas cerun dijalankan. Saya di sini bukan cuba nak menghalang apa-apa pembangunan di Teratai tetapi keselamatan penduduk hendaklah diutamakan. Saya rasa pemaju tersebut cuba menjimatkan kos dan memulakan kerja-kerja pembinaan sebelum semua kerja penstabilan cerun dilakukan. Minggu lepas, MPAJ telah memberi arahan menghentikan kerja pembinaan kerana banyak perkara yang dibangkitkan oleh penduduk belum lagi dijawab oleh pihak pemaju. Tetapi, pemaju tersebut cuba melanggar arahan tersebut dan cuba menjalankan kerja-kerja pembinaan mereka. Saya rasa sebagai pemaju yang bertanggungjawab keselamatan penduduk dan orang awam hendaklah diambil berat kalau tidak Kerajaan Negeri akan dipersalahkan kalau ada apa-apa tragedi yang berlaku..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat..ini pun terlalu khusus. Ini lebih sesuai buat ucapan penangguhan. Sebab supaya, notis dapat diberikan kepada EXCO. Sebab ini satu kes yang khusus, kalau buat dalam ucapan penangguhan beri notis 7 hari, EXCO dapat memberi jawapan yang lengkap. Kalau Yang Berhormat bangkit macam ini, tak ada jawapan lengkap. EXCO semua jawab, kita akan siasat, kita tidak akan mengulangi kesilapan tersebut. Itu sahaja yang saya nampak.

YB PUAN LEE YING HA: Ya..tapi..ini saya hanya mengaitkan balik kepada kerja raya supaya..

TUAN SPEAKER: Ya..kait..jangan kait dalam sangat lah. Kait sikit-sikit okey.. (ketawa)

YB PUAN LEE YING HA: Ya...kait sikit-sikit..sebab ini pun hampir habis..ini pendek sangat sahaja..ini ..saya hari ini saya cuma nak maklumkan supaya kes ini siasat dulu sebelum kerja-kerja lain dijalankan. Sebab, saya takut nanti Kerajaan mengalami kerugian. Itu sahaja, sekian terima kasih.

YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Taman Medan.

YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Terima kasih diucapkan kepada Tuan Speaker kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan bajet tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2009. Bagi PK 7, sejumlah RM 1/2 juta dibelanjakan untuk perpustakaan. Saya ingin membangkitkan bahawa, kesemua perbelanjaan tersebut adalah untuk mendapatkan sistem bagi perpustakaan. Adakah perkara ini menjadi satu keutamaan berbanding dengan Kempen Membaca yang telah dilancarkan oleh Jawatankuasa Pendidikan? Sebab saya melihat, saya ingin Dewan merekodkan fakta-fakta ini berkaitan dengan kawasan

Taman Medan yang penduduknya berjumlah 98, 110 orang dalam sebuah kawasan seluas 8.81 km persegi, yang kalau mengikut fakta daripada Perangkaan Negeri Selangor, kemudahan-kemudahan awam yang ada hanyalah sekolah..ya..dan saya melihat di dalamnya tiada satu perpustakaan jua. Jadi, saya melihat jumlah setengah juta tersebut, dibelanjakan hanya untuk mendapatkan sistem, jadi, saya ingin menyarankan supaya diperuntukkan terutama sekali kepada kawasan-kawasan yang seperti Taman Medan yang mempunyai ramai penduduk dan penduduknya ramai juga daripada golongan miskin, diberi kemudahan perpustakaan ini. Kemudian yang kedua, bagi PK 11, sejumlah lebih RM 6 juta diperuntukkan untuk sekolah-sekolah rendah Agama dan juga sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, saya ingin menyatakan di sini bahawa pada 5 hb Mac tahun lepas, Menteri Besar pada ketika itu, telah melawat ke sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di Petaling Jaya iaitu SJKC Cheng Moh. Dan telah merasmikan upacara pecah tanah. Dan saya ada rakaman upacara tersebut bersama saya. Dan turut hadir pada ketika itu, yang boleh mengesahkan majlis ini, Datuk Bandar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Pengarah Jabatan Pendidikan Selangor. Apa yang saya ingin ketengahkan ataupun bangkitkan di sini, bahawa, dalam upacara atau majlis tersebut, telah dijanjikan kepada sekolah SJKC Cheng Moh sebanyak RM100,000 diberikan kepada sekolah tersebut daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai pembinaan sebuah bangunan baru. Dan saya telah didatangi oleh wakil sekolah tersebut bertanyakan, adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menunaikan janji yang dibuat oleh Menteri Besar pada ketika itu, setelah bertukar Kerajaan iaitu di bawah pimpinan Pakatan Rakyat. Apa yang saya lihat, yang berlaku pada ketika itu, memang ia rata-rata ataupun, memang jelas adalah sebuah majlis memperkenalkan calon-calon yang akan bertanding pada pilihan raya lepas. Jadi, memang ini pun salah satu projek pilihan raya juga lah..ya..untuk memancing undi. Namun demikian, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor, sama ada peruntukan sebanyak 6 juta yang telah diberikan untuk membantu SJKC dan juga SJK Tamil dan sebagainya, adakah mereka juga akan mendapat bantuan tersebut? Sebab saya lihat sehingga ke hari ini, mereka terpaksa mengutip sumbangan dan bantuan kewangan bagi menampung pembiayaan bangunan tersebut. Jadi saya mohon pertimbangan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Seterusnya bagi PK 21, pelbagai projek negeri berjumlah RM 477,000 yang dibelanjakan untuk Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar. Saya ingin membangkitkan isu alam sekitar yang menghantui kawasan, di bawah kawasan saya yang setiap kali bersidang saya bangkitkan isu ini, tapi sehingga hari ini belum selesai masalah tersebut. Dan ia membabitkan nyawa-nyawa penduduk yang tinggal berdekatan dengan tempat tersebut. Iaitu bekas lombong Sri Manja PJS 3. Gas beracun '*hidrogen sulfida*' masih dikeluarkan dan penduduk masih menghidunya setiap hari. Jadi apakah perbelanjaan untuk Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar ini akan dibelanjakan untuk menyelesaikan masalah bekas lombong ini, kerana, sehingga ke hari ini walaupun ada bukti yang nyata, pegawai MBPJ sendiri sudah pergi membuat siasatan berlaku pembuangan sampah domestik dan sisa-sisa yang lain yang tidak dibenarkan, masih lagi berlaku di dalam bekas lombong tersebut dan bagi makluman Jawatankuasa Sumber-sumber Alam juga berlaku pencurian pasir yang saya terpaksa berselisih setiap hari, lori yang diisi penuh dengan pasir melalui di hadapan mata saya sendiri, dan saya telah melaporkan perkara ini kepada pihak yang berkaitan tetapi tiada tindakan yang diambil. Dan, begitu juga usaha untuk menimbus bekas lombong itu, saya tak nampak akan berlaku sehingga kiamat sebab, diisi dengan batu dikorek pasir keluar jadi sentiasalah dia akan berada di tahap itu sampai bila-bila selagi tindakan tegas diambil terhadap mereka-mereka yang telah menyalahi undang-undang dengan segera. Saya mohon diambil tindakan dengan segera. Saya juga ingin menyentuh P 12, di bawah Jabatan Kerja Raya yang telah mendapat bajet tambahan sejumlah lebih RM 37 juta bagi menjalankan berbagai-bagai pembaikan jalan raya dan sebagainya. Dan saya ingin bertanya dan mengingatkan bahawa terdapat sejumlah kecil dibelanjakan untuk menaik taraf

jalan-jalan Klang Lama daerah Petaling negeri Selangor. Saya ingin memberitahu kepada Dewan, bahawa, jalan-jalan lama yang ada di Klang Lama semuanya sudah ditolkan..ya..hanya tahun lepas disebabkan desakan daripada penduduk maka salah satu tol di Jalan Klang Lama, sebelahnya telah ditutup. Jadi saya ingin bertanya, apakah wajar dinaiktarafkan jalan ini sedangkan jalan-jalan tersebut dikenakan tol ke atas penduduk. Saya ingin memaklumkan terdapat jalan-jalan di sekitar ya..Bandaraya Petaling Jaya, adalah jalan-jalan yang lama dan kelebarannya agak sempit berbanding jalan-jalan yang telah dinaiktarafkan. Kalaupun ada jalan-jalan yang telah diturap, tetapi dalam sebulan atau dua bulan jalan itu dipotong dan dikorek oleh pihak-pihak infrastruktur ataupun yang membekalkan perkhidmatan 'electricity' dan juga air, daripada TNB dan SYABAS. Kemudian, ditutup sekadar tutup sahaja, tidak ditutup sepertimana ia pada asalnya. Jadi ini menyebabkan banyak kerosakan dan lubang-lubang yang kita rasa boleh dielakkan dan menjimatkan kos sebab diturap jalan kemudian dicungkil kemudian ditutup kemudian diturap semula dan dicungkil dan sebagainya. Ini satu pembaziran. Saya harap JKR dalam hal ini dapat mencari jalan penyelesaian bagi perbuatan yang merosakkan jalan di sekitar daerah Petaling Jaya. Saya juga ingin merujuk kepada perbelanjaan di bawah JKR juga tentang membaiki pangsapuri-pangsapuri kos rendah. Saya juga ingin tahu sebab banyak isu-isu yang sensitif dibangkitkan berkaitan dengan pangsapuri kos rendah di lembah Subang. Keadaan di lembah Subang sangat menyayat hati kerana, oleh sebab mereka miskin mereka terpaksa tinggal di tempat yang tiada pilihan. Tempat ini saya nyatakan dengan jujur, Sri Setia boleh mengesahkan. Dia adalah tempat yang kotor kemudian menjadi sarang jenayah, penduduk tidak selamat lagi tinggal di sana. Apabila ada pemindahan setinggan yang lain, mereka enggan berpindah ke sana. Kata mereka, dia tidak selamat bagi keluarga dan anak-anak mereka. Jadi saya harap perkara membaik pulih ataupun membaiki kerosakan pangsapuri kos rendah ini dapat juga merangkumi kos, flat-flat kos rendah di lembah Subang. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana atas keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor, telah meluluskan satu bajet tambahan sebanyak 1 juta bagi kenaikan emolumen pertambahan kerani di Pejabat Ahli Dewan Negeri di mana, mendapat tambahan seorang lagi kakitangan bagi setiap Pejabat Ahli Dewan Negeri. Jadi saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kerana memahami beban kerja yang terpaksa ditanggung oleh setiap Pejabat Ahli Dewan Negeri setiap hari saya ingin menyatakan di sini, kalau di Pejabat Taman Medan sendiri, sekurang-kurangnya 20 orang penduduk akan datang. Kami membukanya 5 hari seminggu dan setiap hari 20 orang akan datang untuk membawa aduan dan juga berjumpa dengan kami. Jadi dengan tambahan emolumen bagi salah satu, seorang lagi kerani sangat membantu bagi melicinkan lagi kerja-kerja kami berkhidmat untuk rakyat. Jadi dengan itu saya menyokong usul bajet tambahan bagi tahun 2009. Sekian, terima kasih.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, Speaker, dan saya hari ini ingin turut serta dalam membahaskan dalam hal pembangunan, merujuk dalam perkara P01 Pejabat Menteri Besar, dalam hal ehwal perpustakaan iaitu melibatkan pembelian sistem perpustakaan ILS ataupun *Intigrated Library System*. Sebagaimana yang telah disentuh oleh sahabat saya Taman Medan tadi, pembelian sistem ritual ILS ini sudah pasti berhasrat untuk melancarkan serta memastikan khidmat yang telah disampaikan oleh perpustakaan-perpustakaan awam negeri Selangor, sama ada perpustakaan desa ataupun perpustakaan cawangan di negeri Selangor Darul Ehsan berjalan dengan lebih baik dan teratur serta lebih bersistematik. Namun secara pemantauan ataupun lawatan ringkas yang telah dibuat oleh sebahagian ADUN dan maklumat daripada orang ramai, sistem ILS ini walaupun ia baik namun ia tidak lagi mendatangkan kesan

yang cukup baik untuk menambah nilai serta memberikan nilai tambah dan nilai yang sepenuhnya kepada perpustakaan-perpustakaan di negeri. Sebagai contoh, saya baru dilantik menjadi Pengerusi Gerakan Membaca daerah Gombak. Bila saya melawat perpustakaan daerah Gombak, keadaan buku dan bahan-bahan bacaan yang ada di perpustakaan tersebut sangatlah menyedihkan. Saya kira kalau dibandingkan dengan jumlah buku yang terdapat di kedai buku *Kinokonia* hatta kedai buku *Borders*, saya rasa *library* tersebut tertinggal bukannya dua bulan atau tiga bulan kemungkinan tertinggal 10 tahun daripada jumlah dan senarai buku yang ada. Saya kira bisnes ataupun operasi sebenar bagi *library* ini adalah buku dan bahan bacaan.

Tuan Speaker, saya rasa kalau buku *eskime* ini, saya rasa tunggu 30 tahun lagi baru sampailah kat *library* tersebut, sebab buku intelektual-intelektual Malaysia seperti '*The Mitch Of Lessinatic*' sebagai contoh, karya Syed Hussin Al-Attas, Mitos Masyarakat, atau *intelektual in development society*, intelektual dalam masyarakat membangun yang saya kira ada latar sejarah, intelektualnya di belakang, yang kuat bagi bahan bacaan di Malaysia yang telah menjadi rujukan serantau pun, saya kira tidak ada dalam *library-library* kita dan saya rasa buku ini juga susah untuk didapati di *library-library* ataupun di perpustakaan-perpustakaan daerah, mungkin juga di perpustakaan negeri. Saya kira bisnes utama *library* ini bukannya mesin yang boleh mengeluarkan cepat buku tapi buku tidak ada. Saya kira perlu rujukan semula terhadap peruntukan RM500 ribu ini, ia bagus tapi bukunya kena ada supaya orang senang ambil buku, senang pulang buku. Dan saya rasa kalau buku-bukunya baik sudah pasti ramai pengunjung-pengunjung dan pencinta-pencinta buku akan hadir dan seterusnya akan menggalakkan program gerakan membaca dan keilmuan dalam masyarakat.

Seterusnya saya juga ingin sentuh tentang program gerakan membaca di peringkat daerah-daerah yang berlangsung daripada peruntukan yang telah diberikan berdasarkan daripada peruntukan tahunan yang kita perolehi, hanya sekitar RM6 ribu untuk program gerakan membaca. Dan apabila program gerakan membaca ini hanya diperuntukkan sekitar RM6 ribu kebanyakan program-program gerakan membaca ini untuk anak-anak sekolah rendah di bawah 15 tahun, pertandingan menulis jawi, pertandingan membaca cerita, pertandingan membaca cepat dan sebagainya. Saya kira program galakan membaca ini bukan hanya untuk anak-anak, dan harus difikirkan program galakan membaca ini lebih wajar dan lebih sesuai juga sebenarnya kepada golongan dewasa, saya rasa memenuhi keperluan dan daripada ibu bapa yang galak membaca inilah secara automatik mereka akan membeli buku di rumah, mereka akan menggalakkan anak-anak mereka ke rumah dan ibu bapa inilah juga akan membawa anak-anak mereka ke *library* ataupun perpustakaan, dengan izin, untuk memastikan segala keperluan dan kehendak anak-anak dan juga keperluan pembangunan modal insan di negeri Selangor ini berjalan dengan lebih baik dan sempurna.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada perkara-perkara dalam pejabat Dewan Undangan Negeri, saya ucap terima kasih juga dengan pertambahan pegawai yang sudah pasti mampu melicinkan dan mampu melancarkan lagi program-program merakyatkan ekonomi yang disarankan serta yang menjadi gagasan penting Kerajaan Pakatan Rakyat. Namun saya kira dalam ucapan yang lepas, dalam pembentangan bajet ataupun belanjawan lepas, saya ada meminta dan saya berharap supaya diwujudkan satu badan khas pengkaji ataupun '*researcher*' yang boleh membantu Ahli-ahli Dewan kita berucap. Saya sebutkan hari tersebut pada ketika itu sebab yang merujuk Sungai Panjang menyebut fakta-fakta yang silap dan kali ini beliau mengulangi juga kesilapan beliau termasuk memahami peraturan tetap Dewan yang mengakibatkan beliau dibuang ataupun tersingkir satu hari, saya cukup simpati dengan beliau kerana tidak melakukan *homework* dan mungkin kalau ada 6 atau 5 orang sebagai pembantu *researcher* ini yang mungkin memberikan bantuan daripada sudut fakta-fakta terkini nama-

nama syarikat yang mendapat kepentingan melalui kerajaan negeri dan juga melalui peraturan-peraturan Dewan, yang mungkin boleh diterangkan daripada masa ke semasa dan boleh diberikan taklimat berdasarkan daripada keperluan semasa. Terima kasih, Speaker.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih, Tuan Speaker. Seri Setia sebenarnya Cuma ingin menyentuh beberapa perkara dalam isu tambahan peruntuk pembangunan yang dibentangkan pada hari ini. Pertama sekali Seri Setia menyokong tentang apa yang disebut sebentar tadi oleh Taman Medan dan Batu Caves, dan rasanya kalau Kerajaan Negeri ada cadangan untuk membuat perpustakaan di kawasan Taman Medan di sempadan Taman Medan Seri Setia pun boleh, sebab masalah yang dihadapi Taman Medan dan Seri Setia ini tak banyak bezanya. Dan saya juga dalam menyentuh perkara di bawah kepala P01 PK11 tentang isu peruntukan atau bantuan untuk sekolah-sekolah agama rakyat, SRJK(T), SRJK(C) dan sekolah Cina persendirian. Saya mengesyorkan agar pihak Kerajaan, kalau boleh mempertimbangkan pengenalan sama ada cukai tanah nominal RM1 untuk tapak-tapak sekolah yang tidak berorientasikan keuntungan ataupun peruntukan tanah secara langsung kepada sekolah-sekolah bantuan modal untuk dijadikan sebagai sekolah bantuan penuh, sebab saya rasakan dengan adanya peruntukan tanah sebegini, ia akan membolehkan institusi-institusi pendidikan di negeri Selangor seperti Sekolah Agama Rakyat, SRJK(T), SRJK(C), ataupun sekolah Cina Persendirian dapat berkembang dengan baik berkembang dengan pesat. Dan di kawasan Seri Setia, saya boleh bagi contoh tentang SRJK(T) Seaport, yang mana sekolah ini sebenarnya dahulu terletak di kawasan Kelana Jaya tapi dalam proses pembangunan sekolah ini hendak dipindahkan ke kawasan Kampung Lindungan dan Yang Berhormat Sungai Panjang dan Dato' Seri Samy Vellu telah datang ke tapak tanah tersebut beberapa hari sebelum pilihan raya umum 2008, dan telah menerima protes yang cukup hebat daripada penduduk kerana janji MIC selama berpuluh-puluh tahun bahawa mereka akan diperuntukkan 5 ekar untuk sekolah tersebut sebenarnya merupakan satu penipuan. Dan sekarang ini saya dalam proses rundingan dengan pihak pemaju di kawasan bersebelahan sekiranya 5 ekar memang tak ada di kawasan Seri Setia tapi sekiranya dapat lebih sedikit daripada apa yang diperuntukkan sebelum ini sekurang-kurangnya pelajar-pelajar di sana akan mendapat kemudahan dan keadaan yang lebih baik untuk mereka.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh Perkara P01, perkara kecil PK21, tentang isu pengindahan semula Sungai Kelang dan sebagainya. Saya juga ingin menyentuh tentang, kita juga harus melihat keadaan di tasik-tasik. Dan antara contoh terbaik ialah di kawasan Seri Setia adalah Taman Tasik Kelana Jaya atau Taman Bandaran Kelana Jaya yang mana dahulu ada sebuah projek 'rehabilitasi' dengan Kementerian Sains dan Teknologi Inovasi tetapi malangnya projek tersebut tidak berjalan dengan baik dan NGO yang ada di sana, *Friends of Kelana Jaya Park* memang menuntut agar kalau boleh Kerajaan Negeri membantu dengan cara yang lebih baik untuk memperbaiki keadaan di Taman Tasik Kelana Jaya yang terletak di SS7, Kelana Jaya. Dan pada masa yang sama juga berhampiran taman tasik tersebut ada sebuah lagi tapak yang asalnya di bawah PKNS, tetapi, dahulunya PKNS mahu membina kuarters di tapak tasik tersebut dan menerima protes yang cukup hebat daripada penduduk-penduduk di kawasan Kelana Jaya sehingga tahun 2005, Yang Berhormat Sungai Panjang yang menjadi Menteri Besar pada waktu itu telah turun dan berjanji agar tanah tersebut diserahkan kembali kepada MBPJ, tetapi malangnya 2005 sampai 2008 tidak ada sebarang tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada waktu itu sehinggalah Pakatan Rakyat mengambil alih dan Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat Ijok telah mengambil keputusan agar tanah tersebut

diserahkan kepada MBPJ. Dan saya mewakili penduduk di sana mengucapkan terima kasih kerana 1 Julai 2009 yang lalu secara rasminya tapak tersebut berada di bawah seliaan MBPJ. Jadi saya minta kerana keadaan di tasik itu pun agak teruk daripada segi kebersihannya kalau boleh di sekalian agar Kerajaan Negeri melihat proses pemulihan keadaan tasik tersebut untuk keadaan alam sekitar di kawasan Seri Setia.

Selain itu juga dalam perkara 12, menyentuh peruntukkan Kerja Raya dan dalam bilangan 09 misalnya, melihat proses pemulihan pangsapuri. Saya ingin menyentuh tentang keadaan pangsapuri yang walaupun bukan *direct* bawah Kerajaan Negeri tetapi di bawah badan Kerajaan Negeri iaitu PKNS di mana sebelum ini ketika menjelang pilihan raya umum ke 12 tahun lepas mereka telah diberikan peruntukkan untuk pengecatan semula secara besar-besaran walaupun secara logiknya sepatutnya pengecatan semula ini di bawah PKNS tetapi kerana waktu itu dekat dengan pilihan raya maka mereka menerima peruntukkan khas daripada Kerajaan Persekutuan untuk mengecat semula. Tetapi kerana keputusan pilihan rayanya demikian pada 8 Mac 2008 sehingga beberapa pangsapuri yang belum sempat dicat kemudian terus ditinggalkan begitu sahaja. Dan mereka, penduduk-penduduk di sini merasakan diri mereka dianaktirikan, dan saya pun faham bahawa PKNS ada skim mereka sendiri untuk pengecatan semula melibatkan pembayaran semula bayaran *maintenance*, dengan izin, yang tertunggak dan sebagainya tetapi kalau boleh untuk kes-kes yang mana mereka ini '*isolated cases*' misalnya di Seri Setia ada lima flat sebegini, ada lima blok yang sebegini, saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri dan PKNS dengan kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya fikirkan satu mekanisme untuk mencantikkan pangsapuri tersebut agar jangan dilihat sebagai anak tiri blok-blok tersebut dan dengan ini saya yakin ia juga akan meningkatkan rasa kekitaan dan rasa sayang terhadap tempat tinggal mereka dan juga saya yakin meningkatkan kadar pembayaran *maintenance* kepada pihak PKNS. Jadi itu saja yang saya ingin sentuh tentang bajet tambahan peruntukkan pembangunan pada tahun ini, dan saya berharap ia mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian menyentuh tentang peruntukkan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar RM477,000.00, saya ingin menyentuh bahawa selama ini dalam bidang pengurusan *Task Force* orang-orang asli dan yang berkaitan dengan orang asli diletakkan di bawah portfolio Alam Sekitar. Jadi saya berharap sekiranya tidak ada peruntukkan khas yang telah ditetapkan bagi pengurusan orang asli maka dapat diperuntukkan bahagiannya bagi pengurusan agar *Task Force* pengurusan orang asli dapat berjalan dengan lebih lancar.

Menyentuh tentang pengindahan Sungai Kelang sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar projek ini sebagai salah satu daripada pakej rangsangan ekonomi Negeri Selangor bermula dari muara Sungai Kelang ke sempadan Shah Alam Kelang. Itu merupakan pendekatan Kerajaan pendekatan membawa pelabur-pelabur asing dan pelabur tempatan untuk memajukan tempat tersebut. Saya ingin menjelaskan bahawa saya telah menyentuh tentang pembangunan kampung tradisional berbagai-bagai kaum di Hulu Kelang, bermula di Hulu Kelang di Sungai Kelang, di Dam Klang Gates. Sementara Kerajaan memulakan pembangunan di muara sungai hinggalah ke sempadan Shah Alam dan Kelang, saya ingin menyarankan agar pendekatan CSR, pendekatan NGO dimulakan *di-stretch* awal hulu Sungai Kelang hingga ke Kuala Ampang yang melibatkan satu jarak sekitar 12 hingga 15 kilometer. Di mana di peringkat awal kita boleh mengerakkan komuniti, mengerakkan NGO, badan-badan penyelidikan untuk membangunkan kampung tradisional tersebut yang saya sentuh beberapa hari yang lalu dan kemudian mewujudkan satu pakej

kerjasama di antara agensi kerajaan JPS, PBT dan badan-badan korporat yang boleh dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk bekerjasama untuk mengindahkan, mencantikkan tebing, mengindahkan kawasan menanam pokok, membersihkan kawasan dan apa-apa yang perlu mendalamkan sungai dengan kerjasama Kumpulan Semesta untuk pemindahan pasir sebagai kontrak jualan. Sekiranya cadangan saya ini boleh diterima saya ingin meminta izin kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan cadangan bertulis dan bersurat dengan cara yang lebih tersusun. Kemudian mengucapkan terima kasih kerana peruntukan RM1 Juta pertambahan emolumen kepada kakitangan ADUN dan dengan itu aktiviti ADUN di peringkat kawasan akan dapat dipertingkatkan dan pelbagai aktiviti akan dapat dipertingkatkan kerana pertambahan kakitangan di pejabat ADUN. Saya ingin mengambil kesempatan menegaskan sokongan kepada pembangunan sukan kerana aktiviti ADUN boleh diperluaskan lagi sebagai contohnya Pasukan Bola Sepak Selangor merupakan pasukan bola sepak yang terbaik di Malaysia buat masa kini. Dan di atas syor dan rangsangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar satu pertandingan persahabatan di antara Persatuan Bola Sepak Selangor dan Kelab Bola Sepak Bandong akan berjalan 31 Julai tahun ini, bulan ini. Saya mencadangkan Dewan Yang Mulia ini menunjukkan sokongan kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Selangor, dan inisiatif Menteri Besar untuk mengadakan pertandingan persahabatan itu, maka saya menyeru agar peruntukan sebanyak RM5000 untuk membeli sebanyak 500 tiket agar 500 orang daripada penyokong-penyokong setiap DUN dapat menghadiri pertandingan bola sepak tersebut. Sekali gus, kita menunjukkan bahawa DUN boleh meluaskan lagi kerja hinggalah menyokong pasukan Bola Sepak Selangor. Kemudian kita menunjukkan sokongan dengan memberikan peruntukan RM5000 maknanya 56 DUN x 5000 maknanya hampir separuh tiket stadium yang mereka peruntukan 80 000 tiket akan dapat dijual dan sekali gus memenuhi hasrat Menteri Besar agar Pasukan Bola Sepak berdikari dalam mengumpul dana mengukuhkan kelab mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, silakan Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berhubung usul bajet tambahan peruntukan pembangunan 2009 yang berjumlah RM77 juta dan saya dapati dari hasil RM77 juta ini ada dua pecahan yang telah dinyatakan bawah Kepala P1 sejumlah RM3.9 Juta dan Kepala P12 iaitu Jabatan Kerja Raya berjumlah RM37.5 Juta. Saya ingin merujuk kepada Kepala P12 Jabatan Kerja Raya yang memerlukan bajet tambahan sejumlah RM37.5 Juta dan apabila saya teliti perincian tentang bajet tambahan ini sebahagian besarnya adalah projek-projek yang telah pun selesai dilaksanakan dan ada juga di antara projek-projek tersebut dalam proses pelaksanaan dan sudah pun hampir siap. Untuk maksud ini, saya ingin merujuk kepada P12 bilangan 1 tentang membaik pulih cerun di Gombak, khususnya di Bukit Antarabangsa yang telah menelan belanja sebanyak lebih RM1.2 Juta.

Tuan Speaker, perbelanjaan yang begini besar RM 1.2 Juta terpaksa dibelanjakan setelah tragedi tanah runtuh berlaku di Bukit Antarabangsa. Justeru itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri, sekiranya tidak ada tindakan yang proaktif di ambil daripada sekarang, khususnya di negeri Selangor yang mempunyai potensi yang cukup besar yang akan berulangnya tragedi tanah runtuh seperti di Bukit Antarabangsa. Saya bimbang kita terpaksa menanggung kos yang semakin meningkat, sekiranya tiada perancangan yang baik dilakukan untuk menangani masalah yang berlaku ini. Saya pernah mencadangkan beberapa usaha untuk menangani masalah tragedi tanah runtuh berulang kembali.

Pertama, yang saya kira boleh dilakukan dengan segera ialah untuk meningkat lagi dan memperkasakan unit-unit kejuruteraan di PBT-PBT yang mempunyai kawasan-kawasan yang

berpotensi akan berlakunya tanah runtuh khususnya di kawasan lereng-lereng bukit dan cerun-cerun bukit. Saya juga menegaskan dalam dewan yang sama sebagai contoh Majlis Perbandaran Ampang Jaya ketika berlakunya tragedi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, hanya mempunyai empat (4) orang pegawai kejuruteraan / unit kejuruteraan dan pada ketika itu pengarah unit juga, pengarah jabatan juga tiada diperuntukkan. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri segera menambahkan bilangan pegawai dan anggota di unit kejuruteraan khususnya di kalangan jurutera-jurutera yang bertauliah dan mempunyai pengkhususan dalam bidang cerun dan bukit, supaya unit ini lebih efektif dalam mengawasi dan memantau perkembangan cerun-cerun bukit di kawasan PBT-PBT masing-masing.

Ada juga cadangan sebelum ini Tuan Speaker, supaya Kerajaan Negeri mengadakan bekerjasama dengan IKRAM yang sebelum ini hanya diusahakan ataupun '.....' oleh Kerajaan Pusat menyebabkan amat sukar sekali Kerajaan Negeri untuk mendapatkan laporan daripada IKRAM kerana mereka dibayar oleh Kerajaan Pusat. Sebagai contoh tragedi Bukit Antarabangsa yang berlaku pada 6 Disember yang lalu Kerajaan Pusat telah berjanji satu laporan yang 'komprehensif' akan dibentangkan kepada umum termasuk akan diberikan kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh enam bulan. Malangnya, setelah enam bulan berlalu, laporan ini masih lagi tidak dapat dibentangkan kepada Kerajaan Negeri mahupun kepada penduduk-penduduk dan pemilik-pemilik hartanah di Bukit Antarabangsa. Ia menimbulkan banyak masalah Tuan Speaker, yang pertama isu hartanah di Bukit Antarabangsa hari ini sudah jatuh merudum kerana mereka tidak dapat melihat masa depan yang lebih terjamin khususnya dari segi keselamatan dan kedudukan struktur tanah di tempat kawasan yang berkenaan. Sekiranya laporan ini tidak dapat dibentangkan maka keadaan dan ekonomi dan nilai hartanah di Bukit Antarabangsa akan terus mengalami masalah dan ini menyebabkan keresahan penduduk-penduduk rakyat di kawasan tersebut. Sebab itulah saya rasa sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengadakan usaha sama dengan IKRAM. Ianya akan dapat membantu usaha Kerajaan Negeri untuk memantau perkembangan cerun-cerun bukit dalam negeri Selangor.

Yang Ketiga, ada kemungkinan sekiranya Kerajaan Negeri dapat membentuk satu unit sendiri di peringkat negeri khusus satu badan yang memantau cerun-cerun bukit dan lereng-lereng bukit dalam negeri Selangor dengan dianggotai oleh jurutera-jurutera yang bertauliah dan berpengalaman supaya mereka dapat menjalankan satu kajian secara menyeluruh di seluruh negeri Selangor tentang perkembangan dan struktur tanah. Sekiranya laporan ini dapat dikuasai oleh Kerajaan Negeri, maka kita boleh memberikan pengarah yang lebih jelas kepada PBT-PBT tentang bentuk pemantauan dan pelaksanaan cerun-cerun bukit di kawasan cerun-cerun tersebut. Dan saya kira, kalau perkara ini kita dapat tangani dengan baik dan bijaksana dari peringkat awal kita dapat mengelakkan kos yang semakin tinggi sekiranya tragedi yang berlaku seperti, yang telah pun berlaku di Bukit Antarabangsa yang lalu. Di mana, untuk membaik pulih cerun sahaja dalam tempoh yang berkenaan kita telah membelanjakan RM1.2 juta tidak termasuk kos-kos lain dalam menangani usaha tragedi tersebut, saya menyokong bajet tambahan pembangunan 2009 ini dengan harapan Kerajaan Negeri dapat memberikan pertimbangan atas beberapa cadangan yang saya kemukakan. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya memberi kepada pihak kerajaan untuk memberi ulasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker. Saya berterima kasih kepada Kampung Tuanku, Teratai, Taman Medan, Batu Caves, Seri Setia, Hulu Kelang dan Bukit Antarabangsa kerana telah membangkitkan perkara-perkara yang penting untuk pandangan dan tindakan Kerajaan. Pertama, saya ingin menyatakan kepada Kampung Tunku

contract is contract, hanya antara Kerajaan Negeri dengan mereka yang sudah ditandatangani. Maknanya walaupun kita bukan, kerajaan, kita kerajaan yang dibuat oleh kerajaan yang lepas tapi dari segi kontrak Kerajaan Negeri Selangor yang menanggung, *Contract is contract*. Jadi tujuan saya ialah setiap perjanjian yang mesti saya tentukan ialah *value of money* kalau ada nilainya dan kita kena bayar. Walaupun kontrak itu telah disain 15 tahun yang lalu tapi tanggungjawab Kerajaan Negeri ialah menunaikannya. Walaupun orang yang membuatnya itu boleh jadi kita tidak suka, ataupun lawan kita ataupun bukan selari dengan kita, kita kena ambil. Jadi terima kasih kerana membangkitkan tentang *value of money*. Ada kalanya, sekarang kalau tuan pergi melawat tempat yang di llok tu tempat yang diturap tu, sekarang telah berlubang dah, terlalu cepat berlubang. Saya mulanya, hendak tidak hendak membayar dah tapi *contract is contract*, dia dah siap.

Kedua, saya berminat tentang bas komuniti ini, kita akan *follow up*. Teratai, terima kasih membangkitkan cara-cara mengurangkan kos kerajaan jadi saya terima kasih. Jadi, mengucapkan terima kasih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri yang memantau. Jadi bukan kerja kerajaan sahaja tetapi pemaju-pemaju kita akan *follow up* Mutiara Court ini. Kita dapat usahakan supaya pemantauan tentang cerun ini dapat dilakukan. Taman Medan, saya simpat sebab saya pun telah pergi ke tempat tersebut, tempatnya memang... saya ingat perancangan untuk rumah murah ataupun setinggalan sifar adalah tujuan mengalih setinggalan ini ke suatu tempat yang tiada tempat lagi orang hendak pergi. Oleh sebab itulah ada kalanya saya pun takut hendak pergi sebabnya keadaannya tidak sampai 5 7 tahun sudah keadaan yang mana tidak sesuai untuk duduk, jadi saya takut, macam mana kita kena bekerjasama? bagaimana hendak selesaikan?

Kedua, konsep jalan tol. Kalau jalan tol maknanya yang membaiki tol itu ialah syarikat-syarikat yang mendapat bayaran daripada tol. Jadi kalau Yang Berhormat Ahli Dewan dapat tahu dan jika kita kesilapan tempat pembaikan beritahu sebab kita tidak boleh gunakan sebab perbelanjaan kiraan tol itu termasuk *maintenance*. Jadi kena ambil kira tentang tersebut. Saya akan *follow up*, dan saya akan minta Dato' Hasan Ali *follow up* sebab saya takut kalau kita buat jalan yang tidak sepatutnya kita lakukan. Tapi masalah ini *complicated* hendak terangkan.

Sekarang jalan telah di bawah kuasa persekutuan dan di bawah kuasa negeri dan di bawah kuasa pihak swasta. Ada 3. Kadang-kadang kita tidak tahu. Jadi, saya tanya JKR sama ada di boleh tunjuk ini jalan tol yang ..., dia kata tidak boleh sebab banyak masalah tanda-tanda tersebut. Jadi, saya ingin lagi memantau bagaimana keadaan ini kita dapat selesaikan.

Dan mengenai Batu Caves, saya sokongan tentang usaha mempertingkatkan minat rakyat kita membaca. Walau bagaimanapun, terima kasih. Saya ada pernah terdengar khabar, saya belum pergi lagi. Setengah *library* bukunya masih belum dibuka. Kotaknya. Bukan dibaca. Buka, buka pun belum. Jadi itu. Saya mengucapkan terima kasih kepada ADUN-ADUN yang berminat sila pergi tengok, sekurang-kurangnya buka buku jadi letakkan di tempat yang sedia ada. Jadi kita boleh buat apa itu bagi kalau ada duit minta PWN untuk mengadakan satu sepetang bersama dengan ADUN yang membaca, menceritakan apa buku yang dibaca kepada masyarakat di sana. Jadi dengan cara itu, jadi dia akan ada minat tentang buku, jadi ini pun salah satu cara yang akan menarik anak-anak muda bercerita tentang buku yang dia baca dan kita boleh baca satu buku yang saya rasa kalau saudara belum baca, berminat oleh Samad Said iaitu Salmi Manja jadi satu cerita di Singapura, jadi saya tak naklah ceritakan tapi jadi untuk menarik perhatian saudara Seri Setia. Seri Setia saya berterima kasih kerana membangkitkan beberapa perkara tentang alam sekitar yang penting saya tahu masalah Ahli Dewan ialah permintaan rakyat terlalu tinggi kadang saya takut kita tidak ada mempunyai apa itu dana untuk menyelesaikannya, saya tahu ini masalah bila kita jumpa sahaja penghuni-

penghuni rumah pangsa bila kita duduk bersama dengan mereka, dia tanya lif kita kena betulkan. Bila dia cakap lif sahaja dalam pemikiran saya tiga juta bukan satu sen, dua sen, tiga juta, jadi itulah kadang-kadang saya, kita perlu kena tolong jadi saya tidak menghalang tapi bagaimana kita nak memikirkan untuk tolong.

Kedua kita mesti membawa semangat kejiranan yang sokong menyokong itu pun sangat penting, kalau tidak mereka tidak anggap *is the common property* pun itu pun saya selalu takut dalam keadaan ini. Bahawa masyarakat kita tidak merasakan *there property* atau pun hak dia menjaga kebersihan bukan orang lain, ini bukan hal dia. Jadi bagaimana kita nak menyemai semangat tersebut dalam keadaan ini. Itu yang saya harap Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, rakan-rakan kita marilah kita usahakan. Hulu Kelang membangkitkan tentang pembersihan Sungai Klang sebenarnya kita sekarang memproses kita bahagi tiga peringkat, satu daripada muara Klang ke Shah Alam, Shah Alam sampai ke Kuala Lumpur, lepas itu kita buat lepas Kuala Lumpur sampai ke Klang Gate. Program Klang Gate itu adalah lebih bukan untuk apa yang kita katakan bukan untuk *property development* bukan untuk pembangunan tetapi untuk mencantikkan. Saya setuju dan saya akan terima laporan yang *detail* dan saya akan kumpulkan NGO-NGO yang sangat berminat untuk bekerjasama dalam usaha pembersihan ini. Walau bagaimana pun Tuan Speaker saya nak ingatkan rakan kita daripada Barisan Nasional sebelum ini telah membelanjakan dalam masa enam tahun lebih dua puluh juta untuk membersihkan sungai tetapi saya kena *track* mana pergi duit tersebut. Kita peruntukan kita ialah empat ratus lima belas ribu sahaja untuk itu. NGO yang menolong untuk memproses kebersihan sungai di Klang itu hanya perlukan lima puluh ribu, itu dalam kiraan kita yang banyak duit ini iaitu *mapping* untuk iaitu sebab termasuk dalam empat ratus ribu itu ialah tiap pegawai akan pergi ke tiap-tiap tebing sungai itu untuk merekodkan perumahan-perumahan dan pembangunan. Itu sebab kita gunakan empat ratus tujuh belas ribu itu dan tidak termasuk untuk orang asli tidak ada. Ini tidak ada, ini saya tidak faham, kita akan masukkan ke dalam satu bajet yang lain. Bukit Antarabangsa ya saya berterima kasih kepada beliau kerana beliau orang yang pertama sekali sampai apabila Bukit Antarabangsa itu runtuh. Dan itu memang apalah tapi ini timbul masalah jadi hubungan di antara Federal dengan Negeri itu kita nampak hubungan itu tidak serasi macam dia kurang percaya kepada kita walaupun tapi saya harap perkara ini kita mesti kurangkan. Kalau di Federal dia ada satu pasukan yang dipanggil *hill slope committee* yang di bawah Perdana Menteri, di bawah pejabat Perdana Menteri terdiri daripada *Engineer* yang telah dilatih untuk mengenai *hill slope* ini, sudah ramai itu sebab dia datang ke Bukit Antarabangsa ini dia kata dia dah tahu tentang perkara ini. Tapi jawapan-jawapan yang kajian yang dibuat dia tidak bagi kepada negeri, jadi itu yang masalah, tapi kalau negeri buat lagi satu kajian maknanya kita buat kajian yang serupa, jadi itu merugikan kita. Walau bagaimanapun saya mula berbincang dengan Lembaga Perumahan kita untuk bagaimana menggunakan IKRAM supaya kita kurangkan data-data yang kita perlu *commend* data, kita hanya buat penyelidikan. Walau bagaimanapun saya ingin nyatakan dalam keadaan kita tidak serasi ini Kerajaan Persekutuan Perdana Menteri telah menulis surat kepada saya melantik saya menjadi seorang daripada Ahli Jawatankuasa untuk merancang *peninsular physical*. Jadi maknanya saya dilantik jadi saya akan membawa perkara-perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan yang perkara-perkara ini perlu diberitahu kepada terutama di Selangor, terutama di Zon Tiga dan Empat. Satu perkara yang kita telah buat keputusan oleh Ahli EXCO ialah tidak membenarkan pembangunan tiga dan empat tapi kita dapati banyak juga keluhan dan juga bantahan bahawa cerun tiga itu ada tempatnya boleh dibangunkan. Oleh sebab itu sekarang dalam masa tidak sampai satu bulan ini kita dah siap dan boleh mengumumkan yang ada kelonggaran, bukan untuk pembangunan cerun tiga, ada kelonggaran. Tetapi dia mesti mengikut apa itu kriteria atau pun syarat-syarat yang kita perlu adakan. Jadi kalau tidak besok kita akan dapat menghadapi masalah, yang ini kita akan lakukan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih YAB Dato Menteri Besar, ingin mohon sedikit penjelasan. Pelantikan yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini saya kira untuk jangka panjang perancangan di masa akan datang. Untuk sementara waktu ini yang saya nyatakan tadi laporan dari IKRAM belum lagi diserahkan kepada Kerajaan Negeri maka apakah tindakan Kerajaan Negeri mengenai perkara ini kerana ramai pemilik-pemilik hartanah di Bukit Antarabangsa semenjak 6 Disember mereka telah berpindah keluar daripada kawasan tersebut kerana keselamatan dan kebimbangan mereka. Tapi mereka belum patah balik sebab dia nak tahu dulu sama ada selamat atau tidak, ini menyebabkan banyak pangsapuri dan kondominium di Bukit Antarabangsa yang kosong. Bila kosong kita ada masalah *maintenance* jadi ia banyak masalah akan timbul kerana selagi laporan ini tidak dikemukakan kepada Kerajaan Negeri selagi itulah penduduk akan timbul rasa cemas dan bimbang tentang masa depan mereka. Yang keduanya kondo-kondo yang kosong ini juga tidak dapat disewakan kerana orang takut untuk masuk Bukit Antarabangsa sekarang. Jadi saya bimbang pengundi saya banyak sudah keluar Dato Menteri Besar, jadi kalau boleh saya minta Kerajaan Negeri supaya mendesak Kerajaan Pusat untuk menyejajarkan laporan ini kerana apa jugak laporan itu menyatakan kita kena bersedia menghadapinya mengikut kepentingan rakyat di kawasan tersebut. Terima kasih.

YB DATO MENTERI BESAR: Saya setuju tentang kita sekarang daripada sekarang, sekarang boleh jadi kita dah terlewat, kita mesti mendapat laporan daripada Kerajaan Persekutuan. Dan ini kita akan usahakan jadi dalam dua hari nanti kita akan lagi sekali menulis surat saya suruh Lembaga dan saya sendiri akan tandatangani untuk meminta laporan itu daripada JKR Pusat dan juga kita minta laporan daripada Jawatankuasa Cerun di peringkat Jabatan Perdana Menteri. Kedua saya difahamkan sudah ada belanja sebanyak tujuh puluh juta yang digunakan untuk memperbaiki cerun-cerun yang runtuh, sudah ada tapi duit itu di bawah kelolaan Kerajaan Persekutuan. Dan itu yang menyebabkan Kerajaan Negeri sama juga Majlis Perbandaran Ampang tidak dapat bersama dalam usaha tersebut. Jadi saya harap kita dan pada tujuh belas ada satu mesyuarat yang mana mesyuarat tahunan di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan-kerajaan Persekutuan tentang pengurusan dan jagaan Pihak Berkuasa Tempatan yang mana Timbalan Perdana Menteri akan mempengerusikan dan saya akan membangkitkan lagi sekali perkara yang dikeluhkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Antarabangsa. Jadi saya harap dengan cara itu kita akan dapat menyelesaikan masalah masyarakat di Bukit Antarabangsa. Saya percaya, saya faham Yang Berhormat segan nak melawat Bukit Antarabangsalah sebab tidak ada lagi cerita yang boleh dikatakan. Jadi saya ingat ini pegawai-pegawai daripada Kerajaan akan memahami bahawa walaupun kita ada perbezaan dari segi politik tetapi rakyat jangan dibezakan itu sahaja, saya minta dari segi itu kerana perbelanjaan dan kesusahan mereka. Akhir sekali saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan kerana telah berusaha untuk memantapkan Pusat Khidmat yang mana dengan itu *justify* yang belanja dapatkan seorang, dua orang tapi saya nak mintalah bahawa kejayaan kita untuk mencari ahli-ahli usia emas ini agak lembap sedikit. Jadi saya berharaplah itu mesti ramai, jadi dan Teratai membangkitkan terlalu ramai orang datang minta. Teratai *that is passion from is not hard from* masalah itu. Masalah membagi duit ialah masalah yang senang, masalah mencari duit saya ingat lebih susah lagi. Jadi *is easy* masalah tapi kita kena buat *much better system* itu sahajalah tapi kita kena jaga, satu perkara yang jaga duit itu ialah supaya jangan salah orang dibagi itu akan menyusahkan kita masa depan. Kedua Tabung Warisan Anak Selangor pun kita menghadapi masalah yang besar lapan puluh ribu lahir di Selangor, hanya tak sampai dua puluh ribu yang mendaftar. Jadi maknanya kita nak membagi pelaburan untuk masyarakat Selangor tidak apa payah bayar pun nama tidak boleh kita kumpulkan, ini saya ingat satu usaha yang saya mintalah sebab kita dah adakan belanja tersebut. Perkara yang ketiga yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang akhir sekali pasal bola itu tujuannya ialah saya jawab dulu tujuannya bolehlah untuk mencari dana supaya dana itu akan

disimpan dalam satu kumpulan supaya menjaga masa depan pemain-pemain bola sepak, Jadi kalau Kerajaan Negeri bagi tiket *free* pengsanlah dia. Jadi saya akan fikirkan bagaimana cara untuk berkongsi, jadi kalau tiket sepuluh ringgit boleh jadi bayar tiga ringgit, dua ringgit bolehlah jadi kita tolong dapat.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Cadangan saya peruntukan ADUN, menyokong peruntukan ADUN untuk membawa lima ratus orang penyokong setiap ADUN jadi maknanya lima puluh enam ADUN separuh Stadium penuh daripada penyokong-penyokong ADUN-ADUN sahaja. Itu sahaja. Terima kasih.

YB DATO MENTERI BESAR: Tidak menyekat ADUN menggunakan. Saya tidak menyekat tapi saya galakkan, memang saya galakkan kalau Kerajaan Negeri boleh juga meminta saya akan cuba, akan cuba meminta daripada syarikat-syarikat kita untuk membagi peruntukan serba sedikit daripada ADUN-ADUN supaya dia dapat membawa penyokong-penyokong kita. Tapi mengikut kajian kita, kajian yang kita buat semasa jumlah yang akan hadir sudah akan lebih empat puluh ribu daripada masyarakat yang datang bekerja di kita. Jadi itulah sahaja saya harap dapat memberi jawapan yang bermakna kepada ADUN-ADUN, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa menurut Seksyen 9, Seksyen 4 sub 2b dan Seksyen 4 sub 3 Akta Wang Kumpulan Pembangunan 1966 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak tujuh puluh tujuh juta enam puluh tujuh ribu empat ratus sembilan puluh lima ringgit dan tujuh puluh empat sen yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan peruntukan Pembangunan Tahun 2009 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4 sub 1 Akta yang sama seperti mana yang terdapat di jadual hendaklah diluluskan.

Jadual Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2009 kepala P 01 Jabatan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, peruntukan tiga puluh sembilan juta lima ratus lapan puluh tujuh ribu tujuh ratus dua puluh ringgit sembilan puluh lapan sen. Kepala P 12 Jabatan Kerja Raya peruntukan tiga puluh juta empat ratus tujuh puluh sembilan ribu tujuh ratus tujuh puluh empat ringgit tujuh puluh enam sen. Jumlah tujuh puluh tujuh juta enam puluh tujuh ribu empat ratus sembilan puluh lima ringgit tujuh puluh empat sen. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang terhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa sudah menunjukkan satu petang dengan ini saya menanggung Dewan hingga dua tiga puluh petang ini. Dewan ditanggungkan.

(Dewan ditanggungkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya. Usul No. 5 Tahun 2009 menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, bahawasanya mengikut perenggan 5 dalam peraturan tetap 76 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya Penyata Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT yang dibentangkan sebagai kertas mesyuarat Bil.18 Tahun 2009 diterima. Tuan Speaker...

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, teguran Tuan Speaker bawah 37.

TUAN SPEAKER: Ya...peraturan?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Teguran 37.

TUAN SPEAKER: Ya 37.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan mengapa....

TUAN SPEAKER: Nanti ya, 37 itu apa dia...37...?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau apa-apa nak buat teguran kena minta izin dengan Speaker.

TUAN SPEAKER: Tertib..?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tertib...ya tertib.

TUAN SPEAKER: Ya tertib.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, Tuan Speaker.....

TUAN SPEAKER: Ya, tak ini terpakai untuk pada Yang Berhormat. Yang Berhormat bangun untuk apa?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Itu saya bangun untuk membuat teguran tentang cadangan ini untuk membentangkan apa ini usul

TUAN SPEAKER: Mengikut peraturan mana, mengikut peraturan mana..?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Peraturan ini untuk membawa kelulusan ini, saya hendak ...

TUAN SPEAKER: Ialah kena bawa ikut peraturan. Yang Berhormat merujuk kepada peraturan mana?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Peraturan 37.

TUAN SPEAKER: 37 menyatakan seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu ahli yang sedang bercakap itu hendaklah duduk dan ahli yang mengganggu itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkannya buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkan perkara itu kepada Pengerusi memutuskannya. Atau (b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang hendak dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat Ahli yang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan Ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi, bererti kalau Yang Berhormat hendak membangkitkan soal tertib, Yang Berhormat boleh bangun kalau Yang Berhormat nak minta penjelasan daripada Ahli yang sedang bercakap boleh bangun. Jadi sekarang Yang Berhormat bukan hendak minta penjelasan di bawah 37(b), Yang Berhormat hendak bawa isu tertib di bawah 37(a). ya tertib yang mana ini, peraturan yang mana?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tertib dan juga nak penjelasan, dua-dua. Penjelasannya....

TUAN SPEAKER: Penjelasan apa? Dia belum cakap lagi. Yang Berhormat Sekinchan belum bercakap macam mana nak minta penjelasan daripada Sekinchan.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia dah bawa usul tadi Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban tadi.

TUAN SPEAKER: Dia belum bawa lagi. Dia belum baca, belum baca usul pun dah.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Benarkan bacalah...

TUAN SPEAKER: Hah..ya bersabar. Silakan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker oleh kerana ada sedikit gangguan saya ulang semula. Bahawasanya mengikut perenggan 5 dalam peraturan tetap 76 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya penyata Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan iaitu SELCAT yang dibentangkan sebagai kertas mesyuarat Bil.18 Tahun 2009 diterima. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tujuan usul ini adalah untuk menerima penyata cadangan dan saranan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa SELCAT berhubung pembelian, sumbangan, derma, hadiah atau apa-apa bentuk kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri, Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri kepada Badan Amal Isteri-isteri Selangor iaitu BALKIS. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, Tuan Speaker...

TUAN SPEAKER: Ya...

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Di bawah 37, saya ingin penjelasan tentang cadangan untuk membincangkan perkara BALKIS dalam mesyuarat laporan ini untuk dibentangkan sebab saya berpendapat ...

TUAN SPEAKER: Tak sekarang ini Yang Berhormat, Yang Berhormat bila nak bawa soal tertib kena rujuk tertib mana, peraturan tetap yang mana?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Di bawah 37 tadilah.

TUAN SPEAKER: Tak 37 hanya membenarkan Yang Berhormat bawa isu tertib. Isu tertib di bawah mana, 36(6) ke 44 ke itu kena beritahu. Itulah asas kita bergerak. Tertib yang mana.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker...

TUAN SPEAKER: Sekinchan tolong duduk dulu.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok. Di bawah 37, hendaklah menarik perhatian perkara 37(a) akan buat pengetahuan masyarakat dan akan serahkan perkara itu kepada Pengerusi untuk memutuskannya. (B) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap. Jadi perkara (a) dan (b). (B) ini tadi Yang Berhormat Sekinchan tadi telah mengeluarkan percakapannya dan saya ingin membuat teguran tentang ucapan ini berhubung isu BALKIS.

TUAN SPEAKER: Tak, kalau nak buat teguran bererti nak debat. Nak debat nanti tunggulah. Bila usul ini dibuka untuk perbahasan Yang Berhormat ambillah bahagian.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya....tapi....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat tak boleh mengganggu dia bawa usul. Sebab hak ahli bukan hak Sekinchan saja. Hak semua orang termasuk Yang Berhormat sendiri untuk bawa usul.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya tapi di bawah

TUAN SPEAKER: Bila di kata Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan usul yang dibawa oleh Sekinchan, Yang Berhormat boleh ambil bahagian dalam perbahasan tapi tak boleh ganggu dia membawa usul.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Itu saya faham Tuan Speaker. Saya ingin membangkitkan daripada hak saya dari 37(b) dan juga saya

TUAN SPEAKER: Hak apa itu? 37 minta penjelasan. Tengok bahasa itu jelas. Ya, jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat Ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk, sekarang ini Yang Berhormat merujuk kepada 37(b) maka saya kena Tanya Sekinchan setuju ke tidak. Kalau dia tidak setuju, Yang Berhormat kena duduk. Nanti dulu, 37(a) bertentangan dengan tertib kalau Yang Berhormat membangkitkan soal tertib dan berdiri di bawah 37(a)

maka kena rujuk peraturan yang mana Yang Berhormat hendak bawak. Kalau Yang Berhormat berdiri atas 37(b), maka kena dapat persetujuan dari Sekinchan. Yang mana satu sekarang..?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tadi (a) dah dibenarkan. Sekarang nak pergi (b)

TUAN SPEAKER: Tak....tak....Yang Berhormat tak faham. Cuma ada dua pilihan nak pergi (a) ke nak pergi (b)? Tak boleh dua-dua. Tak boleh. Ya, kalau (a) baik rujuk mana-mana, peraturan yang mana. Kalau nak pergi (b), baik tanya Sekinchan, Sekinchan setuju ke tidak. Nak pergi (a) ke nak pergi (b)?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok saya mula-mula tadi kena buat perkara (a) dulu...

TUAN SPEAKER: Tak de...eh baik sekarang kalau Yang Berhormat buat (a), baik saya...

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dah dibenarkan kepada saya kan?

TUAN SPEAKER: Belum...belum...baru (a), dah cakap (a) baik saya setuju. (a) sekarang ini kata boleh bawak soal tertib, sekarang soalan saya peraturan tetap mana, tertib mana, peraturan yang mana?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tertib (b). Saya nak....

TUAN SPEAKER: Saya rasa Yang Berhormat tak faham. Yang Berhormat saya tak benarkan sebab Yang Berhormat tak faham, Yang Berhormat duduk dulu baca lagi, bila faham baru bangun ya. Baik silakan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh Ahli Jawatankuasa SELCAT di atas kejayaannya mengadakan satu pendengaran awam yang pertama kali dalam sejarah Dewan Negeri Selangor sejak penubuhannya pada 50 tahun yang lalu. Sebelum ini tidak pernah ada sebarang bentuk perancangan dan usaha daripada Kerajaan Negeri yang lepas untuk membuat sebarang pembaharuan terhadap fungsi dan peranan Dewan. Mereka hanya menjadikan Dewan sebagai '*double stamp*' untuk meluluskan sebarang undang-undang dan enakmen yang mereka hendaki. Jauh sekali membicarakan soal prinsip amalan demokrasi dan dalam itu persidangan Dewan hanya di adakan lebih kurang enam hari setahun dan bayangkan berbagai halangan dan sekatan semasa perbahasan yang dikenakan terhadap wakil pembangkang begitu ketara sekali pada waktu itu. Walau bagaimanapun, syukur alhamdulillah selepas kerajaan Pakatan Rakyat menerajui Negeri Selangor pada 8 Mac 2008 yang lalu banyak pembaharuan sudah dilakukan demi memperkasakan fungsi dan peranan Dewan sebagai forum ataupun pentas tertinggi untuk membicarakan pemasaran rakyat selain berperanan sebagai Badan Penggubal Undang-undang. Atas usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh Tuan Speaker dan disokong oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim, Tuan Speaker dalam tempoh masa 16 bulan sahaja di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat banyak peraturan-peraturan Dewan telah dipinda dan berbagai Jawatan Pilihan Khas telah ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor. Antaranya Jawatankuasa SELCAT bukan sahaja ditubuhkan malah diberi kuasa untuk membuat pendengaran awam dan membuat siasatan terhadap sesuatu perkara yang dikenal pasti membabitkan kepentingan rakyat Negeri Selangor. Justeru itu yang merupakan satu anjakan, satu kemajuan dan perkembangan positif dalam

mempraktikkan amalan sistem demokrasi selaras dengan matlamat merakyatkan Dewan Negeri Selangor sempena sambutan Ulang Tahun ke-50 Dewan Negeri Selangor pada tahun ini. Tugas pertama Jawatankuasa SELCAT yang anggotanya selain daripada Yang Berhormat Tuan Speaker merangkap Adun Sg. Panjang sebagai Pengerusi, manakala Ahli Jawatankuasa yang lain ialah Yang Berhormat Puan Speaker merangkap Adun Taman Medan, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, Yang Berhormat daripada Hulu Klang, Yang Berhormat daripada Bukit Gasing dan dua lagi Ahli Jawatankuasa daripada Pembangkang iaitu Yang Berhormat daripada pembangkang Permatang dan Dusun Tua, Yang Berhormat daripada Dusun Tua. Adalah untuk menyiasat kisah benar apakah yang sebenarnya berlaku di sebalik pengagihan pemindahan dana sejumlah RM 9.9 juta milik badan amal dan kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Selangor iaitu BALKIS kepada BAKTI melalui pendengaran awam kerana rakyat berhak mengetahui ke mana dana yang merupakan wang rakyat itu diperolehi dan dilarikan tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada rakyat Negeri Selangor.

Tuan Speaker, saya sendiri telah hadir dan mengikuti hampir sepanjang tempoh pendengaran awam tersebut diadakan selama 7 hari sebagai pemerhati. Secara ikhlas apa yang saya nampak berdasarkan secara soal jawab dan keterangan yang diberikan oleh saksi dan Ahli Jawatankuasa SELCAT yang menanya melontarkan soalan, memang terbukti bahawa Jawatankuasa SELCAT telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Dewan Negeri Selangor dengan adil dan profesional. Di samping itu persiapan yang rapi dan teratur serta kerjasama yang diberikan oleh saksi dan Setiausaha Dewan serta seluruh petugas yang turut serta telah menjayakan prosiding tersebut. Perjalanan pendengaran proses awam tersebut telah disiarkan secara langsung oleh TV Selangor dan TV Antara malah *hit*nya sehingga mencecah 1.3 juta pada satu ketika mengikuti perkembangan prosiding tersebut. Bayangkan betapa minat dan prihatinnya orang ramai terhadap bagaimanakah wang rakyat yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri, Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker...

TUAN SPEAKER: Ya tunggu sebentar Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Belum....belum lagi saya nak teruskan dulu. Nanti tengok ada masa

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak menarik tentang penjelasan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Belum...belum lagi. Saya baru *gear* satu.

TUAN SPEAKER: Peraturan mana?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: 37 ah...(b).

TUAN SPEAKER: Ah....(b) kena tanya kena dapat persetujuan dulu.

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya belum...belum. Saya tak bagi sebab saya baru nak masuk *gear* satu setengah.

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya nak tanya sebab peraturan

TUAN SPEAKER: Sebab 37(b) kalau dia tak bagi kena duduk, itu peraturan, Yang Berhormat dah bacakan nanti boleh bahas, kena dapat persetujuan

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Sebab dia bangkitkan tentang kita, kalau nak jalankan peraturan tengok apa peraturan yang apa ni SELCAT telah buat ya. Dan kita dapati ya SELCAT ini telah membicarakan satu persatuan yang bukan di bawah kepentingan dewan itu satu persatuan di bawah

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan, ini masa saya untuk bercakap

TUAN SPEAKER: Itu Yang Berhormat boleh cakap masa perbahasan

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya tak bagi

TUAN SPEAKER: Itu kerajaan akan jawab

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya, saya kerana

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat kena ikut peraturan saya bagi peluang secukupnya

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Ya

TUAN SPEAKER: Kalau usul ini nak bahas sampai besok, sampai lusa pun saya dibenarkan saya berikan peluang sepenuhnya tapi kena ikut tertib. sekarang ni kalau Yang Berhormat berdiri di bawah 37(b), 37 (b) mengatakan kena dapat persetujuan daripada ahli yang sedang bercakap jadi kalau Sekinchan tidak benarkan maka saya pun tidak ada kuasa untuk membenarkan

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Tapi usul yang nak dibawa biar lah

TUAN SPEAKER: Saya minta kerjasama Sg. Burung kalau nak ambil bahagian kalau tak setuju Sekinchan bahas jangan ganggu seperti ini saya tak nak

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya memang tak setuju sebab yang dibicarakan

TUAN SPEAKER: Saya tak suka, tak setuju bahas

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya tak setuju dibicarakan

TUAN SPEAKER : Saya dah buat

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: SELCAT membicarakan tentang BALKIS satu pertubuhan yang.....(Mikrofon ditutup oleh Tuan Speaker)

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat saya menghormati Yang Berhormat bukan sahaja sebagai seorang Wakil Rakyat saya menghormati Yang Berhormat sebagai seorang Pegawai Kerajaan yang berpengalaman dan juga merupakan penggal Ahli Penggal Kedua dan seorang yang tua, dan lebih tua daripada saya, saya memberi penghormatan. Jadi saya mintalah bila saya menjalankan tugas mengikut peraturan dan saya dah bacakan dan saya ambil, saya begitu sabar bacakan Yang Berhormat patut memahami bahasa begitu ringkas, kalau nak paksa saya, janganlah, janganlah saya tak suka nak gantung sapa-sapa, saya tak suka nak

halau, dulu saya pembangkang juga, dulu saya mempertahankan hak pembangkang hari ni juga saya mempertahankan hak pembangkang. Kalau semua, kalau katakan hari ni Ketua Penghulu nak ambil bahagian pun saya bagi peluang, saya minta kerjasama. Kalau nak bahas saya beri

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya ..., saya menghormati Tuan Speaker (mikrofon ditutup oleh Tuan Speaker)

TUAN SPEAKER: Saya minta, saya mintalah Yang Berhormat duduk, saya minta Yang Berhormat duduk, jangan pula nanti kata saya halau nanti besok keluar *headline* nanti kata saya ni kejam, kata saya ni zalim, saya tak nak, saya dah baca, ini bahasa ni jelas seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali jika (b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat, ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi. Sekarang ni Sekinchan tidak mahu beralah. Jadi saya tidak ada pilihan jadi saya juga terikat, saya terikat dengan peraturan tetap janganlah paksa saya, saya tak nak lah gunakan, apa itu peraturan tetap 43, 44 saya tak nak, ia saya minta kerjasama kalau Yang Berhormat hendak bahas nanti, ada peluang saya buka untuk bahas

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya (mikrofon ditutup oleh Tuan Speaker)

TUAN SPEAKER: Saya minta Yang Berhormat duduk

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Sebab isu BALKIS

TUAN SPEAKER: Saya minta Yang Berhormat duduk, kalau Yang Berhormat bangkitkan 37(a) kata ni bukan dalam bidang kuasa kita, bawa lah tengok mana peraturan tetap yang benarkan Yang Berhormat bawa saya benarkan tapi bukan cara ini. Ya bukan cara ini. Ya saya minta Sekinchan untuk teruskan

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima Kasih Tuan Speaker. Bayangkan betapa minat dan prihatinnya orang ramai terhadap bagaimanakah wang rakyat yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri, Agensi dan Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan kepada BALKIS setelah dipinda dan dilarikan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang dengan membubarkan BALKIS. Seramai 14 orang saksi utama dipanggil untuk memberi keterangan di bawah perakuan

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Sumpah Tuan Speaker, ini senarai faktanya tak betul, kalau nak buat usul pun (mikrofon ditutup oleh Tuan Speaker)

TUAN SPEAKER: Nanti bahas saya dah kata, kalau bahas, kalau tak setuju dengan hujah atau pun fakta yang dibangkitkan oleh Sekinchan bahas, minta penjelasan sekarang bukan, sekarang nak cabar ni

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: (Mikrofon ditutup oleh Tuan Speaker)

TUAN SPEAKER: Itulah nak bahas, itu maksud bahas Yang Berhormat lagi tak faham ke, saya mintalah, saya mintalah jangan ganggu, saya memang tahu dah strategi Yang Berhormat ini strategi supaya nanti saya halau lagi, bila besok nanti kata saya tak adil, saya faham saya pembangkang dulu saya faham saya lebih faham daripada Yang Berhormat sebab saya 13

tahun jadi pembangkang, strategi Yang Berhormat pakai dulu saya dah pakai, dah lapuk tahu, sebab itu kena faham,

TUAN SPEAKE: Ya lah kena tahu, menghormati pengalaman saya. Ya kena hormati pembangkang. Kalau soal gantung pun saya, saya pernah digantung

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: (Mikrofon ditutup oleh Tuan Speaker)

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, saya tidak mahu mengaibkan siapa-siapa

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: (Mikrofon ditutup oleh Tuan Speaker)

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat saya pun belum tegur lagi Yang Berhormat, saya cuma nasihatkan je jangan sampai saya tegur saya tak nak sebab Yang Berhormat lebih tua dari saya, Yang Berhormat umur mungkin dah dekat umur bapa saya, saya tak nak, jadi jangan lah begitu saya nasihatkan jangan membuka pekung di dada, jangan

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: (Mikrofon ditutup oleh Tuan Speaker)

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat sekarang ni, seluruh dunia kita tengok dewan khas saya bertindak balik, kita semua anak-anak muda kita tengok internat apa yang berlaku sekarang, saya nasihatkan saya tak nak tegur ya Yang Berhormat, kita kena ikut peraturan

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Saya minta Sekinchan betulkan fakta

TUAN SPEAKER : Nanti kalau ada fakta tak betul, nanti lah, nanti Yang Berhormat boleh ambil bahagian dalam perbahasan saya minta ya. Terima Kasih. Ya silakan Sekinchan

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, walaupun beberapa kali diganggu oleh Sungai Burung, tapi tak pe lah sebab dia jiran saya dia sekarang cuba nak bercakap nak jadi hero, bagi lah, kita cuba bagaimana lah, tak de masalah. Seramai 14 orang saksi utama dipanggil untuk memberi keterangan di bawah perakuan sumpah berikut adalah senarai saksi-saksi yang dipanggil untuk memberi keterangan saya, saya sebutkan secara sepintas lalu, saksi yang pertama dipanggil adalah YB. Dato' Ramli bin Mahmud Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor menurut penyata SELCAT, yang kedua Tuan Haji Mohd. Nordin bin Dahlan, Pemangku Pengurus Besar PKPS, Yang Ketiga Y. Bhg. Dato' Haji Karim bin Mansur, Presiden KDEB, yang keempat YB. Dato' Haji Harun bin Salim, bekas Pengurus Besar PKNS, yang kelima Datin Hjh. Khairiah binti Abdul Hassan, Ketua Eksekutif PNSB, yang keenam Cik Ee Chong Kong, Akauntan bertauliah yang ketujuh Puan Norzaton Aini binti Mohd. Kassim, yang kelapan, Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd. Khusrin bin Hj. Munawi, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), yang kesembilan, Puan Khairiah binti Yusof, Pegawai Pendaftar, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor, yang kesepuluh Puan Hafizatul Akmar binti Abdul Jalil, Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Dakwah, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), yang kesebelas Encik Muhamad Yunus bin Jamil, Pengarah Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor, yang kedua belas, Y. Bhg. Puan Sri Asri Rohani binti Asnan, bekas Yang Dipertua BALKIS, yang ketiga belas, YB. Dato' Seri Mohamad Khir bin Toyo, bekas Menteri Besar Negeri Selangor, yang keempat belas, YB. Datin Seri Zaharah binti Kechik, bekas Yang Dipertua BALKIS, kesemua saksi-saksi yang disebutkan tadi tampil ke depan kecuali Yang Berhormat dari Sungai Panjang dan juga isteri beliau Yang Berbahagia Datin Seri Zaharah binti Kechik selaku bekas Yang Dipertua BALKIS enggan hadir untuk memberikan keterangan. Tindakan ini secara langsung terang terangan telah menghina dewan yang mulia ini, kalau seorang saya

bayangkan kalau orang kena tahan, orang yang ditahan polis yang didakwa menghadap ke mahkamah bolehkan beliau tidak hadir tanpa alasan yang munasabah. Sebagai contoh bekas Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan kini selaku Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat itu Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim juga hadir ke mahkamah untuk proses pembicaraan walau pun hakikatnya beliau memang tidak bersalah dan difitnah satu pakatan konspirasi untuk menjatuhkan beliau, oleh itu kalau benar Yang Berhormat Sungai Panjang dan juga isterinya tidak bersalah kenapa, kenapa tidak hadir ke Pendengaran Awam untuk membela dan mempertahankan diri dan memberi keterangan jangan hanya berani mengutuk Jawatankuasa SELCAT, bukan di waktu jadi saksi datang hadir jadi saksi mengutuk Jawatankuasa SELCAT di luar, di luar ataupun melalui media sahaja. Tetapi tidak berani membela diri dan mempertahankan diri di hadapan Jawatankuasa sedangkan peluang diberikan seluas-luasnya dan saya juga ingin ungkitkan satu peristiwa di mana pada penggal yang lepas, pada penggal yang lepas Yang Berhormat Sungai Pinang juga digantung untuk oleh Jawatankuasa Khas dan kebebasan tetapi tidak diberi peluang ke oleh Jawatankuasa untuk datang membela diri hanya diminta untuk keterangan secara bertulis sahaja. Beliau diminta untuk datang memberi pembelaan penjelasan peluang tersebut tidak diberikan tidak diberikan oleh kerajaan yang lepas. Tetapi pada Pendengaran Awam SELCAT ini Yang Berhormat Sungai Panjang dan isteri beliau diberi peluang ya, diberi peluang seluas-luasnya untuk datang memberi hujah, menerangkan kisah benar apa sebenarnya yang berlaku kepada Jawatankuasa tetapi beliau gagal hadir tetapi kutuk di luar melalui media. Tapi saksi yang di saman pada masa yang sama pihak saksi yang di saman juga diizinkan, dibenarkan membawa, membawa peguam mereka tanpa sebarang sekatan, dan saya dimaklumkan ada peguam dibawa di dalam prosiding itu saya sebagai pemerhati peguam dibawa untuk membantu saksi memberi keterangan tak ada salah. Ini Jawatankuasa SELCAT, tetapi beliau gagal melakukan ini semua. Menurut penyata SELCAT pihak Jawatankuasa SELCAT tidak menuduh dan menyatakan kesalahan Yang Berhormat Sungai Panjang sebaliknya saksi-saksi daripada Pegawai Kerajaan, Badan Berkanun Kerajaan khususnya saya sebagai pemerhati saya nampak dalam penyata SELCAT pun, PNSB yang banyak membongkar salah laku dan penyelewengan Pengerusi BALKIS dan Yang Berhormat Sungai Panjang ketika itu, atas kapasiti sebagai Menteri Besar, Justeru itu keengganan dan kegagalan Yang Berhormat Sungai Panjang dan isteri tampil ke depan telah menimbulkan seribu satu tanda tanya yang lebih meragukan orang ramai terhadap kewibawaan dan kredibiliti beliau sebagai seorang pemimpin bak kata *pepatah berani kerana benar, takut kerana salah*. Tindakan ini juga bercanggah dengan slogan yang beliau laung-laungkan sebelum ini iaitu pemuda berani, yang diguna pakai dulu sewaktu kempen pemilihan Ketua UMNO, Pemuda UMNO Malaysia, nasib baik Ahli-ahli UMNO yang sudah cerdik dan tidak lagi tertipu dengan perwatakan dan sikap beliau yang kononnya berani tetapi hakikatnya pacul sama sekali. Tuan Speaker, menurut keterangan saksi dalam penyiasatan SELCAT telah mengenal pasti bahawa keanggotaan baru BALKIS hanya dibuka kepada Isteri-isteri Wakil Rakyat, Barisan Nasional. Wakil Rakyat dari pihak pembangkang tidak dibenarkan sama sekali, pada masa yang sama BALKIS mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak Kerajaan dan alamat BALKIS sendiri ialah di Pejabat Menteri Besar Selangor Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Setelah direnung hasil penyiasatan SELCAT tentang bagaimanakah dana yang disumbangkan dari Kerajaan Negeri menerusi Anak Syarikat dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri yang telah disalahgunakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang selaku Menteri Besar pada ketika itu dan juga Pengerusi kepada semua Badan Berkanun Kerajaan seperti PKNS, PKPS, dan PNSB, saya tertarik dengan saksi yang menyatakan bahawa mereka diarahkan, diarahkan untuk menaja dan memberi sumbangan kepada berbagai aktiviti yang dianjurkan oleh BALKIS sehinggakan Agensi, Anak Syarikat dan juga Badan Berkanun Kerajaan Negeri dijadikan tukang bayar, tukang bayar ataupun *casher* suruh bayar dia bayar sahaja tanpa usul periksa, tukang bayar. Sebarang peraturan prosedur kewangan yang ketat garis panduan yang diguna

pakai serta kriteria-kriteria yang ditetapkan juga amat longgar, amat longgar dan lemah sama sekali. Tuan Speaker, begitulah keadaan sebenar peraturan dan pengurusan kewangan dipraktikkan sejak zaman Yang Berhormat Sungai Panjang menjadi Menteri Besar. Atas nama tanggungjawab sosial korporat atau sosial korporat *responsibility* (CSR) berpuluh juta dana sumbangan agensi, anak syarikat dan badan berkanun Kerajaan Negeri telah di seleweng dan disalah guna melalui pelbagai kaedah sebagai contoh pada tahun 2007 satu program tahunan isteri wakil-wakil rakyat se-Malaysia yang dianjurkan oleh BALKIS telah mengadakan satu majlis makan malam yang bertempat di hotel lima bintang di Sunway Lagoon Hotel and Spa. Berikut adalah senarai jumlah sumbangan kewangan yang diperolehi oleh BALKIS saya ingin nyatakan di sini.

- a) Peruntukan daripada Kerajaan Negeri secara *one-off*
 - RM450,000.00
- b) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
 - RM161,660.00
- c) Worldwide Holding Berhad
 - RM147,085.00
- d) Permodalan Negeri Selangor Berhad
 - RM338,547.97 (Majlis Makan Malam)

Bayangkan sejumlah lebih kurang 1.1 juta telah disumbangkan oleh Anak Syarikat dan Badan Berkanun untuk tujuan Majlis Makan Malam. Rakyat negeri Selangor ingin mengetahui kenapa satu majlis makan malam memerlukan perbelanjaan sebanyak 1.1juta sedangkan masih ramai rakyat kita yang hidup miskin, daif dan dibelenggu oleh masalah kemiskinan. Alangkah baik jika dana sebesar itu dapat disalurkan kepada daerah seperti Sabak Bernam yang merupakan daerah yang masih mundur dan mempunyai paling ramai rakyat miskin di negeri Selangor. Contoh dan bukti seterusnya Tuan Speaker, yang memeranjatkan semua pihak di mana Jawatankuasa SELCAT telah dimaklumkan CEO PNSB iaitu Datin Hajah Khairiah bt. Abu Hasan melalui keterangannya semasa proses prosiding pendengaran awam dijalankan. Terdapat banyak lawatan BALKIS yang ditaja oleh PNSB sejak tahun 2002 hingga 2007 termasuk lawatan ke Indonesia. Lawatan ke Cambodia. Lawatan ke Hong Kong. Lawatan ke China. Lawatan ke Jepun dan sebagainya. Apa yang menarik perhatian saya dalam program lawatan yang dinamakan jejak keinsafan. Jejak keinsafan untuk meninjau masalah kemiskinan di Cambodia yang menelan belanja sebanyak RM82,227.84 juga ditaja oleh PNSB. Persoalannya apakah tujuan jejak keinsafan mengenai kemiskinan sehingga perlu ke Cambodia sedangkan di kawasan Yang Berhormat Sungai Panjang sendiri masih ramai orang miskin yang perlu kita tinjau dan bantu untuk program jejak keinsafan. Jadi nampak sangat dana sudah disalahgunakan.

Tuan Speaker, sehubungan dengan itu, lawatan teknikal (*technical visit*) yang paling kontroversi di taja oleh PNSB pada tahun 2004 dan 2007. Di mana pada tahun 2004 satu rombongan lawatan teknikal yang diketuai oleh Yang Berhormat Sungai Panjang dan isteri telah melawat Morocco dan disusuri dengan kunjungan ke Disneyland, Paris serta Dubai yang telah membelanjakan RM900,812.00. Saya juga terkejut dan turut serta dalam lawatan tersebut adalah tiga orang anak dan juga seorang pembantu rumah Yang Berhormat Sungai Panjang. Sungai Panjang, saya sertakan dengan dokumen *Technical Visit* ke Morocco, Paris PNSB bayar RM900,812.00 termasuk semua jadual *itinerary* perjalanan dan resit yang dibayar oleh PNSB. Baucar bayaran juga menunjukkan perbelanjaan *trip to Morocco* dan invoisnya dibayar

kepada siapa saya cuba sebut satu dua untuk sepintas lalu. Sebab invoice dan resit ini cukup banyak. Atas invoice Yang Berbahagian Datin Zaharah Kechik. Satu nama yang diberikan ialah Mohamad Faizul Faiz Mohd Khir, Miss Nurul Ashikin Mohd Khir *air ticket* RM17,974.00 campur RM16,755.00 semuanya RM34,729.00. Airport Tax RM700.00 kali dua orang RM1400.00 dan campur lagi satu *round arrangement* Morocco Mohd Fazirul Faiz Mohd Khir RM19,221.00. Semuanya RM55,000.00. Siapa yang bayar? PNSB. Siapa yang dedahkan ini? SELCAT tidak tulis. Jawatankuasa SELCAT tidak dedah. Yang dedah CEO PNSB yang cakap. Bayar dengan resit sekali. Jadi ini bukan tuduhan. Dengan resit sekali. Bayangkan anak tiga orang dibawa sekali. Bini dibawa, anak dibawa tidak cukup dengan anak pembantu rumah juga dibawa. Hebatnya guna atas nama tugas rasmi. Ini yang terjadi di Negeri Selangor sebelum ini.

Tuan Speaker, saya terkejut dan satu lagi lawatan teknikal yang diketuai oleh Yang Berhormat Sungai Panjang bersama isteri ke Orlando dan Honolulu serta Miami, Amerika Syarikat yang juga ditaja oleh PNSB pada tahun 2007. 2004 sekali dia pergi Morocco, Paris. 2007 Honolulu, Miami dan Orlando. Bukan main hebat dia. Pergi takpa. Atas apa? Teknikal visit. Pergi ke mana? Disneyland. Menelan belanja berapa? RM646,841.00 lawatan selama 9 hari dan di Amerika juga pergi ke Disneyland. Pergi Paris pergi Disneyland juga. Jumpa Mickey Mouse dan sebagainya. Amalan salah guna kuasa, menggunakan wang rakyat terus dipraktikkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang. Maka pada lawatan yang kedua, teknikal *visit* tahun 2007 ke Amerika ke Honolulu, Miami, Orlando turut disertai oleh empat orang anak. 2007, 2004 tiga. 2004 ada penambahan empat. Orang jawa *ngomong papat*. *Papat* dengan izin. Dan kali ini sama. Pembantu rumah juga ikut sama. Bayar PNSB. Inilah cara dia. Bayangkanlah tuan-tuan.

Tuan Speaker, kalau pembantu rumah pun kita boleh bawak atas tugas rasmi dan dibayar oleh PNSB saya cadangkan dan saya percaya ramai pengundi-pengundi di kawasan Sungai Panjang sanggup menjadi pembantu rumah Yang Berhormat Sungai Panjang kerana boleh pergi Amerika. ADUN-ADUN saya percaya daripada pakatan rakyat dan banyak lagi tidak berpeluang pergi ke Amerika atas tugas rasmi kecuali ada keizinan dari kerajaan. Mana boleh kita bawa pembantu rumah. Ini satu *common sense*. Bukan Sekinchan tuduh. Siapa yang tuduh? Siapa yang beri kenyataan ini. PNSB CEO. Dengan surat dengan resit. Inilah hakikat permasalahan yang berlaku di negeri Selangor pada ketika itu. Zaman jahiliah.

Tuan Speaker, menurut jawatankuasa SELCAT tiada sebarang laporan dibuat selepas kunjungan. Tiada buat laporan dan perkembangan teknikalnya tiada. Malah berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan oleh saksi telah merungkai segala unsur-unsur keraguan yang disyaki selama ini oleh orang ramai terjawab satu per satu. Berbagai-bagai kepincangan dan salah laku kuasa timbul mana mungkin, mana mungkin saya kata tadi anak di bawa dulu tiga orang 2004, 2007 empat orang. Pembantu tetap bawa. Itu dia. Dan seterusnya satu lagi lawatan yang saya nampak di sini menunjukkan bahawa PNSB telah menaja tiket penerbangan Presiden BALKIS iaitu isteri kepada Yang Berhormat Sungai Panjang, Datin Seri Zaharah Kechik. Ke mana? Ke Melbourne Australia. Melbourne, dari Amerika dia pusing ke Melbourne untuk mengunjungi anak beliau yang belajar di situ. Tiket sapa bayar? PNSB bayar. Atas lawatan rasmi ini. Jangan main-main. Inilah perkaranya.

Tuan Speaker, sebelum saya membuat rumusan, dua lawatan teknikal Morocco, Paris dan Orlando, Honolulu dan Miami semuanya telah menghabiskan RM1.5 juta. Dua-dua kita campurkan lebih kurang RM1.5 juta habis. Apakah ini bukan bukti penyalahgunaan wang rakyat untuk tujuan sekadar *shopping* yang lebih bersifat kepentingan peribadi dan keluarga.

Tuan Speaker, minggu lalu banyak lagi la kalau saya nak ulas tentang bukti-bukti yang didedahkan sewaktu pendengaran awam BALKIS. Semua ada di tangan saya dengan resit-resit penuh la. Saya nak baca pun dengan baucar PNSB, Combodianya, Hong Kongnya, Shanghainya, balik tak jadi mana satu yang di belajar laporan pun tidak ada. Tak apa. Minggu yang lalu, saya telah membongkar satu bukti bagaimana Yang Berhormat Sungai Panjang mampu memiliki sebuah banglo mewah ala bali stail yang saya sifatkan sebagai istana yang bernilai RM24juta. Anggaran bernilai RM24juta. Yang beralamat di No. 8 dan No. 10, Jalan Suasa 7/1L Seksyen 7. Kita memikirkan bagaimana kekayaan itu boleh diperolehi dalam masa yang singkat. Dalam RM3.5juta. Kononnya RM3.5juta dengan keluasan sebesar 2 lot 52,221 kaki persegi. Dan di sini saya ingin juga mendedahkan satu lagi cadangan laporan merobohkan dan membina semula sebuah rumah sementara saya selitkan sikit, banglo 2 tingkat, sebuah stor barangan, sebuah gazebo, berserta kolam hiasan, sebuah gazebo berserta sebuah pam, sebuah tempat letak kereta berbumbung, sebuah pintu gerbang, berserta bilik pengawal, sebuah kolam renang dan sebuah kolam air terjun. Di no. 8 dan no. 10 Jalan Suasa 7/1L, Seksyen 7. Di sini dokumen yang saya ada ini terang-terang tanah ini dimohon percantuman pada 22 Jun 2007 dan tanah telah dijual kepada Yang Berhormat Sungai Panjang 2007 Bulan 7. Bulan 6 dia buat percantuman. Belum lulus percantuman bulan 12 sudah dirobuhkan untuk membina semula banglo dua tingkat. Inilah cara melanggar undang-undang. Tidak mengikut peraturan. Belum habis lulus cantum tanah tersebut sudah robohkan bangunan dan bina semula. Bayangkan cara yang selama ini saya katakan Yang Berhormat Sungai Panjang memang suka amalan biasa dia melanggar undang-undang amalan biasa, bukan luar biasa. Melanggar undang-undang tidak ikut peraturan adalah amalan biasa dan Yang Berhormat Sg. Panjang semasa menjadi Menteri Besar. Ah ini dia dan saya juga ingin menghuraikan sedikit *prinking chronology* atau pembohongan putar belit yang disebutkan Yang Berhormat Sg. Panjang ya, yang menuduh kerajaan sebelum saya masuk lagi dalam lagi. Menuduh kerajaan negeri kononnya mengizinkan syarikat 2 ringgit ya, syarikat 2 ringgit kononnya tetapi hakikatnya disiasat. Syarikat yang bermodal 600 ribu ringgit. Ah ini tuduhan ah pembohongan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Sg. Panjang. Dan kononnya tak ada lesen, kita buktikan ada lesen. Dua pembohongan dan beliau juga berbohong kononnya saya mendakwa, mendakwa saya menerima surat peguam saman daripada anak guaman beliau di *car park*, di *car park* sedangkan saya ada bukti Yang Berhormat Kota Alam Syah di perkarangan dewan. Tiga pembohongan tiga pembohongan dan semasa saya dakwa istana beliau 24 juta anggaran 24 juta beliau kata beliau ambil masa 30 tahun untuk bayar *installment* Hong Kong Shanghai Bank tapi setelah kemudian hari dia cakap balik oh bukan 30 tahun, 23 tahun. Pembohongan yang ke 4, ya dan banyak lagi pembohongan, jadi banyak lagi pembohonganlah, banyak lagi pembohongan dan saya cadangkan Yang Berhormat Sg. Panjang yang dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib sebagai ketua pemikir UMNO Selangor, saya gantikanlah saya cadangkan dan sebagai ketua pembohong UMNO Selangor. Ya dan juga saya ingin cadangkan di sini kalau anak-anak kita banyak jurusan yang nak pilih nak masuk universiti bolehlah anak-anak kita saya galakkan, galakkan anak-anak kita pilih jurusan pergigian ataupun *dentist* sebab jadi *dentist* sekurang-kurang menurut Yang Berhormat Sg. Panjang satu bulan *income* dia 60 ribu *solid solid no problem* sebab dari pagi boleh beratur sampai ke hujung. *Customer* semua nak cabut gigi, khususnya orang Kajang Yang Berhormat Kajang. Ah jadi anak kita boleh masuk *dentist* jadi doktor lebih baik. Ini saya galakkanlah. Tuan Speaker, saya juga nak tahu bagaimana rahsia untuk menjadi multi *billionaire* dalam tempoh yang singkat 8 tahun sahaja. Saya untuk meringkaskanlah usul saya ini sudah pastilah dalam laporan penyata SALCAT dan mesti ujud sesuatu yang tidak kena unsur rasuah dan penyelewengan berlaku dalam tempoh Yang Berhormat sebagai Menteri Besar dan benda ini bukan dituduh dan sekali lagi ingin ditegaskan dengan serius, tuduhan ini bukan dilemparkan oleh SALCAT adalah diluahkan dikatakan dinyatakan dalam akuan bersumpah oleh saksi-saksi daripada pegawai kerajaan. Ya, yang memberi kerjasama yang cukup baik. Mereka menyatakan apa

yang sebenar berlaku. Ini dia. Jadi sehubungan itu saya menyokong penuh cadangan dan sandaran penyata SELCAT seperti berikut :

Satu dasar dan garis panduan pembelian sokongan kewangan harus ditetapkan oleh kerajaan negeri untuk semua anak-anak syarikat dengan segera bagi mengelak kejadian BALKIS daripada berulang kembali bagaikan pisang berbuah dua kali. Dua adakah adalah dicadangkan agar satu tabung ditubuhkan bagi mengumpul semua sumbangan kewangan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Anak syarikat kerajaan negeri yang diperuntukkan untuk tujuan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat ataupun “CSR”. Yang ketiga selepas itu selepas itu semua permohonan daripada pertubuhan-pertubuhan atau jabatan kerajaan boleh dituju kepada pengurus tabung tersebut untuk dipertimbangkan permohonan sedemikian. Ini adalah untuk memastikan sumbangan tersebut dapat diagih dengan adil dan menemui sasaran. Empat, Kerajaan Negeri hendaklah melantik mereka yang berkaliber dan berkelayakan dan mampu mempertahankan prinsip tadbir urus korporat ke dalam Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat. Yang kelimanya Kerajaan Negeri hendaklah melantik Jawatankuasa Semakan untuk menyemak pentadbiran semua anak-anak syarikat demi mempertingkatkan mutu urus tadbir korporat.. Tuan Speaker dengan itu saya mohon mencadangkan usul ini diterima dan diluluskan. Sekian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan

TUAN SPEAKER: Ya. Tekan tak dengar.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Izinkan saya usul bahas.

TUAN SPEAKER: Ah usul ni belum disokong belum buka dan bahas. Sabar.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Silakan Damansara Utama

YB TUAN DR. CHEAH WING YIN: Tuan Speaker setelah menguji penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan di mana tercatatlah hasil siasatan jawatankuasa melalui pendengaran awam, siasatan melalui keterangan bertulis dan kajian ke atas dokumen-dokumen yang dibentangkan serta cadangan dan saranan jawatankuasa tersebut, Damansara Utama diperingatkanlah kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Kedua belas, ke dua belas pada dua puluh satu hari bulan Mei tahun 2008. Dengan izin saya membaca petikan titah ucapan tuanku yang ada berkaitan dengan usul yang ada dibentangkan hari ini yang ada di muka surat 23, muka surat 24 dan muka surat 68. Di muka surat 24 di titah ucapan itu, pendapat tuanku berkenaan dengan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan oleh kerajaan negeri Selangor berlandaskan dengan pendekatan yang “menjana pemikiran ke arah kerajaan yang berorientasi keuntungan untuk semua”. Saya ulangi keuntungan untuk semua bukan untuk golongan kecil. Di muka surat 24 titah ucapan tuanku, tuanku memberi amaran sekira pembaziran dan perbelanjaan yang tidak berhema sering berlaku, hasrat tuanku

“supaya Kerajaan Negeri akan melaksanakan budaya perbelanjaan berhemah dan memastikan semua perbelanjaan dibuat secara lebih efisien dan berkesan bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran, pembaziran sumber “. Di muka surat 80 eh 68 tuanku buka petikan “ingin menasihatkan sekali lagi kepada semua penjawat awam supaya sentiasa bersifat jujur, amanah, ikhlas serta menjauhi amalan rasuah semasa menjalankan tugas. Tuanku berharap jangan sekali-kali berlaku penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan penindasan, penindasan semata-mata mengejar nama dan pangkat yang melemahkan sistem pentadbiran kerajaan tuanku”. Titah tuanku seolah-olah menyentuh bahayanya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berwibawa, yang melanggar pemboros, yang tak berwajaran dan segolongan kecil penjawat awam yang tidak berupaya menangani penyelewengan mungkin atas motif tertentu. Malangnya, malangnya keluhan dan kekhawatiran tuanku dapat bernyawa hidup seolah-olah dengan izin *as if Tuanku's worrisome nightmare has come alive*. Jelas ternyata dijumpai oleh siasatan SELCAT yang dijalankan di bulan Mac April tahun 2009 itu. Tuan speaker saya rasa amat sesal dengan penemuan-penemuan Jawatankuasa SELCAT yang serius ini di mana terdapat ahli-ahli dewan yang juga wakil tuanku dalam tugas yang mencemarkan dewan yang mulia ini. Tuan Speaker kebenaran walaupun sukar diterima mestilah dihadapi dengan izin *the truth no matter how painful must be faced*. Walaupun ia menghinakan dan menjejaskan nama baik sekalian Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, juga yang menyentuh nama baik penjawat awam sungguhpun kebanyakannya ikhlas dan rajin, Tetapi untuk membetulkan dan menangani sesebuah masalah itu, langkah pertama ialah untuk mengakui kebenarannya barulah tindakan sewajarnya dapat dilaksanakan. Oleh kerana itu dengan berat hati tetapi sesama langkah dengan sesungguhnya Damansara Utama menyokong supaya usul penyata Jawatankuasa SELCAT ini diterima supaya penyata Jawatankuasa SELCAT ini diterima. Sekian.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli yang terhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan Sg. Burung.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang Sungai Burong untuk mengambil perbincangan pada hari ini berhubung dengan laporan yang dikemukakan oleh SELCAT mengenai Jawatankuasa Penilaian Khas mengenai dengan Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan. Tuan Speaker, pada hari kita telah membawa satu badan yang dikenali sebagai *register* di bawah *Register Of Society* iaitu BALKIS iaitu satu badan bukan kerajaan yang tidak berkaitan dengan negeri ini untuk dijadikan siasatan oleh jawatankuasa ini. Apa yang mengecewakan saya ialah kerana kita telah melampaui tugas kita kerana kita telah atas nama untuk mencari ketelusan, kita telah menggunakan badan-badan awam ini untuk dijadikan sebagai bahan untuk siasatan kita. Tuan Speaker, dalam isu ini saya atas dasar prinsip kita harus membezakan di antara Badan-badan NGOs juga badan-badan yang ada kepentingan dengan Kerajaan Negeri. Oleh kerana isu yang berbangkit sini ialah sebagai sebuah badan amal memang menjadi tugas kepada badan amal ini untuk mencari sumber-sumber sumbangan dari mana-mana pun untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya. Cuma dalam kes ini sumbangan-sumbangan ini telah diberikan oleh Anak-anak Syarikat Negeri. Terpulanglah kepada Anak-anak Syarikat Negeri untuk memberikan sumbangan-sumbangan mereka. Sepatutnya yang menjadi isu kepada perkara ini ialah mengapa syarikat-syarikat negeri ini memberikan sumbangan-sumbangan kepada badan-badan NGO yang saya yakin bukan sahaja diberikan kepada BALKIS tetapi juga Badan-badan NGO yang lain dan kalau ada terdapat salah laku daripada badan-badan ini, maka badan-badan inilah yang syarikat-syarikat, anak syarikat yang ada kepentingan dengan Kerajaan Negeri ini yang telah perlu kita *secretaring*. Jadi tugas kepada jawatankuasa SELCAT ini bukan mencari jalan pintas untuk mendedahkan BALKIS. BALKIS sebagai sebuah badan amal memang melaksanakan tugas-tugasnya untuk tujuan amal. Apa yang dipaparkan ini adalah sebahagian daripada neraca yang

ditunjukkan tentang BALKIS iaitu di segi perbelanjaan. Kita harus juga melihat apakah sumbangan-sumbangan BALKIS selama ia ditubuhkan dalam memberikan faedah dan juga *benefit* dengan izin kepada mereka-mereka yang menerimanya. Kita tahu BALKIS telah menubuhkan satu kompleksnya sendiri yang telah memberikan perkhidmatan kepada mereka-mereka yang tidak atau kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim, mereka yang memerlukan bantuan persekolahan setiap tahun daripada daerah-daerah di negeri Selangor ini telah dipanggil untuk diberi latihan. Selain daripada itu juga BALKIS sebagai sebuah badan amal telah melaksanakan berbagai-bagai program untuk bantuan orang-orang miskin di daerah-daerah dalam negeri Selangor, membantu PDK, saya tahu salah satu daripada PDK iaitu pusat orang-orang cacat di kawasan Tanjung Karang sendiri telah menerima bantuan daripada BALKIS sebagai badan-badan amal dan BALKIS ini dikendalikan oleh komitinya sendiri, jawatankuasanya. Soalnya kita, perbelanjaan-perbelanjaan dijalankan oleh jawatankuasa BALKIS ini harus dipersoalkan oleh ahli-ahli BALKIS itu sendiri. Tapi sebaliknya sepatutnya SELCAT, bukan saya tak bersetuju, SELCAT sepatutnya menumpukan kepada anak-anak sendiri supaya melihat anak-anak negeri yang memberikan sumbangan-sumbangan ini sama ada kepada BALKIS ataupun lain-lain kerana anak-anak syarikat inilah yang memberikan sumbangan tersebut tapi pada prinsipnya pada saya tidak bersetuju Tuan Speaker ya bahawa setiap NGOs sahaja kalau begini maka kita boleh mengambil, memanggil mana-mana juga NGOs ya di negeri ini yang menjalankan tujuan-tujuan amal sebagai aktivitinya juga ke Dewan yang mulia ini. Pada saya, saya melihat dari satu perspektif yang lain, iaitu ini kita kena lihat kepada anak-anak syarikat, kalau tidak saya rasa tugas dan tanggungjawab SELCAT ini telah pun melebihi daripada apa yang saya tunjukkan. Dan berdasarkan usul yang telah dibawa oleh Sekinchan tadi saya melihat lebih kepada motif politik serangan yang lebih kepada peribadi kepada bekas Menteri Besar sendiri. Saya harus kita lihat dari segi perspektif lain, sekiranya ada kaitan di antara penyalahgunaan kuasa Menteri Besar kepada anak-anak syarikat ini perlu dibuktikan dan perkara ini kalau terdapat fakta-fakta yang sahih bolehlah dirujuk kepada Suruhanjaya Siasatan SPRM dengan izin. Ini, tapi kita tidak lah boleh membuat ya.

YB TUAN NG SUEE LIM: Mintak laluan.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ya, Yang Berhormat, sebentar tadi sewaktu ucapan saya, saya menegaskan bahawa semua keterangan itu diberikan oleh anak syarikat dan SELCAT itu bukan menyiasat BALKIS. SELCAT ini memanggil saksi-saksi daripada anak syarikat yang memberi sumbangan kita nak kenal pasti apa saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Sungai Burong, mengenal pasti apa sebenar yang berlaku, salah laku dalam anak syarikat dan di samping telah mendedahkan banyak kisah benar yang sebelum ini tidak pernah kita kedengaran. Ha, ini telah membuktikan ada sesuatu yang tidak kena, Jadi saya ingin tegaskan, SELCAT adalah menyiasat anak syarikat bukan sahaja BALKIS.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, kalau itu tujuannya pada hari ini yang di hadapan kita bukanlah BALKIS tetapi anak-anak syarikat tetapi apa yang berlaku dalam laporan ini yang ditujukan ialah BALKIS. Jadi terdapat kontradiksi keterangan Sekinchan tadi dengan apa yang dinyatakan sebentar tadi. Jadi ini lah yang saya perkatakan tadi, demi prinsip atas nama demokrasi kalau kita mahu menjalankan kebebasan kita beri kepada pihak-pihak yang berkenaan. Saya berkeyakinan sekiranya kita dapati ya, anak-anak syarikat ini dari segi dasar korporatnya melanggar dasar-dasar yang dibuat oleh korporatnya maka mereka harus dipertanggungjawabkan dan ini lah tugas jawatankuasa ini iaitu Jawatankuasa Kebertanggungjawaban dan Ketelusan kepada Anak-anak Syarikat. Ini adalah kerana anak-anak syarikat merupakan anak-anak syarikat ataupun syarikat yang di bawah tanggungjawab

kerajaan negeri, bukanlah BALKIS sebagai satu agensi atau badan yang menjadi neraca kepada apa ni penyiasatan SELCAT tadi. Yang ini yang saya tidak setuju, yang kemudian yang keduanya kita kalau mahu memberikan kebebasan, kita seharusnya memberi kebebasan, kalau SELCAT diberi kebebasan untuk memberikan kenyataan di luar Dewan. Saya bercakap bagi rakan-rakan saya yang telah bercakap di luar Dewan, tidak apa pun cuma memperkatakan dari segi kebebasan untuk memperkatakan tanggungjawab SELCAT ini kemudian telah dibawa kepada Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan di mana ia telah dituduh, disiasat dan dihakimi oleh orang yang sama. Jadi persoalannya sekarang, kita lihat dalam melaksanakan tugas-tugas ini kita terdapat kepentingan yang bercanggah sebagai badan yang membuat tuduhan, badan yang membuat penyiasatan ya dan kemudian badan yang menghukumnya membawa laporan kepada Dewan ini. Adakah Yang Berhormat Tuan-tuan dan Puan-puan kita nak kembali ke zaman lama di mana kuasa yang telah pun terasing ya di antara kuasa kehakiman, kuasa pelaksanaan dan kuasa membuat undang-undang ini akan dikumpulkan oleh satu badan yang seperti ini. Jadi saya berpendapat bahawa dan saya ingin mengesyorkan bahawa hak kepentingan mereka-mereka yang duduk dalam jawatankuasa ini perlulah..

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat agak sedikit keliru di antara Jawatankuasa Hak Kebebasan dengan SELCAT. Apa yang dijelaskan oleh SELCAT adalah penemuan-penemuan melalui pendengaran awam yang dilakukan dan bila disiasatnya adalah BALKIS sudah pasti kita semak apa yang anak-anak syarikat berikan dan syor-syor yang diberikan oleh SELCAT adalah menjurus tentang tata kerja dan kriteria-kriteria yang harus diletakkan dalam memberi sumbangan, itu yang pertama. Yang kedua tentang Jawatankuasa Hak Kebebasan, kita ada ruang nanti untuk *debate*. Kita tidak jatuhkan hukuman dan dalam Dewan ini kita hendak menetapkan dan SELCAT ini diputuskan oleh Ahli Dewan termasuk Ahli Dewan Barisan Nasional yang bersetuju penubuhan jawatankuasa ini. Menghina SELCAT seumpama meludah ke muka sendiri, selaku Ahli Dewan, saya nak bagi ingatan itu.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, saya bukan nak membawa perdebatan daripada isu jawatankuasa yang kedua di sini tapi sebenarnya ada kaitannya tentang cara-cara SELCAT ini menjalankan prosedurnya dengan tindakan-tindakan yang dilakukan apabila dalam melaksanakan tugas itu sepatutnya kita berilah kebebasan kepada wakil-wakil rakyat memberikan kenyataan. Kenyataan akhbar yang dikemukakannya bukannya apa sangat ya satu kenyataan biasa sahaja dan ini menunjukkan bahawa kita di Dewan ini mengharapkan dasar demokrasi yang terbuka memberikan peluang untuk bercakap sampai Ahli-ahli Dewan itu rakan-rakan saya mengadu kepada saya, kalau saya dah tak boleh bercakap macam ini pun, perkara yang sedikit pun macam mana saya nak bercakap, dan kemudian kita pula dituduh menghina dewan yang mulia ini dan kemudian dirujuk kepada Jawatankuasa Tindakan seperti tindakan tatatertib ke atas mereka. Yang ini yang berlaku pada tindakan-tindakan yang lepas terutamanya di kalangan Ahli-ahli ADUN pembangkang. Tuan Speaker. Izin kan saya teruskan.

TUAN SPEAKER: Tidak benarkan?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak, tak benarkan. Tuan Speaker pun baru sebentar tadi memberikan kenyataan yang perlunya kita melindungi Ahli-ahli Dewan ini. Kalaulah Ahli-ahli Dewan ini tidak diberi peluang untuk mengatakan perkara-perkara yang dirasakan perlu berkaitan dengan isu-isu yang melibatkan perkara ini maka saya rasa tidak adalah maknanya apa yang kita katakan untuk memberi peluang dan keterbukaan. Inilah yang saya ingin bangkitkan kepada apa ni dalam perbahasan yang diadakan pada kali ini. Biarlah kita memberi keadilan walaupun kita tahu kita jangan menghukum dulu, kita siasat betul-betul,

kita beri peluang ada pembelaan, ada perbicaraan dan kemudian selepas perkara ini dibicarakan dengan sepenuhnya barulah keputusan di cadang kemudian dijelaskan.

YB PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, mintak penjelasan.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau kita bersifat orang kata prejudis, maka akhirnya kita akan berikan sangkaan-sangkaan yang sebagai yang mungkin sangkaan-sangkaan yang boleh menimbulkan kesan kepada rakyat ini. Saya.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Rawang nak minta penjelasan.

YB PUAN GAN PEI NEI: Saya nak minta penjelasan sikit. Saya cuma nak bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Burong, ada tak Yang Berhormat sedar bahawa semasa pendengaran awam SELCAT dijalankan ia sebenarnya merupakan satu platform untuk Yang Berhormat Sungai Panjang atau pun mereka yang dipanggil sebagai saksi untuk membela diri atau menjelaskan. Yang kedua sebenarnya dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kami telah panggil Yang Berhormat Sungai Panjang untuk menjelaskan dan membela, tetapi beliau telah dengan sendiri melepaskan peluang dan juga hak itu. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Sungai Burong sedar tak kita sebenarnya telah memberi peluang Sungai Panjang untuk membela diri sendiri. Sekian.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, saya memang sedar ya, Yang Berhormat Sungai Panjang telah juga dipanggil dan untuk memberikan keterangan dan telah diberikan peluang untuk memberikan keterangan dan apa yang saya ingin bangkit selain itu juga kenyataan akhbar yang dibuat oleh wakil-wakil Ahli Dewan Undangan yang lain ya, menyatakan pandangan mereka dan ini telah dibawa ke dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jadi kalau begini lah keadaannya maka ini akan menyekat kebebasan ini sebagaimana Tuan Speaker katakan berikan peluang kepada wakil-wakil rakyat untuk memberikan kenyataan-kenyataan dan hukuman ya yang saya difahamkan yang juga dicadangkan itu adalah memberikan kesan yang besar kepada mereka. Jadi saya sangat berharap kepada Dewan Undangan yang mulia ini supaya kita benar-benarlah memberikan keadilan yang sama rata kepada mereka yang kita adili ini supaya slogan yang dibawa oleh Pakatan Rakyat ini menunjukkan apa sebenarnya yang ingin dilaksanakan. Sekian Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, Kampung Tunku juga ingin berdiri untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Sekinchan ini tetapi sebelum itu saya pun ingin melepaskan rasa terkilan saya kerana saya dapati bahawa terdapat ramai ADUN Barisan Nasional sekarang ini yang duduk di luar, mereka sanggup duduk di luar daripada mengambil bahagian di dalam Dewan yang mulia ini untuk membela diri. Memang benar kata peluang seluas-luasnya telah diberi kepada semua tetapi, malangnya tidak diambil berat, tidak dan diambil berat oleh rakan-rakan kita dari pembangkang. Walau apa pun Tuan Speaker laporan yang dikeluarkan oleh SELCAT saya rasa perlulah dilihat dengan serius oleh semua pihak bagaimana urus tadbir korporat tidak mantap, tidak profesional dan tidak jujur boleh memudaratkan kewangan negeri Selangor. Laporan ini juga telah mendedahkan kelemahan-kelemahan dari segi urus tadbir korporat oleh syarikat-syarikat GLC di Selangor di mana keuntungan syarikat-syarikat dibazirkan oleh pentadbiran yang lepas sewenang-wenangnya sehingga wang yang sepatutnya digunakan untuk memperbaiki taraf kehidupan rakyat di negeri Selangor tidak digunakan untuk tujuan ini. Sebaliknya ianya digunakan untuk kepentingan dan

keselesaian hidup pemimpin-pemimpin kerajaan yang lepas. Tuan Speaker, CSR, apa itu CSR?. CSR ditakrifkan sebagai tindakan proaktif sesebuah korporat itu untuk menjaga kepentingan awam dengan menggalakkan pembangunan masyarakat. Dan ianya seharusnya dilaksanakan secara suka rela untuk menghapuskan segala *practice* yang akan merosakkan kepentingan awam. Ini adalah takrifan secara am. Tetapi pelaksanaan dan pendekatan yang digunakan oleh syarikat-syarikat GLC sebelum ini seperti apa yang kita lihat dalam kes BALKIS ini jelas berbeza dan terpesong daripada takrifan am ini. Sehingga ada GLC, sehingga GLC-CLC ini pernah digelar sebagai mesin ATM kepada BALKIS. Ini adalah satu, satu kenyataan yang kita perlu terima dengan hati yang berat. Kerana ianya memang benar. Jumlah besar sumbangan yang diberi Kerajaan Negeri dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri ialah sejumlah 7.3 juta ringgit. Dari tahun 2002 sampai 2007, rata-ratanya anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ini tidak mempunyai dasar yang jelas dalam melaksanakan tugas-tugas CSR mereka. Salah satu contoh yang baik ialah PNSB Tuan Speaker, saya tidak ingin mengulangi contoh-contoh tapi saya rasa saya perlu menyebut tentang PNSB ini. Di mana PNSB memperuntukkan secara tetap setiap tahun 1 juta ringgit kepada BALKIS. Ketua Pegawai Eksekutif PNSB Datin Hajjah Khairiah binti Abu Hassan pernah mengaku bahawa PNSB tetap akan memberikan sumbangan kepada BALKIS sama ada aktiviti BALKIS itu menguntungkan, hanya menguntungkan sekumpulan individu sahaja. BALKIS tetap bagi. Malahan PNSB tetap bagi. Malahan PNSB pernah memberi sumbangan seratus ribu ringgit secara tunai kepada BALKIS, dahsyatnya saya mendengar kenyataan ini. Secara tunai. Wang ringgit dalam sampul surat bagi saja. Di mana mereka boleh mendapat wang yang sebegitu banyak. Sehingga mereka boleh membayar kos dan perbelanjaan secara tunai. Kalau secara tunai pun tak apa. Tetapi untuk keselesaian pemimpin-pemimpin kerajaan lepas, mana boleh. Lawatan ke Disneyland dibiayai oleh PNSB. Ini seolah-olah telah menjadi lawatan peribadi ke luar ke mantan Menteri Besar. Beliau sekarang di luar dewan, tak berani masuk, kerana beliau tak berani menghadapi kita semua. Saya meminta kalaulah beliau masih boleh mendengar kata-kata saya ini selepas ucapan saya, datanglah sendiri ke dewan yang mulia ini, berdepan dengan kita semua dan jelaskan segala-galanya. Bukan melalui surat saman, saman itu, saman ini. Tapi kebenaran pada akhirnya tidak akan terjelma dengan surat saman sahaja. Tuan Speaker, juga difahamkan dalam laporan *hansard* sesi pendengaran awam bahawa mantan Menteri Besar, iaitu ADUN Sg. Panjang tidak pernah berjumpa dan berbincang dengan pakar-pakar teknikal di Disneyland. Tidak juga berbincang dengan pengurusan dan pembinaan taman tema Disneyland. Tidak ada juga laporan-laporan kejuruteraan, laporan-laporan teknikal, semua tidak ada. Laporan daripada SELCAT ini juga mendedahkan bagaimana agensi-agensi kerajaan boleh dimanipulasikan oleh golongan-golongan tertentu sehingga mereka tidak dapat berfungsi dengan adil dan saksama. Kg. Tunku juga terkilan dengan betapa cepatnya, betapa efisiennya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor boleh membubarkan BALKIS dengan begitu cepat. Dalam masa kurang daripada sebulan. Semua lenyap. Semua sudah dibubarkan, wang telah lesap. Jadi, ini adalah pengajaran yang boleh kita terima antaranya ialah saya rasa, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan sekarang kerajaan perlu menetapkan satu sistem pelaksanaan CSR dengan profesional. Dengan garis panduan, dan dasar yang jelas dan mudah difahami, dan boleh patuhi oleh semua. Tuan Speaker, CSR bukan sahaja tentang setakat memberi wang kepada orang miskin, tetapi ianya juga melibatkan pemberian bantuan supaya taraf hidup golongan rakyat, khususnya rakyat yang miskin boleh dinaikkan supaya yang fakir miskin yang tak ada, yang berpendapatan rendah itu boleh memperbaiki kehidupan mereka, boleh berdikari selepas menerima bantuan daripada kerajaan. Dan pendidikan Tuan Speaker, merupakan satu bidang yang sangat-sangat penting dalam melaksanakan CSR kita. Saya mengambil contoh di luar Negara. Syarikat-syarikat di luar Negara masing-masing mempunyai cara-cara pelaksanaannya CSRnya. Saya rasa lebih mantap dan lebih profesional. Mungkin bolehlah kita contohi semua. Contohnya ialah Shell. Shell melaksanakan CSRnya dengan lebih ditumpukannya kepada kajian terhadap perubahan

cuaca serta galakkan terhadap pembelajaran dan pendidikan di dunia ketiga. Ini merupakan sasaran utama CSR Shell di dunia ketiga. Pelaksanaannya CSRnya juga melibatkan penajaan program-program penyelidikan di Universiti-universiti tertentu serta program-program biasiswa dalam bidang yang boleh membantu manusia mengatasi masalah-masalah alam sekitar. Di negara-negara barat tertentu malahan ada juga CSRnya dinyatakan sebagai satu aktiviti korporat yang diwajibkan. Bergantung kepada saiz korporat, dan perlu dipantau dengan profesional. Seperti korporat-korporat besar di Negara Denmark di mana syarikat-syarikat yang menjalankan CSR perlu melakukan sedemikian. Iaitu, dasar-dasar CSR sesebuah syarikat itu termasuk garis panduan yang digunakan dalam syarikat itu perlulah dinyatakan dengan jelas. Kedua, bagaimana strategi yang dilaksanakan oleh sesebuah korporat itu untuk menterjemahkan dasar-dasar CSRnya ke dalam bentuk tindakan secara realiti termasuk sebarang sistem atau prosedur yang diguna pakai ini juga perlu ditulis dan diterangkan dengan jelas. Diambil kira iaitu penilaian oleh syarikat itu sendiri. Perlulah dilakukan oleh syarikat itu perlu dibentangkan kepada kerajaan dan juga perlu diterangkan bagaimana apakah sasaran-sasaran yang akan dicapai untuk syarikat itu untuk tahun-tahun akan datang. Jadi, saya di sini juga ingin mencadangkan perkara ini untuk kerajaan supaya diteliti sebagai tambahan kepada cadangan yang dikemukakan oleh SELCAT dalam pelaksanaan tanggungjawab CSR itu dan saya juga berpendapat bahawa cadangan yang dikemukakan oleh SELCAT itu adalah cadangan yang cukup bagus. Termasuk kita mewujudkan satu tabung, termasuklah kita melantik mereka yang berkaliber, berkepakaran ke dalam syarikat-syarikat GLC untuk menangani tabung dan sumber kewangan kerajaan negeri Selangor. Dan saya di sini, dan ini adalah apa yang saya ingin lafazkan Kg. Tunku di sini ingin memohon menyokong usul Sekinchan. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Kalau tidak ada ahli yang membahas saya minta pihak kerajaan untuk menjawab dan memberi penjelasan. Dipersilakan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, *I think* perbincangan mengenai SELCAT ini memang sudah didengar dan dilihat oleh masyarakat. Perbincangan ini telah memberi gambaran bagaimana hubungan Kerajaan Negeri dengan syarikat-syarikat yang milikan Kerajaan Negeri. Oleh sebab itulah adalah penting Kerajaan Negeri memahami bahawa syarikat-syarikat dimilikikan Kerajaan Negeri adalah hak Kerajaan Negeri. Dan oleh sebab itu dilihat daripada pemilikan modal, maknanya Kerajaan Negeri membuat pelaburan dalam syarikat itu dan pelaburan itulah akan disalurkan balik kepada Kerajaan Negeri. Untuk menyusun semula pemilikan-pemilikan tersebut, Kerajaan Persekutuan dan beberapa negeri-negeri, Commonwealth juga telah menubuhkan apa yang dipanggil MBI Incorporated. Menteri Besar di perbadankan. Jadi, dengan cara itu kita ada dua *expect*. Satu ialah *expect* pentadbiran seterusnya kerajaan yang ada belanjawan yang seperti yang kita luluskan belanjawan tambahan semalam dan hari ini dan juga *expect* sebagai sebuah *entity* yang mempunyai pelaburan dalam sektor swasta dalam bentuk ekuitinya. Dan yang penting ialah kedua-duanya mesti dipantau mengikut tatacara yang apa yang dipanggil *governancenya*. Atau pun pengurusannya. Mestilah dengan tertib dan baik. Untuk itu Kerajaan Negeri telah menubuh memulihkan semula MBI Incorporated. Di mana MBI Incorporated itu akan meneliti dan memantau dan membuat laporan sentiasa. Dalam untuk kepada negeri dan dewan supaya dewan mengetahui perjalanan dan pergerakan pemberian-pemberian keuntungan dan juga pemberian-pemberian yang diberikan oleh syarikat-syarikat di bawah MBI Incorporated. Dengan cara ini masyarakat dan juga ahli-ahli Dewan yang mewakili masyarakat akan dapat memantau dan melihat keberkesanan proses tersebut. Tapi yang penting dalam SELCAT ini menunjukkan bahawa ada kalanya syarikat-syarikat dalam milikan kerajaan ini disalahgunakan. Salah gunakan bukan dalam erti salah gunakan ah! dalam erti yang dia tidak boleh dilakukan. Tidak. Tapi salah digunakan ialah dalam erti bahawa tujuan syarikat-syarikat ini dibuat yang

dipanggil dalam *memorandum of establishment* maknanya tujuannya membuat bisnes. Bukan buat untuk donations, bukan dia buat bisnes. Tujuannya untuk buat bisnes. Dan itulah sebabnya ada kalanya dalam *maxim* atau pun penting dalam, dalam *maxim* dalam penelitian bahawa, bahawa mestikah kerajaan menjalankan bisnes seperti orang-orang yang membuat bisnes. Kita selalu diingatkan hinggakan Al-Ghazali mengingatkan bahawa *government should not be in business*. Maknanya *government should not be*. Tetapi, kalau kerajaan ingin buat bisnes dia mestilah disiplin sungguh supaya tidak mempergunakan ini dan saya, yang kita jelas di sini mengapa kerajaan kalau betul, kerajaan juga menjalankan usaha kebajikan. Tetapi kenapa usaha kebajikan ini, usaha kebajikan yang ini lebih senang diambil daripada syarikat kerana kalau nak mengambil dari kebajikan umpamanya hari semalam, kita berbincang dua hari bagaimana hendak membagikan satu juta ringgit tambahan untuk gaji-gaji pekerja dan berapa empat ratus ringgit untuk membuat ah! usaha-usaha ah! promosi, membuat membersihkan sungai. Kita masa dua hari. Tetapi kalau kita gunakan syarikat dalam masa setengah jam duit itu sudah boleh dilepaskan. Jadi *efficiency* bagus. Tetapi kecekapan itu ke mana alurannya, salirannya. Jadi hari ini kita melihat syarikat-syarikat kerajaan ada kalanya bukan digunakan sepenuhnya untuk usaha bisnes. Tetapi usaha kebajikan yang sangat sukar dipantau, jadi oleh sebab itulah usaha...

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tuan Speaker, penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ya!

YAB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tuan Speaker. Saya melihat, saya hendak jelaskan bahawa apa yang dilakukan oleh anak syarikat dahulu pentadbirannya dengan cara berbeza. Saya terus terang saya katakan dulu anak syarikat kita ingin mereka buat untung. Dan untung itu telah dipulangkan balik kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri melalui rakyat. Sebab itulah kita menggunakan badan seperti BALKIS. Kerana kita hendak mengaktifkan persatuan ini dan mereka boleh berikan bantuan *direct* terus kepada orang ramai. Jika lihat tengok, bantuan Deepavali, bantuan Tahun Baru Cina, bantuan Hari Raya semua terlibat. Saya hendak jelaskan di sini Tuan Speaker, setiap sen yang diperolehi oleh BALKIS dibelanjakan dengan cara berhemah dan mencapai sasarannya.

YB TUAN SPEAKER: Ya, penjelasan apa yang nak minta sekarang ni.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya nak beritahu, saya nak jelaskan bahawa, kalau...

YB TUAN SPEAKER: Kamu bukan jelaskan, kamu minta penjelasan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Ya, saya minta penjelasan pada...

TUAN SPEAKER : Tadi ada peluang berbahas kamu tak hendak masuk. Sekarang Menteri Besar buat penggulungan, baru nak buat penjelasan. Sekarang minta penjelasan Yang Berhormat. Ikut, ikut peraturan. Saya bagi, saya dah cakap tadi dari permulaan saya akan bagi kepada setiap orang untuk berbahas, tapi Yang Berhormat memilih untuk berada di luar. Sekarang apabila Yang Amat Berhormat menggulung, baru nak beri penjelasan. Saya tak boleh benarkan. Kalau nak minta penjelasan saya benarkan. Dan saya jangan cuba, cuba..

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya minta penjelasan sekarang. Saya minta penjelasan sekarang.

TUAN SPEAKER: Okey, minta apa penjelasannya.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Kalau kata, saya nak jelaskan, dikatakan SELCAT

TUAN SPEAKER: Ah! nak jelaskan, saya nak kata ... sekarang minta penjelasan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: SELCAT dikatakan disalah gunakan...

TUAN SPEAKER: Apa soalnya? apa soalnya?

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Soalnya, mudah.

TUAN SPEAKER: Ya..

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Kita lihat SELCAT mengatakan duit telah disalah gunakan. Tetapi SELCAT tidak melaporkan kegiatan ...

TUAN SPEAKER: Yang sekarang ini, minta penjelasannya, ini bukan penjelasan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Penjelasannya, mengapa aktiviti BALKIS tidak dilaporkan dalam SELCAT.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Sepatutnya, ah! Sg. Panjang sepatutnya mendengar lebih awal lagi, tapi kerana tidak, kerana SELCAT hanya untuk melihat cara pentadbiran syarikat-syarikat yang di bawah kerajaan negeri. Itu cara. Adakah cara pentadbiran itu betul atau tidak. Sebagai contoh saya nak bagi beritahu.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Penjelasan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Nanti, belum habis. Dengan dulu penjelasan. Tunggu dulu, dengar dulu. Biar penjelasan habis baru tanya soalan baru. Soalan belum jawab, nak tanya soalan dua-dua. *Step by step*lah.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Jadi saya hendak jelaskan dan perkara yang kedua yang kita mesti lihat yang selalu sepatutnya kita lihat apakah cara-cara CSR yang dibuat oleh syarikat-syarikat besar dan juga syarikat-syarikat yang juga ini kita anggap syarikat swasta. Apakah cara-cara syarikat-syarikat swasta menjalankan usaha-usaha kebajikan ada dan saya hendak tunjukkan contohnya. Biasanya syarikat-syarikat swasta menjalankan CSR nya ada 2 bentuk. Satu apabila untung dia akan bagi sebahagian pada keuntungan untuk kegunaan projek-projek tertentu. Kedua dia juga menggunakan tidak lebih daripada 2 ke 5% daripada hasil pendapatan-pendapatan dia untuk kegunaan bukan bisnes dipanggil kegunaan-kegunaan bukan bisnes. Jadi maknanya kegunaan-kegunaan itu kita bukan buat bisnes tapi adalah juga kita bagi untuk kegunaan-kegunaan masyarakat tapi hadnya ada. Tapi dalam SELCAT telah ditunjukkan bahawa antara fungsi-fungsi syarikat-syarikat ini adalah untuk membagi derma sehinggakan dia tidak tahu keuntungan dan keuntungan itu ada kalanya sampai 10 ke 15% daripada keuntungan syarikat-syarikat itu terus diberikan dan dimasukkan. Ini satu perkara dimasukkan sebagai *expenses* sebagai satu daripada usaha perniagaan bukan ini bukan usaha perniagaan membagi derma bukan satu usaha perniagaan. Membagi derma ialah satu usaha bukan dalam lingkungan itu sebab kita kena kaji itu sebab kita kena tengok dan pengajaran itulah yang kita hendak buat supaya baru kita tahu pekerja-pekerja tersebut dapat menjalankan

kerja setanding dengan perniagaan-perniagaan yang lain tapi contoh-contoh yang dibagi oleh SELCAT ada kalanya syarikat ini tak ada kerja lain sebahagian besar daripada kerjanya ialah untuk menolong BALKIS menjalankan kebajikan. Jadi kalau macam itu Kerajaan Negeri tubuhkan BALKIS sebagai satu syarikat menjana kebajikan jadi senang kita ukur. Ini kita gunakan Ketua *Eksekutif* syarikat BALKIS jadi tukang membawa duit untuk kebajikan ini salah, ini salah, salah daripada segi sistem perniagaan bukan bila kita daftar syarikat kita sebagai sistem perniagaan kita kena buat piagam daripada awal saya katakan dulu. Itu sebab pemikir-pemikir pengurusan mengatakan *goverment* tak boleh buat bisnes itu sampaikan sehinggakan dia kata macam itu sebab *goverment biast*. Sebagai contoh saya hendak bagi contoh sebagai PNSB ini yang sebenarnya PNSB ini ialah satu syarikat saya hendak bagi contoh satu syarikat di mana tanah diberi kepada syarikat tersebut oleh Kerajaan Negeri sebagai premium tak payah beli hanya bayar premium dengan harga serendah-rendahnya katalah dia ada 10 ekar dia bagi kepada PNSB dan PNSB tak ada banyak kerja dan memanggil satu kumpulan untuk *join venture* usaha sama untuk membangunkan projek ini. Dalam usaha sama ini PNSB sudah tentulah mendapat untung sebab dia beli tanah daripada kerajaan dengan premium yang sangat rendah dan dia gunakan nilai sebab itu dia tukar bentuk daripada pertanian kalau pertanian harganya RM1 sekaki kalau dapat ditukarkan menjadi perumahan RM1 jadi RM10 jadi dengan itu PNSB ada usaha sama terus dapat untung dan itulah *justifikasi* keuntungan. Nah.. untung ini kita bagi sedikit untuk rakyat. Tapi itu bukan itu yang kita katakan tak boleh buat bisnes itu bukan bisnes itu yang berlaku dan yang menakutkan lagi sebagai contoh *join venture* itu bukan saja tanah tersebut tetapi orang yang *join venture* itu pula diberi pula kesempatan hanya dengan membagi RM100,000.00 kalau tanah itu 1,000.00 ekar boleh jadi nilainya 5,000.00 dengan membagi RM100,000.00 boleh ditandatangani *join venture* usaha sama yang terus dibagi hak-hak tanah itu kepada *partner* nya hinggalah terdapat apa yang berlaku terdapat *the power attorney* kuasa atas tanah tersebut sudah diserahkan kepada *partner* tersebut ada kalanya bisnes itu tak berjaya dan banyak kes-kes yang menunjukkan PNSB ini tidak berjaya dalam usaha sama tersebut. Itu kes lain boleh jadi saya takut SELCAT datang pula nak tengok kes itu tapi boleh, boleh kita tengok. Tapi yang penting, yang penting saya hendak tunjukkan bahawa syarikat ini di anggap syarikat mendapat ihsan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan dengan ihsan ini digunakan keuntungan ini untuk katalah kita agih-agihkan sedikit kepada masyarakat yang miskin. Ini bukan prinsip. Ok sila.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Tuan Speaker dan YAB Dato' Menteri Besar. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Dato' Menteri Besar apakah Kerajaan Negeri sedar bahawa amalan Kerajaan yang lama dalam urusan pemberian tanah anugerah tanah ini mereka tidak melalui Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri kerana kalau penganugerahan tanah kepada syarikat-syarikat yang khususnya yang ada kepentingan dan hubungan yang cukup akrab dengan pimpinan ketika itu kalau dibuat melalui mesyuarat Kerajaan Negeri ianya terlalu ketara maka apa yang diamalkan pentadbiran lalu ialah EXCO meluluskan penganugerahan tanah itu kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri terlebih dahulu transit untuk dua hari atau tiga hari kemudian Lembaga Pengarah anak syarikat itu yang kebanyakannya dipengerusikan oleh Menteri Besar akan menganugerahkan tanah itu kepada syarikat-syarikat yang ada hubung kait dengan pentadbiran pada ketika itu. Jadi tidak ketara EXCO meluluskan penganugerahan tanah tetapi menggunakan anak-anak syarikat seperti ini untuk menganugerahkan tanah dan melakukan *join venture* dengan memberikan keuntungan yang besar kepada orang-orang tertentu tetapi pulangan yang terlalu rendah kepada Kerajaan Negeri.

YAB DATO MENTERI BESAR: Saya bukan mengatakan semua urus niaga dilakukan dalam bentuk itu tapi ada juga urus niaga yang telah dilakukan kebanyakan Kerajaan Negeri memberikan tanah-tanah kepada PKPS satu kumpulan bukan syarikat ialah unit macam PKNS

jadi kita ada pernah dibagi kepada PKPS juga dibagi PNSB dan seterusnya. Tapi contohnya PNSB dan PKPS bukan PKNS. PKPS DAN PNSB ini terutama PNSB ialah syarikat kalau kita bagi tanah kepada satu syarikat itu kita membagi tanah kerana syarikat itu mempunyai keupayaan membangunkan tanah atau tidak tapi PNSB ialah satu syarikat yang mana orang yang menjaga syarikat itu pun tidak mempunyai kepakaran dalam usaha pembangunan tanah tak ada tak ada. Kita Tanya berapa ribu unit yang sudah dibangunkan tahu saudara telah membuat projek mengubah daripada tanah pertanian menjadi tanah perumahan tak ada. Jadi unjuran saudara Bukit Antarabangsa yang mengatakan dia adalah *step* dalam usaha sama itu benar, itu *step* pertama maknanya untuk PNSB *step* pertama jadi tanah Kerajaan Negeri yang ada diberikan kepada PNSB dan PNSB mencari atau ditunjukkan siapa *partner* dia itu ada itu untuk PNSB tiap-taip kali *modes operandi nya* dalam keadaan tersebut. Dan malangnya walaupun *modes operandi* tersebut tetapi lebih 20% daripada projek-projek tersebut tidak mendatangkan keuntungan dan PNSB kalau tidak untung itu syarikat gila itu kerana senang syarikat mengambil tanah dari Kerajaan Negeri bagi pada orang dengan nilai yang tinggi itu. Jadi maknanya dia hanya penatar tapi adakah dengan cara itu memberikan kesempatan oleh pemimpin-pemimpin negeri untuk mengagihkan keuntungan itu kepada rakyat keseluruhannya itu jawapan. *This is the artitel*kalau kita hendak menubuhkan syarikat untuk tujuan kebajikan itu kita tidak boleh lakukan sebab syarikat ditubuhkan untuk berniaga dia mesti berniaga dan perniagaan itulah akan menghasilkan keuntungan itu caranya itu sistem yang betul itu sebab ada akaun apa pun jualan berapa untungnya dan seterusnya. Kalau syarikat hanya menjadi broker tanah maknanya negeri adalah satu kesalahan dari segi konsep bukan dari segi apa kita menggunakannya. Jadi Tuan Speaker saya tak nak bercakap panjang

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tuan Speaker, mohon penjelasan, Tuan Speaker. Sebentar tadi YAB Ijok menyatakan SELCAT dipanggil untuk mengenal pasti kelemahan Anak Syarikat Negeri tetapi saman yang saya terima di atas nama BALKIS, sebab itulah saya tak hadir.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Masalah BALKIS sama ada Sg. Panjang setuju atau tidak ada juga hubungannya dengan syarikat-syarikat di sini. Saya nak terangkan daripada BALKIS ialah....

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tuan Speaker, masalah sekarang ini kita berbincang Anak Syarikat Negeri ataupun BALKIS dalam dewan ini. Kalau kita bincang masalah BALKIS kita ada *local standard* kita nak bincang kerana BALKIS pertubuhan NGO dan kita bukan *membersnya*. Kalau kita nak bincang hal syarikat negeri elok diperjelaskan. SELCAT memanggil semuanya atas nama anak syarikat negeri bukan nama BALKIS tapi jemputan, saman yang dihantarkan kepada saya jelas mengatakan bahawa isu BALKIS, sebab itulah sekumpulan *lawyer* menasihatkan, peguam, tidak boleh hadir kerana saya bukannya ahli BALKIS. Persoalannya sekarang dewan ini perlu diperjelaskan SELCAT ini memanggil, mengenal pasti Anak Syarikat Negeri ataupun BALKIS tetapi daripada persidangan daripada pendengaran yang kita dengan jemputan-jemputan, saman-saman yang diberikan atas nama BALKIS.

TUAN SPEAKER: Baik, Yang Berhormat bacalah penyata dulu baru cakap ya, penyata mungkin saya jelas YB tak baca tu.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tuan Speaker, jemputan kepada saya adalah

TUAN SPEAKER: Baca dulu, baca dulu penyata dulu baru bercakap.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saman di situ BALKIS.

TUAN SPEAKER: Di situ jelas ya

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Ini saya kata dewan ini tidak adil...

TUAN SPEAKER: Tak apa, tak apa teruskan, teruskan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Dewan ini tidak adil.

TUAN SPEAKER: Ya ya teruskan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Sg. Panjang, kalau Sg. Panjang duduk mendengar dulu, barulah kita dapat sama-sama apa tu, berbincang dengan cara yang lebih...

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Bukan, bukan saya tak nak mendengar tetapi saya nak perelaskan kita kena jelaskan dalam dewan ini, sama ada dewan ini bincangkan masalah kelemahan anak syarikat negeri ataupun BALKIS. Kalau BALKIS kita tidak ada *locus standy* kita untuk bincang masalah BALKIS kerana kita bukan ahli BALKIS. Saya lihat perkara ini berlaku kerana apabila BALKIS di dibubarkan dan ketika mana SELCAT memanggil BALKIS, BALKIS telah dibubarkan. Membincangkan satu persatuan yang telah dibubarkan dan tidak mengikut peraturan, dewan ini telah digunakan dengan cara yang salah.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Perlu saya terangkan. Pertama jika YB jadi Menteri Besar, dan pernah menjadi Menteri Besar, YB dapat sebuah syarikat sebuah syarikat yang di bawah jagaan Menteri Besar yang cara pemberiannya YB tidak setuju katalah Yang Berhormat.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Yang Amat Berhormat saya nak jelaskan sekarang ni, nak bincang masalah anak syarikat ataupun BALKIS.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Habis saya perkenalkan, barulah Yang Berhormat....nanti ...saya kena mengajar daripada A ke F, kalau saya buat F kang saudara tak tahu,nanti kejap, nanti kejap, tidak, itu sebab saya nak terangkan dan Yang Berhormat tahu...(pusing-pusing)...tak ada, tak ada, ini bukan pusing, kalau you tak faham jadi susahlah, jadi daripada YB dapat bahawa sebuah syarikat itu didapati salah penggunaan wang bukan menjalankan bisnes tapi banyak menjalankan usaha kebajikan, dan katakanlah yang usaha kebajikan itu namanya BALKIS, adakah tidak wajar Pengarah-pengarah ataupun SELCAT memanggil BALKIS untuk memberikan penerangan bagaimana boleh *justify* pemberian-pemberian tersebut. Adakah tidak wajar atau tidak. Kalau untuk mengetahui untuk mengetahui adakah tidak wajar, kalau tidak wajar, maknanya, jadi kalau saudara tahu macam sebagai contoh, saya ada mempunyai syarikat, syarikat itu membelanja katalah RM20,000 biasanya RM5,000 tiap-tiap tahun tapi RM20,000 dengan katalah sebagai contoh, tapi ini contoh, pergi ke *dentist* bayar RM20,000 jadi, Pengarah Syarikat itu tanya "eh dulu RM5,000 sekarang RM20,000, boleh tak kita pergi panggil pada *dentist* tersebut tanya mengapa RM20,000, boleh jadi jawapannya munasabah, boleh jadi jawapannya tak munasabah.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR B TOYO: Tuan Speaker, saya nak mencelah, jadi isunya sekarang, YAB kena jelaskan kita berbincang tentang masalah pentadbiran anak syarikat Kerajaan Negeri bukan BALKIS, tetapi saya nak bagi tahu saman yang dihantar kepada saya

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat sekarang ni Yang Berhormat sekarang ini soal *locus standee locus standee* saya rasa sebagai Speaker, *locus standee* dalam bidang kuasa-bidang kuasa saya rasa Speaker kena beri petua dalam perkara ini. Dalam soal BALKIS dengan anak syarikat, sekarang ni masalahnya anak syarikat memberi sumbangan kepada BAKIS jadi sudah tentu BALKIS dipanggil untuk menjawab sama ada dia terima sumbangan ke tidak. Kita tak tahu, mungkin BALKIS datang kata tak ada terima sumbangan, jadi bererti ada penyelewengan di pihak anak syarikat. Jadi semua pihak yang terlibat mesti panggil itulah cara menyiasat, kalau cuma panggil satu pihak mana panggil penyiasat sebab itu semua pihak dipanggil untuk memberi penjelasan. Soal *locus standee* di mahkamah sekali pun kalau kita mencabar, mencabar bidang kuasa mahkamah pun kena kita menghadap dulu pergi cakap dengan hakim, saya mencabar bidang kuasa mahkamah ini untuk membicarakan kes ini. Ini biasa, kalau peguam YB tidak faham, itu saya rasa susahlah. Kita nak cabar pun kita kena berdepan dengan orang yang kita mencabar. Takkan kita mencabar bila orang tak nak datang mencabar, itu bukan caranya. Sekarang ni pun sama juga tadi kita membuka perbahasan, jadi permulaan saya kata saya buka, kalau 20 pembangkang nak bahas, saya buka, tapi bila buka perbahasan tak masuk. Bila orang menjawab baru nak kacau, saya rasa YB nak cari publisiti sebab dah semua kamera dah ada, tunggu saya halau. Saya rasa yang soal *locus standee* sudah dijawab oleh Menteri Besar saya tidak akan membenarkannya. Kalau nak undi itu terpulang ikut prosedur, tapi saya dah melihat bila saya buka usul ini untuk dibahaskan, YB tidak mahu masuk ke dalam dewan ini, jadi *locus standee* saya rasa YAB sudah jawab, dan saya pun menjawab mengikut peraturan itu saja yang saya benarkan, saya minta YAB Menteri Besar teruskan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya minta teruskan, saya dijemput.....

YAB DATO' MENTERI BESAR: Perkara yang kita bincangkan dalam dewan ini. Sg. Panjang boleh membuat apa pun di dalam Jawatankuasa BALKIS untuk Sg. Panjang nak beri penerangan mengapa Sg. Panjang kata begitu. Saya faham dan tidak semestinya saya bersetuju, saya faham, saya faham maknanya saudara dijemput atas nama BALKIS saya rasa penerangan itu lebih luas daripada itu, mengapa BALKIS, ada tak dia hubungan dengan PNSB atau syarikat-syarikatnya, kalau ia ada hubungannya, Sg. Panjang selaku Pengerusi PNSB pernah menjadi Pengerusi semasa adanya BALKIS itu, adalah satu tanggungjawab untuk memberi penerangan mengapa perkara itu berlaku. Itu pun satu perkara yang sepatutnya kita sebagai pemimpin sanggup memberi penerangan dan mengapa saya jadi Pengerusi, saya akan berikan kerana saya percaya ini akan memberi pertolongan kepada beribu-ribu masyarakat di Selangor. Tak apa, tapi dengan protokolnya siapakah BALKIS, saya bukan BALKIS, adakah Menteri Besar pada masa itu, selaku Menteri Besar tidak menghalang ataupun menggalakkan, ataupun menyuruh PNSB membagi pada BALKIS. Itu yang kita nak tanya sebab ada kepentingan Pengarah Syarikat dengan syarikat dan BALKIS dan saya tidak nak bercakap panjang ini tapi apa yang saya lakukan sekarang ialah saya telah tubuhkan MBI *Incorporated* yang Sg. Panjang tahu kita kena tubuhkan supaya kita dapat melihat segala pemberian dan untuk diawasi dan saya berterima kasih kepada SARCAT telah memberikan beberapa apa tu perkara yang perlu diperhatikan dalam usaha untuk menjamin *governance* yang diuruskan dengan cara yang terbaik.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya mengikut perenggan sub 5 dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya penyata Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketulusan SELCAT yang dibentangkan sebagai kertas mesyuarat bilangan 18 Tahun 2009 diterima pakai.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. (YA).

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Utusan Mesyuarat seterusnya. Usul No. 6 Tahun 2009 menerima penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, saya berdiri di bawah Peraturan Tetap 76(5) ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: bahawasanya mengikut perenggan 5 dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, dewan yang bersidang pada hari ini membuat satu ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat dalam penyata Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Negeri Selangor yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2009 diterima. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tujuan usul ini adalah untuk menerima laporan dan meluluskan hukuman yang telah dibuat dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan seperti di perenggan 23 dan 24 Penyata oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ke atas Yang Berhormat ADUN Sungai Panjang. Yang Berhormat Adun Tunku Yang Berhormat ADUN Sabak, Yang Berhormat ADUN Batang Kali dan Yang Berhormat DUN Hulu Bernam iaitu bagi pertuduhan pertama Yang Berhormat ADUN Sungai Panjang dikenakan hukuman gantungan daripada perkhidmatan dewan selama 1 tahun dan dipotong semua elaun serta kemudahan, kemudahan bulanan selama 1 tahun. Bagi pertuduhan kedua, ketiga dan keempat Yang Berhormat ADUN Sungai Panjang dikenakan hukuman penggantungan daripada perkhidmatan dewan selama 1 tahun dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama 1 tahun. Jawatankuasa ini juga memutuskan bahawa keempat-empat hukuman yang dijatuhkan ke atas Yang Berhormat ADUN Sungai Panjang hendaklah dijalankan serentak. Tuan Speaker bagi ahli-ahli dewan yang lain hukuman yang dikenakan adalah seperti berikut : Bagi Yang Berhormat ADUN Sabak, penggantungan daripada perkhidmatan dewan selama 6 bulan dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama 6 bulan. Bagi Yang Berhormat ADUN Batang Kali, penggantungan daripada perkhidmatan dewan selama 6 bulan dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama 6 bulan. Bagi Yang Berhormat ADUN Tunku penggantungan daripada perkhidmatan dewan selama 6 bulan dan dipotong semua elaun dan serta kemudahan bulanan selama 6 bulan. Bagi Yang Berhormat ADUN Hulu Bernam penggantungan daripada perkhidmatan dewan selama 6 bulan dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama 6 bulan. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Kg. Tunku menegaskan bahawa hukuman yang dikenakan ke atas kelima-lima orang ADUN ini adalah berbeza dengan hukuman yang dikenakan ke atas ADUN-ADUN dan Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat pada masa yang lalu. Saya telah meneliti penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor ini dan telah mengetahui bahawa Mesyuarat Jawatankuasa telah diadakan dan satu sesi pendengaran telah dipanggil untuk kesemua 5 orang ADUN yang berkenaan untuk datang membela diri sendiri. Kesemua ADUN ini telah datang dan diwakili oleh 7 orang peguam dan mereka telah mengemukakan bantahan. Kemudian kesemua ADUN yang terlibat itu telah mengambil keputusan untuk tidak membela diri. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berbanding dengan apa yang berlaku ke atas Wakil Rakyat Pakatan Rakyat yang lalu hukuman yang dikenakan ke atas mereka selalunya dilakukan dengan secara tergesa-gesa, di mana Wakil Rakyat yang dihukum selalunya tidak diberi peluang yang mencukupi untuk mereka menghadirkan diri ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk membela diri sendiri. Tetapi ini adalah berlainan pada kali ini pula, sebenarnya peluang-peluang yang seluas-luasnya telah diberi kepada mereka apa yang

menghampakan ialah kesemua ADUN ini memilih untuk tidak membela diri. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian apa yang saya dapat perhatikan juga semasa pengundian dibuat, wakil induk Barisan Nasional di dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan iaitu Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, telah memilih...ini amat menghairankan...telah memilih untuk berkecuali semasa membuat keputusan dalam 7 daripada 8 pertuduhan. Ini bermakna, YB. Kuala Kubu Baharu, yang merupakan wakil Barisan Nasional di dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri, hanya menolak 1 pertuduhan sahaja, yang lain, berkecuali. Ini menunjukkan bahawa terdapat juga ADUN dari Barisan Nasional sendiri yang tidak sanggup mengambil keputusan untuk menolak pertuduhan-pertuduhan ini. Apakah maknanya. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hukuman-hukuman yang diluluskan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor ini adalah berpatutan. Seperti yang dipesan oleh Tuanku Sultan Selangor, semasa majlis Santapan Ulang tahun Ke 50 Dewan Negeri Selangor, martabat dan keutuhan Dewan Negeri Selangor perlulah dijunjung setiap masa. Setiap anggota dewan perlulah melaksanakan tugas mereka mengikut peraturan dan peruntukan di dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959 dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri yang kita pegang ini. Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas yang didirikan oleh dewan termasuk...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya..

TUAN SPEAKER: Waktu sudah 4.30.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya..

TUAN SPEAKER : Boleh sambung besok.

YB. LAU WENG SAN: Ya..boleh..boleh..boleh

TUAN SPEAKER: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan 4.30 petang, dengan itu saya menangguhkan dewan sehingga hari esok 15hb. Julai 2009 jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)